

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH**

Sistem pengajian pondok tidak lagi merupakan satu sistem yang baru dalam dunia pendidikan Islam. Sistem pengajian pondok merupakan sistem pendidikan Islam yang tertua di Nusantara. Sememangnya tidak boleh kita nafikan bahawa sistem pengajian ini sudah pun berjaya dalam menjalankan perananannya.

Peringkat awalnya perkembangan sistem pendidikan tersebut telah menarik perhatian umat Islam di Nusantara. Dalam perkara ini kita lebih menumpukan di Indonesia khususnya kepada pondok di daerah Batubara Sumatera Utara. Ramai masyarakat dan ibubapa yang mahu menghantarkan anak mereka untuk menimba ilmu pengetahuan di dalam pondok. Sehingga anak-anak mereka pun banyak yang berjaya dalam memahami ajaran agama Islam ini secara lebih mendalam lagi.

Namun kini kita sedikit risau bahawa sudah ramai ibubapa dan pelajar mempunyai minat yang kurang dalam menuntut ilmu agama terutama di pondok. Ini merupakan suatu permasalahan besar yang dihadapi oleh negara dan juga agama. Kerana secara tidak langsung menunjukkan bahawa jumlah ulama sudah semakin sedikit.

Walaupun demikian para pimpinan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin di daerah Batubara Sumatera Utara terus berusaha mengembalikan semula semangat masyarakat untuk mempelajari ilmu-ilmu agama khususnya di pondok, dan tampaknya masyarakat pun merasa bangga dengan apa yang telah diusahakan tersebut. Sehingga terjalinlah kerjasama yang mesra antara pengurusi pondok dengan masyarakat.

Sebagai gambaran umum bahawa Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin ini di tubuhkan pada hari bulan 8 September 1997. Sememangnya pondok pesantren ini masih baru, namun walaupun ianya baru tetapi sudah memberikan kesan yang sangat mendalam bagi masyarakat di daerah Batubara terutama dari sudut peranannya dalam pendidikan Islam. Penulis menilai bahawa diantara faktor kejayaan pondok ini adalah pentadbiran yang baik serta ada beberapa pendidikan Islam yang dijalankan secara profesional seperti latihan ibadah haji dan tahlidz al-Quran. Kemudian pondok pesantren ini juga mendapat perhatian yang besar dari masyarakat setempat dan kerajaan.

Tertarik dalam permasalahan ini, saya berniat bahawa mahu meneliti lebih lanjut lagi mengenai perjalanan dan usaha-usaha yang dilakukan sehingga ditubuhkannya pondok pesantren tersebut. Dalam tulisan ini saya akan mengkajinya dengan tajuk “Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin : Kajian Mengenai Sejarah Dan Peranannya Terhadap Pendidikan Islam Di Daerah Batubara (1997 – 2010) Sumatera Utara-Indonesia”.

## **1.2 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan antara lain mengambil kira beberapa objektif utama antaranya:

1. Mendedahkan sejarah pendidikan Islam di Batubara.
2. Menjelaskan sejarah Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin di daerah Batubara.
3. Menerangkan sistem dan metode pengajian yang dijalankan di Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin di daerah Batubara.
4. Menjelaskan Peranan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin terhadap pendidikan Islam di daerah Batubara (mulai 1997 sampai dengan 2010).

5. Kajian juga bagi menganalisis sejauhmana kefahaman masyarakat sekarang berhubungan dengan pengajian pondok, dan permasalahan yang dihadapi oleh institusi pondok pesantren tersebut serta cara mengatasinya.

### **1.3 KEPENTINGAN KAJIAN**

Memandangkan kejayaan institusi pondok dalam membentuk masyarakat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar iaitu melalui metode pengajian tradisional yang diwarisi zaman berzaman, maka kajian ini dibuat bagi mengetahui secara mendalam dan terperinci, apakah yang dimaksudkan dengan institusi pondok dan sejauhmana sejarah serta peranannya di Batubara, Sumatera Utara-Indonesia. Antara kepentingan kajian ini adalah :

1. Kajian ini penting untuk mengetahui sejarah pendidikan Islam di Batubara, termasuk mengenai definisi institusi pondok berserta sejarah perkembangannya dan agensi-agensi yang berperanan dalam pendidikan Islam setempat.
2. Mengetahui secara mendalam sejarah penubuhan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin di Batubara.
3. Mengetahui sistem dan metode yang digunakan.
4. Mengetahui peranan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin terhadap pendidikan Islam di daerah Batubara (mulai 1997 sampai dengan 2010).
5. Menganalisis sejauhmana kefahaman masyarakat setempat berhubungan pengajian pondok, dan permasalahan yang dihadapi dan cara mengatasinya.

## **1.4 SKOP DAN BATASAN KAJIAN**

Ruang lingkup kajian ini adalah menumpukan kepada sejarah berdirinya dan sejauhmana pondok memainkan peranannya dalam pendidikan Islam di Batubara, Sumatera Utara-Indonesia dengan melihat kepada aspek-aspek berikut :

1. Menjelaskan sejarah pendidikan Islam di Batubara, juga tentang definisi institusi pondok beserta sejarah perkembangannya dan agensi-agensi yang berperanan dalam pendidikan Islam di Batubara.
2. Kajian ini juga secara khusus menyentuh sejarah penubuhan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin di Batubara ( mulai 1997 sampai dengan 2010).
3. Kajian ini juga menyentuh sistem dan metode pengajian Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin.
4. Mendedahkan peranan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin terhadap Pendidikan Islam di daerah Batubara (mulai 1997 sampai dengan 2010).
5. Menganalisis kefahaman masyarakat berhubungan dengan pengajian pondok, dan permasalahan yang dihadapi oleh institusi pondok pesantren tersebut serta cara mengatasi permasalahannya.

## **1.5 PENGERTIAN TAJUK**

Tajuk yang telah menjadi pilihan dalam kajian ini adalah “Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlisin : “Kajian Mengenai Sejarah Dan Peranannya Terhadap Pendidikan Islam Di Batubara, (1997 – 2010) Sumatera Utara-Indonesia”. Sebelum perbincangan lebih lanjut berhubungan kandungan perbahasan yang akan diutarakan dalam perbahasan tajuk di atas, ada baiknya jika diuraikan disini beberapa istilah yang terkandung dalam tajuk bagi membatasi skop pengkajian yang akan dibahaskan.

Perkataan “*pondok*” adalah ambilan dari bahasa Arab iaitu “*funduk*” yang memberi erti rumah tumpangan atau kediaman. Dalam *Mu’jam al-Wasyhit* perkataan ini dierangkan dengan tempat perhentian para musafir secara berbayar.<sup>1</sup> Atau tempat menginap para pemburu dan pengembara<sup>2</sup>. Kamus Dewan Bahasa pula mendefinisikan perkataan *Pondok* sebagai sesebuah rumah kecil yang didirikan sementara di sawah, ladang atau juga sebagai madrasah tempat belajar agama<sup>3</sup>

Perkataaan “*pesantren*”. Pondok dan juga Pesantren mempunyai makna yang sangat berhampiran hanyasanya perkataan “*pondok*” di gunakan dalam bahasa Melayu dan “*Pesantren*” digunakan dalam bahasa Jawa – Indonesia.

Dalam abad ke 19 perkataan *pondok*<sup>4</sup> mula dierangkan sebagai madrasah, asrama atau tempat belajar agama. Ini bersesuaian dengan terdapatnya deretan-deretan rumah kecil di sekitar tempat pengajian agama yang dibina oleh pelajar sebagai tempat penginapan dan simpanan barang-barang mereka, sementara mempelajari ilmu-ilmu agama di tempat-tempat yang dituju<sup>5</sup>

Perkataan “*wakaf*” berasal dari bahasa Arab “*Waqf*” yang memberi erti berdiri atau berhenti.<sup>6</sup> Sebagai satu istilah dalam syariah Islam ia bererti pembekuan hak milik atas mata benda (*al-‘ayn*) bagi tujuan menyedekahkan kegunaan atau faedah (*al-manfa’ah*) untuk kebajikan atau kepentingan umum.

---

<sup>1</sup> Dr. Ibrahim Anis, Dr. Abdul Halim Mansor, et al, (t.t), *Mu’jam al-Wasit* (t,t), T.T.P, j. 2, h. 703.

<sup>2</sup> *Ibid.*,

<sup>3</sup> Dr. Teuku Iskandar (2000), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : DBP, h. 1050. lihat juga, Hasan Hamzah (1997), *Ensiklopedia Dunia Melayu*, j.2 (L-Z), c.1. Selanggor : Anzagain Sdn. Bhd., h. 1.

<sup>4</sup> Dalam kajian ini, penggunaan perkataan “*Pondok*” boleh juga dirujuk kepada salah satu dari pengertian yang lebih sesuai dalam konteks pemakaianya. Pertama sebagai sesebuah institusi pembelajaran Islam yang berbentuk tradisional. Kedua , sebagai sesebuah rumah kecil berupa sementara yang didiami oleh murid-murid institusi tersebut. Untuk lebih lanjut lihat, Dr. Awang Had Salleh (1976), “Institusi Pondok Di Malaysia” dalam Dr. Zainal Kling (ed), *Masyarakat Melayu : Antara Tradisi Dan Perubahan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributor, h. 33.

<sup>5</sup> Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (t.t), *Kamus al-Marbawi*. T.T.P, h. 104. ; Prof. Datuk Ismail Hussein, et al (1989), *Tamadun Melayu*, j.2. Kuala Lumpur : DBP, h. 772.

<sup>6</sup> Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur (1990), *Lisan al-‘Arab*, juz. 9. Beirut : Dar al-Sadir, h. 359. muhammad Ibn Ya’qub al-Fayruzabadi (1970), *Tartib al-Qamus al-Muhit ‘ala Tariqah al-Misbah al-Munir wa Asas al-Balaghah*, cet. Kedua, juz. 4 Kaherah : Isa al Babi al-Halabi wa Syurakah, hal. 645-646.

Manakala dalam bahasa *wakaf* didefinisikan sebagai sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma) atau diperuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam<sup>7</sup>.

Perkataan “*pendidikan*” dalam tatabahasa Melayu ialah kata nama terbitan yang berakar umbi daripada kata dasar “*didik*” yang membawa erti jaga atau pelihara atau ajar dengan hati-hati sejak kecil. Apabila kata kerja tadi diberi imbuhan “*pen*” pada awal perkataan dan “*an*” pada akhir perkataan, timbulah sebutan “*pendidikan*”. Perkataan *pendidikan* bererti perihal mendidik atau pengetahuan mendidik.<sup>8</sup>

Dengan kata lain, maksud *pendidikan* ialah menyerapkan ilmu pengetahuan ke dalam diri bagi membentuk keperibadian dan watak serta mencungkil bakat yang terpendam.<sup>9</sup> Manakala dalam bahasa Inggeris, *pendidikan* disebut “*education*”.<sup>10</sup>

Perkataan “*Islam*” pula berasal dari perkataan “*aslama*” yang diambil dari kata dasar “*salima*” yang mempunyai makna suci dari kecacatan zahir dan batin, damai atau sejahtera, taat dan menyerah.<sup>11</sup> Islam juga memberi maksud agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad S.A.W.<sup>12</sup> pengertian Islam dalam segi syarak pula ialah mentauhidkan Allah, patuh, tunduk dan jujur kepadaNya serta

---

<sup>7</sup> Teuku Iskandar (2000), *Kamus Dewan*, Edisi ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1542.

<sup>8</sup> Teuku Iskandar (2000), *op.cit.*, h. 303.

<sup>9</sup> *Ibid.*,

<sup>10</sup> Perkataan *Pendidikan* dalam Bahasa Arab sering disebut dengan perkataan “*Tarbiyah*” yang bererti pendidikan. Selain daripada perkataan tersebut pendidikan juga disebut dengan perkataan “*Ta’lim*” yang memberi makna pengajaran dan perkataan “*at-Ta’dirib*” bererti pembentukan budi pekerti. Keterangan lanjut sila lihat, Syed Muhammad al-Naqib al-Attas (1980), *The Concept of Education in Islam*, Kuala Lumpur : Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM), h. 34-35. Perkataan *education* diambil daripada perkataan Latin iaitu *educere* atau *educare* yang bererti untuk memimpin keluar (to leadout). Lihat ‘Ahmad ‘Ali al-Ghanisy (t.t.) , *Usul al-Tarbiyyat*, T.T.P : al-Dar al-‘arabiyyah al-Kitab, h.46.

<sup>11</sup> Prof. Dr. Harun Din, et al. (1988), *Manusia dan Islam*, c.5 Selanggor : Percetakan AEE Sdn. Bhd., h. 96. Juga berasal dari kata kerja *aslama* yang memberi maksud tunduk atau patuh. Lihat Dr. Ibrahim Anis, et al, (t.t), *op.cit.*, h. 501.

<sup>12</sup> Dr. Teuku Iskandar, *op.cit.*, h.501.

beriman dengan ajaran Allah yang dibawa oleh Nabi Muhammad daripada Allah S.W.T.<sup>13</sup>

Bila digabungkan pendidikan dengan Islam maka lahirlah suatu bentuk atau proses pembelajaran bagi membentuk suatu generasi yang baru, yang berbeza cara berfikir dan akhlak berlandaskan kehendak agama Islam itu sendiri.<sup>14</sup> Sarjana Islam berbeza pendapat dalam memberi pentakrifan pendidikan Islam secara tepat.<sup>15</sup> Walau bagaimanapun boleh disimpulkan bahawa pendidikan Islam itu sebagai suatu proses dalam mengatur persoalan hidup insan dari alam dunia hingga ke akhirat dengan menekankan kepada semua aspek kehidupan (JERI)<sup>16</sup>

Perkataan “Batubara” pula adalah nama daripada satu daerah yang terdapat di wilayah Sumatera Utara di Indonesia, yang majoriti masyarakatnya adalah berbangsa Melayu, yang sering dikenal dengan suku Melayu Batubara.

## 1.6 PERUMUSAN MASALAH

Kajian ini membincangkan beberapa permasalahan berikut:

1. Mendedahkan sejarah pendidikan Islam di Batubara.
2. Menjelaskan sejarah Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin di daerah Batubara.
3. Menerangkan sistem dan metode pengajian yang dijalankan di pondok berkenaan.

---

<sup>13</sup> Prof. Dr. Harun Din (1988), *op.cit.*, h. 17.

<sup>14</sup> Abu al-Hassan ‘Ali al-Hassani al-Nadwi (1969), *Nahw al-Tarbiyyah al-Islamiyyah al-Hurrat*. Beirut : Dar al-Iryad, h. 8.

<sup>15</sup> Antara sarjana temapatan yang memberikan pentakrifan Pendidikan Islam ialah Syed Muhammad Al-Naquib al-Attas(1997), “*Reliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and aims of Education*” dalam (kertas kerja *First World Conference on Muslim Educ keyaation*, Mekkah. 31 Mac – 8 April, 1977), h. 20 ; Mohd Kamal Hassan (1981). “ Konsep Pendidikan Islam” dalam *Pendidikan Koleksi Dakwah*”. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 2. Abdul Halim al-Muhammady (1987), “ Pendidikan di Malaysia ke arah Keberkesanaan Pendidikan Melalui Pendidikan Sepadu”, dalam *jurnal Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : ABIM, h. 3.

<sup>16</sup> Maksud singkatan (JERI) tersebut adalah Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelak sebagaimana yang terkandung dalam falsafah pendidikan negara.

4. Menjelaskan Peranan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin terhadap pendidikan Islam di daerah Batubara mulai 1997 sampai dengan 2010.
5. Menganalisis kefahaman masyarakat berhubungan dengan pengajian pondok, dan permasalahan yang dihadapi oleh institusi pondok pesantren tersebut serta cara mengatasi permasalahannya.

### **1.7 ULASAN PENULISAN (*REVIEW OF LITERATURE*)**

Setakat ini sepengatahuan penulis bahawa belum ada yang membuat kajian mengenai tajuk yang sedang dijalankan ini. Namun ada juga beberapa penulis yang mengkaji tentang institusi pondok ini. Diantaranya adalah :

- a. Institusi Pendidikan Islam di Kelantan : Suatu Kajian Mengenai Sejarah Perubahan Dari Sistem Pondok Ke Sistem Sekolah. (Dalam tulisan tersebut penulisnya lebih fokus dalam pembahasan sistem, baik sistem pendidikan pondok mahupun sistem pendidikan sekolah. Tulisan tersebut juga lebih banyak membahas mengenai perubahan sistem yang terjadi).

Sementara dalam disertasi ini penulis juga membahas masalah sistem tersebut namun hanya secara ringkas dan lebih memokuskan terhadap permasalahan sejarah dan peranan pondok yang berkaitan.

- b. Peranan Pondok Dalam Pendidikan Islam Di Kelantan : Suatu Kajian Di Pasir Mas Kelantan. (Dalam tulisan tersebut, penulisnya membahas berbagai pondok yang ada di kawasan Pasir Mas Kelantan. Lebih dari 7 (tujuh) pondok yang menjadi pembahasan dalam disertasi tersebut. Pembahasannya pun juga berkaitan dengan sejarah pondok, namun ianya hanya dibahas sedikit sahaja dan lebih kepada peranan pondok-pondok yang ada di kawasan tersebut).

Sementara itu dalam penulisan disertasi ini lebih memokuskan terhadap satu pondok sahaja dan memperbincangkan masalah sejarah secara luas dan peranan-peranan yang ditunjukkan oleh pondok pesantren yang berkenaan.

c. Perkembangan Institusi Pondok Di Nusantara : Pengaruhnya Di Negeri Kedah.

(Dalam tulisan tersebut, penulisnya memperbincangkan masalah perkembangan institusi pondok yang ada di Nusantara dan dikaji pula pengaruhnya di Negeri Kedah. Pembahasannya juga mengenai beberapa pondok yang ada dan sangat sedikit membahas permasalahan peranan-peranan yang dijalankan oleh institusi pondok yang berkaitan).

Sementara itu dalam disertasi ini penulis sangat luas membahas permasalahan peranan yang ditunjukkan oleh pondok pesantren yang menjadi objek penelitian dan menggunakan soal selidik untuk mengetahui secara pasti peranan-peranan apa sahaja yang ditunjukkan oleh pondok pesantren yang berkenaan sehingga masyarakat tempatan lebih memilih institusi pondok untuk anak-anak mereka daripada sekolah umum yang ada.

## 1.8 METODOLOGI

Metodologi adalah berasal dari bahasa Latin (Yunani), iaitu “*Methodos*” dan “*logos*”. *Methodos* bermaksud cara, manakala *logos* bermaksud ilmu.<sup>17</sup> Sehubungan dengan itu metodologi ialah ilmu tentang cara mengadakan penelitian melalui penyelidikan.<sup>18</sup>

---

<sup>17</sup> Koenjtaraningrat (1990), *Metod-Metod Penelitian Masyarakat*. Jakarta : P.T. Gramedia, h. 7.

<sup>18</sup> Prof. Imam Bernabib (1982), *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta : Yayasan Penerbit, FIB-IKIP, h. 51. Metodologi juga mengandungi himpunan kaedah, prosedur, dan anggapan dasar yang diperlukan secara saintifik, ia menentukan kaedah yang sesuai dalam membuat penyelidikan terhadap sesuatu masalah. Sila lihat, Drs. Sidi Ghazalba (1981), *Pembimbing Lathan Ilmiah dan Thesis*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara, h. 52-53.

## **1.8.1 Metode Pengumpulan Data**

Dalam metode kajian ini, dua bentuk penyelidikan utama digunakan :`

### **1.8.1.1 Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*)**

Sebahagian besar data-data yang dikumpulkan dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan perpustakaan. Jenis metode yang digunakan dalam kajian ini antaranya :

#### **1.8.1.1 (a). Metode Sejarah**

Metode ini dilihat penting kerana banyak data-data primer seperti maklumat berkenaan dengan sejarah daerah Batubara dan sistem pendidikan awal di Batubara terdapat dalam buku, majalah, jurnal, kertas kerja dan lain-lain. Dapatan ini akan digunakan dalam bab satu, dua dan tiga berhubungan sejarah awal daerah Batubara serta sejarah awal kemasukan Islam ke daerah Batubara.

#### **1.8.1.1 (b). Metode Dokumentasi<sup>19</sup>**

Penggunaan metode ini adalah bagi mendapatkan fakta-fakta dan data-data dalam menyiapkan bab dua dan tiga. Antara sumber-sumber yang digunakan seperti dokumen-dokumen yang ada di pondok pesantren seperti data jumlah pelajar dan juga guru-guru beserta laporan.

### **1.8.1.2 Kajian Lapangan**

Bagi melengkapkan kajian ini, penulis juga menjalankan kajian luaran atau lapangan bagi mendapatkan fakta-fakta dan data-data yang tidak

---

<sup>19</sup> Metode Dokumentasi ialah suatu cara pengumpulan data dengan melakukan penelitian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubung kait dengan masalah yang dikaji. Sila lihat, Dr. Abdul Halim Mat Diah (1987), *Satu Contoh Mengenai Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 115.

tertulis atau tiada kepastian terhadap fakta yang ada. Antara metode yang digunakan adalah :

1.8.1.2 (a). Metode Pengamatan dan Pengalaman (Observasi)

Penulis juga menggunakan metode pengalaman dan pengamatan penulis sebagai menguatkan bukti yang dikemukakan terutamanya berhubungan dengan sistem pengajaran, kurikulum, sumbangan, dan masalah yang dihadapi oleh Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlisin sebagaimana yang akan dinyatakan dalam bab-bab berikutnya.

Pengamatan ini dilihat berdasarkan apa yang berlaku disekeliling penulis dan pengalaman penulis sendiri dalam mengikuti pengajian pondok dan tinggal berhampiran di kawasan pondok. Metode ini juga digunakan bagi menganalisa keputusan-keputusan yang diperolehi dari jawapan yang diberikan oleh responden.

1.8.1.2 (b). Metode Wawancara (*Interview*)

Penulis juga akan menggunakan metode wawancara untuk mengenalpasti sumber-sumber yang akan didapat. Untuk selanjutnya penulis akan merancang siapa sahaja yang akan diwawancara untuk menguatkan lagi hasil penyelidikan ini.

1.8.1.2 (c). Metode Soal Selidik

Bagi menyempurnakan kajian lapangan, penulis telah menyediakan satu set borang soal selidik bagi mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dengan masalah yang

dikaji. Namun, item yang dipilih dalam borang soal selidik adalah berdasarkan sejauhmana kefahaman responden terhadap kenyataan-kenyataan berhubungan sistem pengajian, peranan dan masalah yang dihadapi oleh institusi pondok masa kini.

### **1.8.2 Metode Analisa Data**

Setelah semua fakta dan data sudah terkumpul melalui metode-metode di atas, pengkaji menggunakan beberapa metode lain bagi tujuan mengolah dan menganalisis data-data yang telah diperolehi. Antara metode tersebut :

- i. Metode Induktif, iaitu dengan menganalisis fakta-fakta dan data-data yang diperolehi melalui pola pemikiran yang menjadi pembuktian dari hal yang khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Metode ini digunakan oleh penulis dalam bab tiga dan empat akan datang bagi mendapatkan faktor kejayaan pondok.<sup>20</sup>
- ii. Metode Deduktif, iaitu cara menganalisis fakta-fakta dan data-data dengan melakukan penulisan berdasarkan dalil-dalil umum terhadap hal-hal khusus.<sup>21</sup>

---

<sup>20</sup> Dr. Abdul Halim Mat Diah, *op.cit.*, h. 133.

<sup>21</sup> *Ibid.*, h. 134.

## **1.9 SISTEMATIKA PENULISAN DAN RANCANGAN PEMBAHASAN**

Adapun sistematika penulisan dan perancangan pembahasan dalam tajuk ”Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin : Kajian Mengenai Sejarah Dan Peranannya Dalam Bidang Pendidikan Islam Di Batubara” (1997-2010) Sumatera Utara – Indonesia” adalah :

Pada Bab Pertama Membahas : Latar Belakang Masalah, Objektif Kajian, Kepentingan Kajian, Skop Dan Batasan Kajian, Pengertian Tajuk, Perumusan Masalah, Ulasan Penulisan (*Review Of Literature*), Metodologi. Dalam Metodologi terdiri dari : Metode Pengumpulan data (Metode Sejarah Dan Metode Dokumentasi), Kajian Lapangan (Metode Pengamatan Dan Pengalaman / *observasi*, Kaedah Wawancara / *Interview*, Metode Soal Selidik Dan Metode Analisa Data. Pembahasan Sistematika Penulisan dijadikan format terakhir dalam bab pertama.

Pada Bab Kedua Membahas : Pendahuluan, Islam Dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Batubara, Sejarah Awal Pendidikan Islam Di Batubara (Sejarah Pendidikan Islam Secara Informal yang meliputi Bentuk Pengajian dan Tempat Serta Pelopor Awal Pendidikan Islam. Dan Sejarah Pendidikan Islam Secara Formal yang meliputi Bentuk Pengajian dan Tempat Serta Pelopor Pendidikan Islam). Klasifikasi Pendidikan Agama (Pondok Dan Madrasah). Perbandingan Antara Pondok dan Madrasah, Pendidikan Di Institusi Pengajian Pondok (Asas Sistem Pengajian Pondok dan Tujuan Penubuhan Pondok). Perkembangan Pondok Di Sumatera Utara (Zaman Kebangkitan Dan Kegemilangan Bermula pada 1912-1940 an Serta Faktor-Faktornya Dan Zaman Kemerosotan Institusi Pondok Dari 1940 an Sampai Sekarang dan Faktor-Faktornya). Sistem Dan Kaedah Pengajian Pondok Di Institusi Pondok (Sistem Dalam Proses Pengajian Pondok, Kurikulum Pengajian Pondok dan Kaedah Pembelajaran Pondok) dan diakhiri dengan Kesimpulan.

Pada Bab Ketiga Membahas : Institusi Pondok Dan Sejarah Perkembangannya Di Batubara, Pendahuluan, Pendidikan Di Institusi Dan Perkembangan Pondok, Sejarah Penubuhan Dan Perkembangan Pondok, Senarai Pondok Yang Pernah Ada Dan Faktor-Faktor Kemundurannya (Pondok Pesantren Al-Washliyah 1971-1980 an, Pondok Pesantren Darul Muhsinin (1988-2002). Perbandingan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlihin Dengan Pondok Yang Pernah Ada Di Daerah Batubara, Agensi-Agenzi Yang Berperanan Dalam Perkembangan Pendidikan Islam Di Batubara (Majlis Ulama Indonesia, meliputi Tujuan Dan Bidang Kuasa Majlis adn Peranan Majlis Dalam Pendidikan Islam), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Batuabara meliputi Bidang Tugas Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Batubara dan Peranan Jabatan Hal Ehwal Agama Dalam Pendidikan Islam, Yayasan Islam Di Batubara, meliputi Bidang Tugas Yayasan Islam Di Batubara dan Peranan Yayasan Islam Di Batubara Dalm Pendidikan Islam. Kesimpulan sebagai penutup dalam bab ini.

Bab Keempat Membahas : Institusi Pondok Pesantren Wakaf Al-Mukhlihin : Kajian Mengenai Sejarah Dan Peranannya Terhadap Pendidikan Islam Di Batubara (1997-2010), Sumatera Utara-Indonesia. Sejarah Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin meliputi : Penamaan Istilah Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin, Matlamat Penubuhan, Pentadbiran Pondok, Biografi Ringkas Pengurus Pentadbiran Dan Jumlah Pelajar. Pengolahan Data Terhadap Responden, Maklumat Responden (Jantina, Umur, Pengelasan Mengikuti Status Kelayakan Akademik, Pengelasan Mengikuti Status Pekerjaan). Kefahaman Masyarakat Islam Tentang Institusi Pondok (Penulis Memberikan berbagai soalan dalam pembahasan ini). Kesimpulan sebagai penutup dalam bab ini.

Pada Bab Kelima Penulis memberikan Kesimpulan yang meliputi Rumusan Kajian, Cadangan dan Saranan serta Bibliografi dan Lampiran-Lampiran.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim al-Muhammady (1987), “ Pendidikan di Malaysia ke arah Keberkesanaan Pendidikan Melalui Pendidikan Sepadu”, dalam *jurnal Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : ABIM.
- Abdul Halim Mat Diah (1987), *Satu Contoh Mengenai Huriaian Metodologi*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abu al-Hassan ‘Ali al-Hassani al-Nadwi (1969), *Nahw al-Tarbiyyah al-Islamiyyah al-Hurrat*. Beirut : Dar al-Iryad.
- Ahmad ‘Ali al-Ghanisy (t.t.) , *Usul al-Tarbiayyat*, T.T.P : al-Dar al-‘arabiyyah al-Kitab.
- Harun Din, et al. (1988), *Manusia dan Islam*, c.5 Selanggor : Percetakan AEE Sdn. Bhd.
- Hasan Hamzah (1997), *Ensiklopedia Dunia Melayu*, j.2 (L-Z), c.1. Selanggor : Anzagain Sdn. Bhd.
- Ibrahim Anis, Dr. Abdul Halim Mansor, et al, (t.t), *Mu’jam al-Wasit* (t,t), T.T.P,j. 2.
- Imam Bernabib (1982), *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta : Yayasan Penerbit, FIB-IKIP.
- Ismail Hussein, et al (1989), *Tamadun Melayu*, j.2. Kuala Lumpur : DBP.
- Koenjaraningrat (1990), *Metod-Metod Penelitian Masyarakat*. Jakarta : P.T. Gramedia.
- Mohd Kamal Hassan (1981). “ Konsep Pendidikan Islam” dalam *Pendidikan Koleksi Dakwah*. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Muhammad al-Naquib al-Attas (1980), *The Concept of Education in Islam*, Kuala Lumpur : Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Muhammad Al-Naquib al-Attas(1997), “Reliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and aims of Education” dalam (kertas kerja *First World Conference on Muslim Educ keyaation*, Mekkah. 31 Mac – 8 April, 1977).
- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (t.t), *Kamus al-Marbawi*. T.T.P.
- Teuku Iskandar (2000), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : DBP.
- Sidi Ghazalba (1981), *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Thesis*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Zainal Kling (ed), *Masyarakat Melayu : Antara Tradisi Dan Perubahan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributor.

## **BAB II**

### **PENDIDIKAN ISLAM DI BATUBARA**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Drg. H. Muhammad Syamsu As dalam bukunya *Ulama Pembawa Islam di Indonesia dan Sekitarnya* mengatakan bahawa berdasarkan *Seminar Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Aceh* yang diadakan di Banda Aceh pada tahun 1978, bahawa masuknya Islam pertama kali di wilayah Sumatera adalah di Aceh dengan tertubuhnya kerajaan Islam Perlak (pada abad ke-3 Hijriah / abad ke-9 Masehi).<sup>22</sup>

Perkataan Perlak berasal dari nama sejenis pokok kayu. Di daerah ini sangat banyak terdapat rimba pokok *kayu perlak* yang dalam perkataan orang Aceh dinamakan *kayie peureulak*. Kayu Perlak ini sangat baik untuk pembuatan perahu / kapal.<sup>23</sup> Menurut Prof. A. Hasjmy,<sup>24</sup> Kerajaan Islam Perlak ini dipimpin oleh seorang Sultan yang dilantik pada hari bulan 1 Muharram tahun 225 Hijriah iaitu Sultan Abdul Aziz bin Ali bin al-Muktabar bin Muhammad al-Diba bin Jakfar Shiddiq.

Daripada kerajaan Islam Perlak inilah akhirnya bermunculan kerajaan-kerajaan Islam lainnya di wilayah Sumatra, seperti kerajaan Islam Samudera Pasai yang dipimpin oleh keturunan Meurah Silu (al-Malik al-Saleh) yang berkuasa pada tahun 650-688 H/1261-1289 M<sup>25</sup> dan kerajaan Islam Siak. Menurut Drs. Suwardi Mohammad Samin dkk, bahawa masuknya Islam di Siak pada abad ke 12 M, ini dapat dilihat pada peninggalan kuburan bertahun 1128 M yang bercorak Islam, iaitu

---

<sup>22</sup> Drg. H. Muhammad Syamsu AS (1999), *Ulama Pembawa Islam Di Indonesia Dan Sekitarnya*, Jakarta : PT Lentera Basritama, h. 1.

<sup>23</sup> *Ibid.*,

<sup>24</sup> Prof. A. Hasjmy (1981), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Bandung : PT Alma'arif, h. 279.

<sup>25</sup> *Ibid.*,

kuburan Nizamuddin al-Kamil seorang Laksamana dari Dinasti Fatimiah.<sup>26</sup> Sementara itu menurut Drg. Muhammad Syamsu AS yang dalam bukunya *Ulama Pembawa Islam Di Indonesia Dan Sekitarnya* yang menjadi Sultan pertama di Kerajaan Islam Siak adalah Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah pada tahun 1723-1746.<sup>27</sup>

Menurut Musthofal Akhyar “salah seorang sejarawan daerah Batubara” mengatakan bahawa daripada Kerajaan Islam Siak inilah tertubuhnya Kerajaan Islam Lima Laras yang terletak di perkampungan Tanjung Tiram daerah Batubara. Sememangnya para sejarawan tidak dapat memastikan dengan tepat tarikh kedatangan Islam ke daerah Batubara, perkara ini disebabkan oleh tidak adanya seorang pun sejarawan yang menulis atau menerbitkan buku mengenai kemasukan Islam di daerah Batubara. Namun menurut Musthofal Akhyar pula masuknya Islam ke Batubara sejalan dengan tertubuhnya kerajaan Islam Lima Laras pada abad ke 16.<sup>28</sup> Sementara itu kemasukan Islam ke Batubara melalui belpagai jalur seperti melalui misi para mubaligh, perdagangan, perkahwinan, persaingan dalam penyebaran agama dan sebagainya.

## 2.2 ISLAM DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI BATUBARA

Perkembangan Pendidikan Islam di wilayah Sumatera Utara dahulunya berjalan penuh dengan proses, kerana bukan dimulai dengan pendidikan formal seperti langsung tertubuhnya pendidikan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah / madrasah-madrasah tetapi di mulai dengan pendidikan informal seperti : mengadakan pengajian-pengajian di surau, masjid, bahkan di rumah-rumah tok guru. Pendidikan formal baru dikesan pada tahun 1912 dengan tertubuhnya Pondok

<sup>26</sup> Lihat pada Drs. Suwardi Mohammad Samin dkk (1970), *Peranan Kerajaan Siak Dalam Sejarah Nasional Indonesia*, Pekan Baru : Universiti Riau, h. 41-42.

<sup>27</sup> Drg. H. Muhammad Syamsu AS, *op. cit.*, h. 18.

<sup>28</sup> Hasil temubual dengan Musthofal Akhyar pada 2 September 2009, pukul 9.45 pagi di pejabat beliau.

Pesantren Musthofawiyah yang terletak di Aek Singolut di Lembah Gunung Sorik Merapi\_Sumatera Utara.<sup>29</sup>

Sementara itu perkembangan pendidikan Islam di daerah Batubara juga mengalami perkara yang sama dengan wilayah Sumatera Utara, iaitu dimulai dengan pendidikan *informal* seperti diadakannya pengajian-pengajian di surau, masjid, rumah-rumah tok guru. Bahkan menurut Musthofal Akhyar<sup>30</sup> Istana Lima Laras yang di tubuhkan pada abad ke 16 pun juga dijadikan sebagai tempat pendidikan pada masa itu, namun dengan pergantian masa, pendidikan *informal* berubah menjadi sistem pendidikan *formal*, seperti pengajian di rumah sekolah yang menggunakan syllabus dengan perancangan pembelajaran yang baik.

### **2.3 SEJARAH AWAL PENDIDIKAN ISLAM DI BATUBARA**

Kedatangan Islam ke Indonesia telah membawa banyak reformasi terhadap masyarakat setempat, terutamanya dalam pendidikan keagamaan. Dalam abad ke 16 M dan awal abad ke 17 M, sejarah awal pendidikan agama pula membawa perubahan kepada institusi pendidikan pondok di Indonesia. Pada masa ini ulama penyebar agama Islam di Pulau Jawa telah mendirikan beberapa pondok pesantren di kepulauan Jawa dan pondok tersebut boleh bertahan sehingga abad ke 17. setelah itu perjuangannya dalam pendidikan ini dilanjutkan oleh anak cucu dan murid-murid beliau. Ulama tersebut adalah Sunan Giri, yang nama asalnya adalah Syeikh Maulana Ishak, ada juga gelaran lain terhadap beliau iaitu dengan sebutan Prabu Satrama.<sup>31</sup>.

---

<sup>29</sup> Direktorat Pendidikan Diniyah Dan Pondok Pesantren, Direktorat Jenderal Pendidikan Islam, Departemen Agama Republik Indonesia (2007), *Direktori Pesantren*, Jakarta : Departemen Agama Republik Indonesia, h. 26.

<sup>30</sup> Hasil temubual dengan Musthofal Akhyar pada 2 September 2009, pukul 9.45 pagi di Pejabat.

<sup>31</sup> Umar Hasyim (1979), *Sunan Giri*, Menara Kudus, h. 17 dan dalam Drg, H. Muhammad Syamsu (1999), *Ulama Pembawa Islam Di Indonesia Dan Sekitarnya*, Jakarta : PT Lentera Basritama, h. 47.

Sementara itu pula pada masa ini metodologi pengajaran dan pembelajaran juga bukan lagi terbatas kepada pengajian al-Quran dan tajwid malah bersifat menyeluruh dalam semua lapangan pendidikan agama Islam seperti ilmu *fiqh*, *tafsir*, *hadist*, *nahwu* dan *sarf* dan ilmu Islam lainnya.

Penghujung abad ke 18 M menyaksikan Batubara menjadi pusat dakwah Islamiah dan pendidikan Islam selepas Achech (sekitar akhir abad ke 14 M dan awal abad ke 15 M)<sup>32</sup> dan Patani (abad 16, 17 dan 18 M). Kemasyhuran Batubara sebagai pusat pendidikan Islam berlanjutan sehingga ke zaman perang dunia kedua (1936-45). Ketika inilah daerah Bau Bara dinobatkan sebagai “Kampung Ulama” kerana semamangnya banyak ulama dan pelajar agama yang ada pada masa ini, bahkan hingga sekarang.

### **2.3.1 Sejarah Pendidikan Islam Secara *Informal***

Menurut Musthofal Akhyar (1958), diantara ulama terawal yang menyebarkan pendidikan Islam di daerah Batubara adalah Che' Ayung (1700-an)<sup>33</sup>. Pada perkembangan berikutnya menurut Ustadz Tambah Sabar (1950)<sup>34</sup> Syeikh Haji Yahya (1800-an) merupakan seorang ulama yang pakar dalam bidang *tasawuf*, beliau menjalankan dakwahnya dengan menggunakan pendekatan Tarikat Naqsyabandiyah. Syeikh Haji Mad Zein Tasak (1800-an), menurut Ustadz Haji Abdul Wahid Mukthi (1954)<sup>35</sup> “ Haji Mad Zein Tasak (1800-an) ini adalah seorang ulama yang pakar dalam bidang *fiqh*, khususnya

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 10. diantara bukti Acheh menjadi pusat dakwah Islamiah adalah dengan datangnya ke Acheh seorang ulama yang terkenal dari Ranir, Gujarat yang bernama Maulana asy-Syekh Nuruddin Muhammad Jailany bin Hasanji bin Muhammad Hamid ar-Raniry al-Qurasyi, beliau adalah pak saudara dari Nuruddin ar-Raniry. Lihat Prof. DR. Hamka (1981), *Sejarah Umat Islam*, IV, Jakarta : Bulan Bintang, h. 141.

<sup>33</sup> Hasil temubual dengan Musthofal Akhyar pada 2 September 2009, pukul 9.45 pagi di pejabat.

<sup>34</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Tambah Sabar pada 3 September 2009, pukul 11.30 tengah hari di rumah beliau.

<sup>35</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Haji Abdul Wahid Mukthi, pada 4 September 2009, pukul 10.00.

dalam ilmu pembahagian warisan dan ilmu *falak*. dan Syeikh Haji Musa (1830-an).

Sementara itu menurut Ustadz Mohd. Suhairi (1960 an)<sup>36</sup> para Syeikh tersebut dianggap sebagai pelopor pertama yang melibatkan diri secara aktif dalam penyampaian pendidikan Islam kepada masyarakat Batubara secara teratur. Mereka dianggap masyarakat menyampaikan pengajaran pada peringkat awal di istana dan di surau-surau kepada masyarakat secara umum tanpa mengkhususkan pengajaran kepada anak-anak pembesar atau raja.

### 2.3.1 (a) Bentuk Pengajian

Bentuk pengajian pada peringkat awal adalah secara lisan, tanpa memiliki mana-mana kitab. Ini kerana pada masa itu kitab-kitab yang dicetak dalam tulisan jawi belum lagi wujud. Sebaliknya kitab yang digunakan sebagai panduan guru adalah dalam bahasa Arab yang dibawah dari Mekah atau dari ulama-ulama Arab dan juga orang-orang Arab dan India yang datang berdagang di kepulauan Melayu.<sup>37</sup> pada umumnya dan Nusantara pada khususnya.

Penekanan pengajaran pada peringkat ini, adalah tertumpu kepada pendidikan fardu ‘ain dan kifayah serta perkara-perkara yang berhubungan dengan amalan harian. Di samping itu, pemahaman terhadap rukum Iman dan Islam amat dititik beratkan. Manakala dalam pengajian al-Quran pelajar-pelajar akan didedahkan dengan cara menyebut huruf-huruf Arab dan jawi terlebih dahulu sehingga fasih dan kemudiannya akan diajar membaca disamping menulis potongan ayat-ayat al-Quran. Cara ini telah membantu

---

<sup>36</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Mohd. Suhairi, pada 3 September 2009, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>37</sup> Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (ed), *Warisan Kelantan X*. kota Bharu : Perbadanan Muzium Kelantan, h. 1.

perkembangan pendidikan di kalangan pelajar Islam.<sup>38</sup>baik di Tanah Melayu mahupun di Nusantara.

### **2.3.1 (b) Tempat Dan Pelopor Awal Pendidikan Islam**

Menurut Ustadz Haji Abdul Wahid Mukthi (1954)<sup>39</sup> “salah seorang murid daripada para Syeikh tersebut” bahawa Syeikh Haji Mad Zein Tasak (1800-an) dan Tuan Syeikh Haji Abdul Wahab (1800-an) dianggap sebagai ulama semasa, telah memulakan kegiatan beliau sebagai pendidik bermula sekembalinya dari Mekah dan Mesir (1830 an) dengan menjadikan istana raja dan surau sebagai pusat pengajian bagi semua lapisan masyarakat. Sistem pendidikan seperti ini adalah suatu corak yang paling teratur sebelum kewujudan sistem pondok.

Menurut Musthofal Akhyar (1958)<sup>40</sup> bahawa Selain berperanan sebagai pelopor pendidikan Batubara, Syeikh Haji Mad Zein Tasak juga dilantik sebagai penasihat kepada Datuk Muhammad Yuda (1907 M) yang menguasai Kerajaan Melayu Batubara sekitar tahun 1900 an M. Hasilnya, baginda telah menggalakkan orang ramai mendirikan surau dan wakaf sebagai tempat belajar serta sebagai tempat ibadat dan persinggahan. Usaha-usaha beliau mendapatkan sokongan penuh dari pihak masyarakat terutama oleh para ulama sehingga pada masa itu pendidikan Islam sangat mendapatkan perhatian orang ramai.

Usaha tersebut terus diwarisi oleh keturunan Datuk Muhammad Yuda (1907) dan ulama beserta murid-muridnya, sehingga berjaya melahirkan ulama-ulama berwibawa pada pertengahan abad ke 20 M seperti Haji

---

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 98.

<sup>39</sup> Hasil temubual dengan ustaz Haji Abdul Wahid Mukthi pada 4 September 2009 pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>40</sup> Hasil temubual dengan Musthofal Akhyar pada 2 September 2009 pukul 9.45 pagi di pejabat beliau.

Mua'llim Mahmud (1930 an – 1945), (Beliau pakar dalam bidang ilmu pembahagian warisan), Haji Mua'llim Muhammad (beliau pakar dalam bidang ilmu fikah), Mua'llim Usman Jalaluddin (1930 an – 1945), (Beliau pakar dalam bidang ilmu tafsir), Mua'llim Syuaib Ridwan (1930 an – 1945), (Beliau pakar dalam bidang hadist)<sup>41</sup>. Bentuk pengajaran dan pembelajaran juga mula mengalami perubahan, sehingga lahirlah sistem yang menyerupai pengajian pondok yang berasaskan *ahlu sunnah wal jama'ah*.

Pada masa ini walaupun tidak ada fasiliti yang mencukupi terutama dalam perkara bangunan yang memadai seperti halnya pondok dan sekolah-sekolah sekarang ini, namun pengajian dilakukan dengan sempurna diantaranya di istana raja, masjid dan surau-surau.

Secara umumnya tempat awal bagi penyelenggaraan pendidikan dan pengajaran Islam di Batubara telah bermula di istana (bagi anak-anak raja dan pembesar sekitar awal abad 20 an) kemudian surau dan madrasah seterusnya di masjid-masjid yang melibatkan orang ramai (antara tahun 1930 an -1945).<sup>42</sup>

Sekurang-kurangnya terdapat tiga masjid besar tertua di daerah Batubara : Masjid Raya (di kampung Tanjung Tiram), Adapun diantara tok guru yang memberikan pengajian di masjid ini adalah : Mua'llim Suib Ridwan (1870 an), Mua'llim Mahmud (1890 an), dan Tuan Bilal Harun (1880 an).<sup>43</sup> Kedua Masjid Al-Ikhlas (di kampung kedai sianam), Adapun diantara tok guru yang memberikan pengajian di masjid ini adalah : Tuan Abdul Muthollib (1860 an), Tuan Haji Musa (1830 an), Tuan Bilal Harun (1880 an), dan Khalifah Qosim (1890 an).<sup>44</sup>

---

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> *Ibid.*,

<sup>43</sup> Hasil temubual dengan Mufti Daerah Batubara, H. Muhammad Ghozali Yusuf, Lc. Pada 10 Oktober 2009 pukul 8.00 malam di rumah beliau.

<sup>44</sup> Hasil temubual dengan Haji Sabaruddin, Lc. Pada ahad 11 Oktober di rumah beliau perkampungan bulan-bulan.. Beliau selain Ulama sangat aktif di pemerintahan dan sebagai Adun Daerah Batu Bara.

Berusia lebih 80 tahun yang dikatakan sama dengan seni bina Masjid Raya Al-Mahsun Medan. Adapun yang menjadi tok guru di masjid ini antaranya ialah Mua'llim Wan Haji Mahmud (1870 an), Mua'llim Syu'aib Ridwan (1870 an). Selain ketiga masjid tersebut terdapat juga beberapa surau pada masa yang berhampiran, diantaranya adalah : Surau Al- 'Arafah (di kampung Dahari Selebar Talawi), Surau Haji Hamid (di kampung Lima Puluh) dan Surau Taqwa (di kampung Tanjung Tiram).<sup>45</sup>Ketiga Masjid Baiturrahman (di kampung Labuhan Ruku).

### **2.3.2 Sejarah Pendidikan Islam Secara Formal**

Sejarah penubuhan sekolah agama secara formal di bawah majlis hanya dapat dikesan, berikutan penubuhan institusi Islam *al-Jamiati al-Washliyah* pada 30 November 1930 M.<sup>46</sup> Dalam masa inilah banyak ditubuhkan sekolah agama dan madrasah sehingga sampai ke pelosok-pelosok daerah Batubara.

Penubuhan tersebut adalah bertujuan bagi menjalankan dakwah Islam, mendidik pelajar-pelajar supaya mampu berdikari dalam mencari kerjaya dan membuka peluang kepada para pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di dalam dan luar negara. Institusi ini merupakan sesebuah institusi yang sangat berperanan aktif dalam pendidikan Islam di Indonesia khususnya di daerah Batubara. Ulama-ulamanya juga mempunyai pengaruh besar di tengah-tengah masyarakat Indonesia.

---

<sup>45</sup> Hasil temubual dengan Hj. Abdul Wahid Mukhti pada 4 September 2009 pukul 10.00. beliau adalah seorang guru besar sekolah agama dan seorang ulama di daerah Batubara.

<sup>46</sup> Hasil temubual dengan Haji Abdul Mukthi pada 3 September 2009 pukul 10.00 di rumah beliau.

### **2.3.2 (a) Bentuk Pengajian**

Bentuk pengajian pada peringkat itu sudah semakin teratur dan menggunakan kitab-kitab sebagai rujukan dalam proses pembelajaran serta menggunakan bangunan sekolah untuk menjalani aktiviti tersebut, sehingga mendapati bentuk pengajian yang jelas dan kemas<sup>47</sup>

### **2.3.2 (b) Tempat Dan Pelopor Pendidikan Islam**

Pada sekitar tahun 1934 M sesebuah sekolah agama yang dinamakan “Maktab” telah ditubuhkan, beroperasi di Kampung Panjang, Talawi.<sup>48</sup> Kemudian pada tahun 1956 di tubuhkan pula Madrasah *al-Jamiatu al-Washliyah* di perkampungan Tanjung Tiram.<sup>49</sup> Kedua madrasah ini, telah memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan Islam di daerah Batubara. Pada masa ini sebagai tokoh penggerak pendidikan Islam tersebut diantaranya adalah Tuan Haji Abdul Wahab (1800 an) di perkampungan Pematang Panjang, Tuan Rofi'i (1800 an) di perkampungan Talawi, Ustadz Abdul Karim (1800 an) di perkampungan Tanjung Tiram, Ustadz Haji Mu'allim Daud (1840 an) di perkampungan Simpang Dolok, Haji Mad Zein Tasak (1800 an) di Perkampungan Sei Suka, Tuan Bilal Harun (1880 an) di perkampungan Pesisir, dan Tuan Anwar (1900 an) di perkampungan Simpang Gambus).<sup>50</sup>

Setelah terasasnya sekolah agama tersebut di atas, maka berikut itu banyak lagi sekolah agama ditubuhkan sebagai saluran (*feeder school*) ke sekolah pusat di kota Medan. Antara sekolah-sekolah awal berada di bawah majlis antara tahun 1938-1945.

<sup>47</sup> Hasil wawancara dengan Adun Batubara, beliau juga merupakan seorang ulama iaitu al-ustadz Haji Sabaruddin Lc, pada 11 Oktober 2009, pukul 4.00 petang di rumah beliau.

<sup>48</sup> Hasil temubual dengan Musthafal Akhyar pada 2 September 2009 pukul 9.45 pagi di pejabat beliau.

<sup>49</sup> *Ibid.*,

<sup>50</sup> *Ibid.*,

1. Madrasah al-Jamiati al-Washliyah Tanjung Tiram
2. Madarash al-Jamiati al-Washliyah Tanjung Putus
3. Madarash al-Jamiati al-Washliyah Indrapura
4. Madrasah al-Jamiati al-Washliyah Perupuk
5. Madrasah al-Jamiati al-Washliyah Petatal
6. Madrasah al-Jamiati al-Washliyah Simpang Gambus.<sup>51</sup>

Pada tahun 1960 an muncul lagi tiga buah sekolah Arab iaitu di Tanjung Tiram (Madrasah Muhammadiyah), kampung Kedai Sianam (Madrasah Diniyah) dan (sekolah agama) di Kampung Panjang. Jumlah sekolah sekolah agama yang terdaftar di bawah majlis antara tahun 1946-1960 M mencecah 28 buah sekolah dan meningkat ke angka 134 buah. Kesemuanya dikelolai oleh rakyat dengan hasil pembiayaan dan kewangan adalah hasil pungutan khairat dan derma orang serta sebahagian kecil adalah bantuan daripada kerajaan.<sup>52</sup>

## **2.4 KLASIFIKASI PENDIDIKAN AGAMA.**

### **2.4.1 Pondok**

Perkataan “Pondok” adalah ambilan dari Bahasa Arab iaitu (فندق) yang memberi erti rumah tumpangan atau tempat kediaman. Dalam *Muk'jam al-Wasyid* perkataan ini diertikan dengan tempat perhentian para musafir secara berbayar<sup>53</sup>. Menurut *al-Munjid*, perkataan *al-funduq* membawa erti, tempat menginap para pemburu dan penggembala.<sup>54</sup>

---

<sup>51</sup> Hasil Temubual dengan al. Ustadz Tambah Sabar pada 3 September 2009, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> Dr. Ibrahim Anis, et.al (1960), *Muk'jam al-Wasit* (t.t), jil .2, c.2, T.T.P, h. 703.

<sup>54</sup> *Al-Munjid al-Abjadi* (t.t). Beirut : Dar al-Masyruk, c.5, h. 772.

Kamus Dewan pula mendefiniskan perkataan *Pondok* sebagai sesebuah rumah kecil yang didirikan sementara, sama ada di sawah atau di ladang. Pondok juga sebagai Madrasah atau tepatnya tempat belajar agama.<sup>55</sup>

Perkataan *langgar*<sup>56</sup> dalam bahasa Parsi yang memberi erti madrasah atau tempat belajar, juga disama ertikan dengan pondok. Di Indonesia terdapat beberapa nama yang diberikan kepada pondok, seperti *Pesantren* bermaksud “pelajar agama” bagi penduduk Jawa, *pejantren* bagi masyarakat Madura, *langgang dan dayah* di Aceh dan Sumatera, manakala *surau* di Minangkabau. Malah kawasan yang mempunyai institusi Pondok di Indonesia lebih terkenal dengan panggilan *Desa Keputihan*. Manakala di Patani tempat seperti ini disebut sebagai *pondok*.

Pondok dalam erti kata yang luas sebagaimana yang telah dikeluarkan oleh Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPP) sebagai sesebuah perkampungan Islam tersusun yang diketuai oleh seorang Tuan Guru dan ahli jemaah tadbir dengan menjalankan pengajian ilmu Islam tradisional. Disamping itu pondok juga merupakan sesebuah tempat peribadatan dan penempatan bagi orang-orang tua, anak-anak yatim, saudara baru selain pelajar itu sendiri<sup>57</sup>

#### 2.4.2 Madrasah

Menurut buku *Grand Design Pendidikan Keagamaan Dan Pondok Pesantren Tahun 2004-2009* yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Republik Indonesia Bahagian Pendidikan Islam, memberikan pengertian

<sup>55</sup> Kamus Dewan Edisi Baru (1989) c, 3, Kuala Lumpur : DBP, h. 978; Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) h. 1050; lihat juga Hasan Hamzah (1997) *Ensiklopedia Dunia Melayu*, j.2 (L;Z) c.1 Selanggor : Anzagain Sdn. Bhd, h. 164. lihat juga Idris al-Marbawi (1929), *Kamus idris al-Marbawi*, c. 4, jil. 2. Mesir : Mustafa al-Halabi, h. 104.

<sup>56</sup> Istilah *Langgar* adalah mempunyai erti yang sama dengan Surau, hanyasanya istilah langgar digunakan di kawasan pedalaman kampung.

<sup>57</sup> *Risalah Pusat Pembangunan Pondok berhad* (t.t). Kota Bharu : Pusat Pembangunan Pondok berhad.

“madrasah” adalah satuan pendidikan keagamaan luar sekolah yang menyelenggarakan pendidikan agama Islam, baik yang terancang secara klasikal, kumpulan belajar maupun dalam bentuk pengajian anak, majlis *taklim*, kursus atau sejenisnya.<sup>58</sup> Dalam perkembangan berikutnya pengajian dalam bentuk madrasah ini menggunakan istilah “Madrasah Diniyah”.

Di masa pemerintahan Hindia Belanda, hampir semua kampung di Indonesia yang penduduknya mayoriti Islam terdapat madrasah, antara lain madrasah diniyah dengan pelbagai nama dan bentuk seperti “pengajian kanak-kanak, sekolah kitab, sekolah agama” dan lain-lain. Penyelenggaran madrasah diniyah ini biasanya mendapatkan sumbangan dari raja-raja / sultan tempatan.<sup>59</sup>

Sehubungan dengan perkembangan madrasah diniyah yang demikian itu, maka untuk memudahkan pembinaan dan bimbingan, Jabatan Hal Ehwal Agama menetapkan beberapa peraturan mengenai jenis-jenis madrasah diniyah diatur dalam peraturan Menteri Agama Republik Indonesia Nomor 13 tahun 1964 yang diantara lain di jelaskan :

- a. Madrasah Diniyah ialah institusi pendidikan yang memberikan pendidikan dan pengajaran secara klasik dalam pengetahuan agama Islam kepada pelajar bersama-sama sedikitnya berjumlah 10 (sepuluh) orang atau lebih, di antara kanak-kanak yang berusia 7 (tujuh) sampai dengan 18 (lapan belas) tahun.

---

<sup>58</sup> Direktorat Pendidikan Diniyah Dan Pondok Pesantren, Direktorat Jenderal Pendidikan Islam, Departemen Agama Republik Indonesia (2007), *Direktori Pesantren*, Jakarta : Departemen Agama Republik Indonesia, h. 26.

<sup>59</sup> Grand Design Pendidikan Keagamaan Dan Pondok Pesantren 2004-2009 (2004), *op.cit.*, h. 27. Setelah Indonesia merdeka dan setelah berdirinya Departemen Agama (Jabatan Hal Ehwal Agama) penyelenggaran Madrasah mendapat bantuan dan bimbingan dari Jabatan Hal Ehwal Agama. Tetapi kerana pertumbuhan Madrasah Diniyah mempunyai latar belakang tersendiri, dan kebanyakannya ditubuhkan atas usaha perseorangan yang semata-mata untuk ibadah maka sistem yang digunakan bergantung kepada latar belakang pendiri dan pengasuhnya, sehingga pertumbuhan Madrasah Diniyah di Indonesia mengalami demikian banyak ragam dan coraknya.

- b. Pendidikan dan pengajaran (pada madrasah diniyah) selain bertujuan untuk memberi tambahan pengetahuan agama kepada pelajar-pelajar yang merasa kurang menerima pelajaran agama di sekolah-sekolah umum.
- c. Madrasah diniyah ada 3 (tiga) tingkatan iaitu : **diniyah alawiyah**, (sekolah rendah agama) **diniyah wustha dan diniyah ulya** (sekolah menengah agama).<sup>60</sup>

Sementara itu istilah untuk tingkatan di Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin tersebut menggunakan ketiga istilah di atas.<sup>61</sup> Institusi pendidikan Islam di madrasah diniyah ini pada dasarnya tidak jauh berbeza dengan di pondok pesantren, hanyasanya pada umumnya pendidikan di madrasah diniyah tidak disediakan asrama untuk para pelajar dan sedikit matapelajaran tambahan.

Di daerah Batubara sejak tahun 1930 an sudah banyak madrasah diniyah ini tetapi dalam bentuk yang sangat sederhana, dan belum mempunyai bangunan dan fasiliti yang memadai, hanya bagaikan rumah pengajian sahaja. Pada perkembangan selanjutnya baru didapati madrasah diniyah yang berbentuk sekolah agama dengan bangunan yang jelas dan kemas.<sup>62</sup>

Madrasah diniyah yang sangat berkembang masa ini di daerah Batubara banyak diantaranya adalah :

1. Madrasah Diniyah al-Washliyah Tanjung Tiram terletak di perkampungan Tanjung Tiram.
2. Madrasah al-Washliyah Kedai Sianam terletak di perkampungan Lima Puluh.

---

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 27-28.

<sup>61</sup> Hasil wawancara dengan Pimpinan Pondok Pesantren Wakaf Al-Mukhlishin, al-Ustadz Haji Abdul Wahid Mu'thi, pada 13 Oktober 2009, pukul 8.00 malam di rumah beliau.

<sup>62</sup> Hasil wawancara dengan Adun Batubara, beliau juga merupakan seorang ulama iaitu al. Ustadz Haji Sabaruddin Lc, pada 11 Oktober 2009, pukul 4.00 petang di rumah beliau.

## 2.5 PERBANDINGAN ANTARA PONDOK DAN MADRASAH

Untuk mengetahui bagaimana perbandingan antara Pondok dan Madrasah, berikut ini penulis akan memberikan penjelasannya dalam carta persamaan dan perbezaan antara pendidikan pondok dan madrasah tersebut.

### **Carta : Perbandingan Pondok dan Madrasah**

#### **Carta Persamaan**

No	Pondok	Madrasah
01	Mempunyai matlamat sama dalam memberikan pendidikan Islam, iaitu melingkupi perkara-perkara : a. Mewujudkan individu muslim yang beriman dan bertaqwa serta berakhhlak mulia. b. Membina pelajar supaya memiliki pengalaman, pengetahuan, kecekapan beribadah dan sikap terpuji yang berguna bagi pengembangan individu <sup>64</sup>	Mempunyai matlamat sama dalam memberikan pendidikan Islam, iaitu melingkupi perkara-perkara : a. Mewujudkan individu muslim yang beriman dan bertaqwa serta berakhhlak mulia. b. Membina pelajar supaya memiliki pengalaman, pengetahuan, kecekapan beribadah dan sikap terpuji yang berguna bagi pengembangan individu <sup>65</sup>
02	Mempunyai pendekatan dalam pendidikan Islam, iaitu meliputi : <b>a. Keimanan :</b> memberikan peluang kepada pelajar untuk mengembangkan pemahaman mengenai adanya Tuhan sebagai sumber kehidupan makhluk hidup. <b>b. Pengalaman :</b> memberikan peluang kepada pelajar untuk mempraktikalkan dan merasakan hasil-hasil pengalaman ibadah dan akhlak dalam menghadapi tugas-tugas dan masalah dalam kehidupan <sup>66</sup>	Mempunyai pendekatan dalam pendidikan Islam, iaitu meliputi : <b>a. Keimanan :</b> memberikan peluang kepada pelajar untuk mengembangkan pemahaman mengenai adanya Tuhan sebagai sumber kehidupan makhluk hidup. <b>b. Pengalaman :</b> memberikan peluang kepada pelajar untuk mempraktikalkan dan merasakan hasil-hasil pengalaman ibadah dan akhlak dalam menghadapi tugas-tugas dan masalah dalam kehidupan <sup>67</sup>
03	Mempunyai <i>Function</i> dalam Pendidikan Islam, iaitu :	Mempunyai <i>Function</i> dalam Pendidikan Islam, iaitu :

<sup>63</sup> Hasil wawancara dengan al-Ustadz. Jalaluddin Ilyas al-Hafidz, beliau adalah guru besar tahfidz di pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlisin Batubara, 13 Oktober 2009, pukul 8.30 malam di pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlisin Batubara.

<sup>64</sup> *Ibid.*, h. 45.

<sup>65</sup> *Ibid.*, h. 45.

<sup>66</sup> *Ibid.*, h. 46.

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 46.

	<p>a. Memenuhi keperluan masyarakat akan Pendidikan Islam bagi yang memerlukannya.</p> <p>b. Memberikan bimbingan dalam pelaksanaan pengalaman ajaran Islam.</p>	<p>a. Memenuhi keperluan masyarakat akan Pendidikan Islam bagi yang memerlukannya.</p> <p>b. Memberikan bimbingan dalam pelaksanaan pengalaman ajaran Islam.</p>
04	Memiliki tenaga pengajar yang mempunyai basic agama yang kuat.	Memiliki tenaga pengajar yang mempunyai basic agama yang kuat.
05	Mendapatkan respon positif oleh masyarakat	Mendapatkan respon positif oleh masyarakat

### Carta Perbezaan

No	Pondok	Madrasah
01	Mempunyai mata pelajaran umum jauh lebih sedikit, terutama di pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin, sehingga para pelajar mempunyai fokus dan kualiti pendidikan agama lebih memberikan kesan positif yang mendalam. <sup>68</sup>	Mempunyai banyak mata pelajaran tambahan yang terdiri daripada mata pelajaran umum yang memberi kesan terhadap kualiti pembelajaran agama sebagai matlamat utama. <sup>69</sup>
02	Masa pembelajaran sangat panjang, bahkan masa pembelajaran daripada subuh hingga malam. Sehingga ini merupakan salah satu keunggulan pondok daripada madrasah, kerana juga disokong oleh asrama bagi para pelajar.	Mempunyai masa pembelajaran yang tidak terlalu lama, hanya daripada pagi hingga ke tengah hari.
03	Mempunyai ciri khas pembelajaran yang lebih menonjol seperti <i>tahfidz al-Quran</i> , <i>sistem halaqoh</i> , dan <i>tazkirah</i> harian yang disampaikan oleh para ustaz/ustazah secara bergantian, dan cara ini membolehkan menaikkan semangat para pelajar untuk lebih <i>serious</i> menuntut ilmu lagi.	Pembelajaran hanya sebatas fokus terhadap bahan ajaran sahaja.
04	Menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pengantar, seperti bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Ini juga boleh meningkatkan kualiti bahasa para pelajar.	Pada umumnya madrasah hanya menggunakan bahasa tempatan sahaja.
05	Pondok juga mempunyai kawalan yang ketat terhadap para pelajar, sehingga para pelajar boleh dikontrol setiap pergerakannya, dan mereka merasa dekat dan mesra kepada para guru.	Madrasah antara guru dan pelajar perjumpaannya hanya sebatas di dalam kelas sahaja.

<sup>68</sup> Hasil temubual dengan Yaser Arafat (salah seorang guru Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin), pada 4 September 2009 pukul 9.45 pagi di pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin.

<sup>69</sup> *Ibid.*,

### Keterangan carta persamaan dan perbezaan

Sememangnya ada beberapa persamaan dan perbezaan antara pondok dan madrasah, namun persamaan dan perbezaan itu tidak menyebabkan terjadinya perselisihan yang besar diantara kedua sistem pendidikan tersebut. Kerana bagaimanapun juga pendidikan itu membimbing ke arah perbaikan untuk mewujudkan manusia yang mempunyai ilmu dan budi bahasa.

## **2.6 PENDIDIKAN DI INSTITUSI PENGAJIAN PONDOK**

Pondok merupakan institusi pendidikan formal yang berpotensi dan mempunyai pengaruh yang besar di kalangan masyarakat dahulu dan sekarang. Pengajian tradisional ini dikatakan telah bermula sejak munculnya masyarakat Islam di Nusantara pada abad ke 13 M<sup>70</sup>. Beberapa abad kemudian penyelenggaraan pendidikan Islam ini semakin teratur dengan munculnya tempat-tempat pengajian (“*nggon ngaji*”)<sup>71</sup>. Bentuk ini kemudian berkembang dengan pendirian tempat-tempat menginap bagi para pelajar (*santri*)<sup>72</sup>, yang kemudian disebut *Pesantren* atau *Pondok Pesantren*. Meskipun bentuknya masih sangat sederhana, pada masa itu pendidikan ini dianggap sangat berkualiti. Di institusi inilah kaum muslimin Indonesia mendalami asas-asas dan akidah Islam, khususnya yang berkaitan dengan praktikal kehidupan beragama.

Sementara itu sejarah awal penubuhan pondok, adalah lanjutan daripada perkembangan pengajian yang disampaikan di rumah tok guru, surau dan masjid. Kesedaran masyarakat dan dorongan daripada pemerintah dari semasa ke semasa adalah antara faktor tertubuhnya institusi pondok di negeri ini. Ekoran dari

---

<sup>70</sup> Grand Design Pendidikan Keagamaan Dan Pondok Pesantren 2004-2009 (2004), Departemen Agama RI Direktorat Jenderal Kelembagaan Agama Islam Direktorat Pendidikan Keagamaan Dan Pondok Pesantren Proyek Peningkatan Pondok Pesantren Tahun 2004, (t.p), h. 1.

<sup>71</sup> *Nggon Ngaji* ini berasal dari Bahasa Jawa yang bererti tempat-tempat pengajian atau tempat-tempat Pendidikan Islam.

<sup>72</sup> Santri adalah istilah yang digunakan untuk pelajar yang menuntut di pondok Pesantren.

sambutan luar biasa masyarakat tempatan dan luar, telah menimbulkan kesukaran kepada para pelajar bagi mendapatkan tempat tinggal sementara.

Maka dari sini lahirlah idea mendirikan pondok-pondok kecil berhampiran dengan rumah tok guru dalam tanah yang telah diwakafkan sebagai mencontohi apa yang berlaku di Patani, Sumatera dan bentuk pengajian daripada tanah Arab.<sup>73</sup>

### **2.6.1 Asas Sistem Pengajian Pondok**

Secara umumnya bentuk kawasan pengajian yang di gelar sebagai pondok bila mana satu-satu kawasan diwakafkan sebagai tempat belajar yang mengandungi rumah tok guru, surau atau masjid sebagai tempat ibadat dan berlangsungnya kelas pengajian agama. Pembinaan pondok-pondok kecil sebagai tempat tinggal pelajar di sekitar masjid atau surau teratur, juga dititik beratkan.

Sistem pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk *halaqah*, iaitu pengajaran dan pembelajaran disampaikan secara terbuka dengan para pelajar bersila dalam bentuk separuh bulatan sambil mendengar guru yang sedang mengajar. Sistem ini masih digunakan sehingga ke hari ini di semua pondok di Nusantara<sup>74</sup>, penubuhan pondok juga biasanya didirikan di kawasan pendalaman jauh dari kesibukan kota.

Dari segi penempatan pelajar, pondok-pondok yang dibina mesti mengikut ketetapan yang telah ditentukan oleh pihak pentadbir pondok. Kebiasaannya penempatan antara pelajar lelaki dan perempuan serta telah berkeluarga dan lanjut usia akan dipisahkan. Masjid atau surau dalam institusi pendidikan pondok adalah pusar utama dalam kegiatan keagamaan.

---

<sup>73</sup> Abdul Latif hamidon (1989), “Institusi Pondok dalam Tradisi Budaya Ilmu:, *Tamadun Islam, jilid 2.*, Kuala Lumpur : DBP, h. 773.

<sup>74</sup> Abdul Latif Hamidon (1989), *op.cit.*, h. 774.

Menjadi satu kelaziman, pelajar-pelajar pondok biasanya diwajibkan menghafaz *wirid-wirid* dan doa-doa yang dibaca di tempat kematian serta hari-hari kebesaran Islam seperti *maulid al-Rasul*, hari *Asyura* dan lain-lain.

## 2.6.2 Tujuan Penubuhan Pondok

Boleh dikatakan tujuan dan matlamat penubuhan pondok adalah bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai keilmuan Islam yang tinggi dan beramal serta berbakti kepada masyarakat<sup>75</sup> terutamanya dalam urusan *ukhrawiah* tanpa meninggalkan keduniaan<sup>76</sup>. Antara tujuannya ialah :

1. Mengawal, menguatkan dan mempertahankan iman umat Islam.
2. Mengembangkan ilmu-ilmu Islam tradisi bagi membentuk kerohanian yang utuh dengan memberi penekanan yang lebih kepada ilmu-ilmu *usuluddin* dan *syariah* bagi melahirkan ulama yang memenuhi keperluan masyarakat Islam semasa.
3. Bagi memberi huraian yang mendalam kepada pelajar berkaitan dengan keutamaan kerohanian (*Fadhal*) dalam kehidupan dan pembentukan akhlak Muslim.<sup>77</sup>
4. Antara tujuan awal juga bagi melawan gerakan Kristianisasi tajaan barat melalui penjajahan.<sup>78</sup>

<sup>75</sup> Hasil temubual dengan Hj. Abdul Wahid Mukhti pada 4 September 2009 pukul 10.00. beliau adalah seorang guru besar sekolah agama dan seorang ulama di daerah Batubara. “Matlamat asas pendidikan Pondok adalah bertepatan dengan matlamat Pendidikan Islam itu sendiri, iaitu bagi menghampirkan diri kepada Allah dengan mendalami semua bidang ilmu”. Lihat Hamid Fahmy Zarkasyi (1990), *Pemikiran al-Ghazali Tentang Pendidikan*, Kuala Lumpur : DBP, h. 54; Lihat juga Mohd Kamil Hassan et al (1992), “Konsep Pendidikan Islam Dan Matlamat Persekolahan Agama Dan Arab Di Malaysia” dalam Ismail Rahman (ed), *Pemikiran Islam Di Malaysia*. Bangi : UKM, h.48.

<sup>76</sup> Hasil temubual dengan Hj. Abdul Wahid Mukthi pada 4 September 2009 pukul 10.00 di rumah beliau.

<sup>77</sup> Muhammad Uthman al-Muhammady (1985), “Institusi Pondok : Benting Yang Masih Kebal Mempertahankan Akidah dan Sunnah”. Pengasuh, bil 479, Ogos-Oktober, 1985, h. 12.

<sup>78</sup> Hasil temubual dengan Musthafal Akhyar pada 2 September 2009 pukul 9.45 pagi di pejabat beliau. Lihat pula Hj. Wan Hussein@Azmi Abd. Kadir (1993), “Pendidikan Pondok Dan Penyeliaan Tenaga Ulama”. Dalam Ismail Abdul Rahman et al (ed), *Isu-Isu Pendidikan Di Malaysia : Cabaran Dan Harapan*. Kuala Terengganu : Yayasan Islam Terengganu, c.1, h. 48; Lihat Abdullah Alwi Bin Hassan (1980). “The Development Of Islamic Education in Kelantan” dalam Tamadun Islam Di Malaysia, c.1 Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, h. 191.

Selain itu, boleh disimpulkan bahawa tujuan utama pendidikan pondok adalah bagi menggembalikan semula suasana kehidupan Islam yang sebenar sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W semasa di *Madinah al-Munawwarah*. Malah pengajian pondok juga dianggap sebagai benteng kebal dalam mempertahankan akidah dan sunnah Rasulullah, serta sebagai benteng tradisi Islam yang tulen.<sup>79</sup>

## **2.7 PERKEMBANGAN PONDOK DI SUMATERA UTARA (WILAYAH DARIPADA BATUBARA)<sup>80</sup>**

Berikut ini akan penulis jelaskan perkembangan pondok di Sumatera Utara dengan mengkaji kepada dua aspek, iaitu pertama aspek kebangkitan dan kedua aspek kemerosotan.

### **2.7.1 Zaman Kebangkitan Dan Kegemilangan Bermula (1912 -1940 An) Serta Faktor-Faktornya**

Kemunculan persekolahan secara pondok di Tanah Melayu tidak dapat dikesan dengan jelas, namun dipercayai mulai berkembang dalam abad ke 19 atau awal abad ke 20 M. Pondok yang pertama didirikan di Sumatera Utara ialah sekitar tahun 1912 M oleh Syekh Mustafa Husein di Purba Baru, Lembah Sorik Marapi, Mandailing Natal.<sup>81</sup>

Begitu juga dengan Pondok Pesantren Falahiyah yang diasaskan oleh Hj. Abdul Majid Manan (1928). Pondok ini terletak di kawasan Jalam Imam

---

<sup>79</sup> Muhammad Uthman al-Muhammady (1985) “Institusi Pondok : Benteng Yang Masih Kebal Mempertahankan Akidah dan Sunnah”. *Pengasuh*, bil 479, Ogos-Okttober, 1985, h,12.

<sup>80</sup> Batubara adalah salah satu Daerah yang terletak di bahagian wilayah Sumatera Utara.

<sup>81</sup> Direktorat Pendidikan Diniyah Dan Pondok Pesantren, Direktorat Jenderal Pendidikan Islam, Departemen Agama Republik Indonesia (2007), *Direktori Pesantren*, Jakarta : Departemen Agama Republik Indonesia, h. 26.

Bonjol Kisaran Timur, yang dipimpin oleh Hjh. Fauziah Madjid.<sup>82</sup> Selanjutnya Pondok Pesantren *Dar al-Ulum*, yang diasaskan oleh Syekh Abdul Wahab Lubis dan dipimpin oleh Hj. Mawardi Lubis Addarf, pondok ini terletak di Muara Mais Jambur, Kota Nopan, Mandailing Natal.<sup>83</sup>

Ada juga Pondok Pesantren Islamiyah “*al-Raudah Hasanah*” yang diasarkan oleh Ustadz Usman Husni dan dipimpin oleh Hj. M. Ardyan Tarigan (1982). Pondok ini terletak di jalan Jamin Ginting Paya Bundung.<sup>84</sup> Berikutnya adalah Pondok Pesantren Nur al Iman, yang diasarkan oleh Hj. Baginda Maulana dan Hj. Waliaman Harahap (1982).<sup>85</sup> Berikutnya Pondok Pesantren Al- Dar Arafah yand diasarkan oleh Hj. Amarullah Naga Lubis, Hjh. Nurhayati Hasibuan, Hjh. Dumasari Lubis, dan Hj. Indra Perkasa Lubis (1985). Pondok ini terletak di Lau Bakeri, Kutalimbaru, Deli Serdang<sup>86</sup>

Sementara itu ada juga Pondok al-Washliyah<sup>87</sup> yang diasarkan oleh Hj. Abdul Muis Nasution dan dipimpin oleh Marulatan Siregar (1987). Pondok ini terletak di kawasan Jalan Besar KM. 56, Firdaus, Deli Serdang.<sup>88</sup> Kemudian Pondok al-Kautsar al-Akbar yang diasarkan oleh Syekh Ali Akbar Marbun, dan Syeikh Ighosan (1994), dan dipimpin oleh Syeikh Mohd Sehat Simbolon (1994). Pondok ini terletak di Laetoras, Tarabintang, Patlilitan, Tapanuli Utara.<sup>89</sup> Kemudian disusuli dengan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin, yang terletak

---

<sup>82</sup> *Ibid.*, h. 30.

<sup>83</sup> *Ibid.*, h. 28.

<sup>84</sup> Hasil temubual dengan Musthafal Akhyar pada 2 September 2009 pukul 9.45 pagi di pejabat beliau.

<sup>85</sup> *Ibid.*, h. 23.

<sup>86</sup> Direktorat Pendidikan Diniyah Dan Pondok Pesantren, *op.cit.*, h. 18.

<sup>87</sup> Al-Washliyah selain mempunyai banyak Pendidikan Islam yang berbentuk Madrasah, ianya juga mendirikan beberapa Pendidikan Islam yang bersistemkan Pondok. Seperti di Firdaus, Deli Serdang ini dan begitu pula yang pernah ada di daerah Batubara.

<sup>88</sup> Direktorat Pendidikan Diniyah Dan Pondok Pesantren, *op.cit.*, h. 18.

<sup>89</sup> *Ibid.*, h. 20.

di daerah Batubara yang menjadi penelitian dalam penyelidikan ini, yang diasaskan pada tahun 08 September 1997.<sup>90</sup>

### **Faktor-faktor nya**

Sepanjang kajian dibuat, didapati perkembangan dan kemajuan institusi pondok adalah disebabkan oleh beberapa faktor penting diantaranya.<sup>91</sup>

1. Sebelum kemerdekaan, tidak wujud lagi persaingan daripada sekolah-sekolah moden yang lebih sistematik seperti sekolah-sekolah aliran Melayu, Arab dan Belanda, Malah selepas diwujudkan, sekolah-sekolah ini hanya terdapat di bandar-bandar. Ini mendorong masyarakat tempatan yang ingin belajar dan mendalami ilmu agama memasuki institusi pondok.
- 2 Kesedaran dan kefahaman masyarakat tempatan tentang agama Islam pada masa itu masih kuat lagi. Justeru, anak-anak mereka dihantar kesekolah-sekolah pondok. Malah pendidikan yang diamalkan secara percuma, tanpa bayaran dan kos sara hidup yang rendah mendorong ibu bapa untuk menghantarkan anak-anak mereka belajar ke institusi pondok.
3. Peranan agama itu sendiri yang menggalakkan penganutnya mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu Islam. Keadaan ini mendorong masyarakat tempatan menghantar anak-anak mereka ke institusi pondok.<sup>92</sup>

Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menggalakan kepada menuntut ilmu dan meletakkan orang yang berilmu di martabat yang tinggi.<sup>93</sup>.

Diantaranya ialah :

---

<sup>90</sup> Hasil temubual dengan Hj. Abdul Wahid Mukthi pada 4 September 2009 pukul 10.00 di rumah beliau. (beliau adalah salah satu pendiri Pondok Pesantren wakaf al-Mukhlishin).

<sup>91</sup> Faktor perkembangan Pondok secara lebih jelas akan dibincangkan dalam peranan Pondok dalam Pendidikan Islam.

<sup>92</sup> Direktorat Pendidikan Diniyah Dan Pondok Pesantren, *op.cit.*, h. 1.



"Wahai orang-orang Yang beriman! apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang Yang beriman di antara kamu, dan orang-orang Yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa Yang kamu lakukan."

Terjemahan surah Al-Mujadallah (58:11)<sup>94</sup>

4. Semangat melawan penjajah Belanda. Hal ini mendorong para guru pondok menitikberatkan lagi sistem pendidikan pondok, khususnya bagi menghadapi arus pemodenan (globalisasi) pendidikan ala penjajah atau pendidikan sekular barat.<sup>95</sup> Puncak kegemilangan dan kemajuan berlangsung sehingga akhir zaman pemerintahan Jepun iaitu 1940 an.

<sup>93</sup> Diantara aya-aya al-Quran yang membincangkan tentang ilmu dan pendidikan ialah : Surah Ali Imran (3:18), Surah al-Alaq (96:1-5), Surah Al-Ankabut (29:43,49) dan al-Rahman (55:3,4), Lihat Subhi Abdul Rauf (1990), *al-mu'jam al-Maudhuniyah Li-ayat al-Quran*. Kahera : Dar al-Fadhilah, h. 375-380. Imam al-Ghazali (505) juga dikatakan telah membuat kajian tentang ayat-ayah al-Quran yang ada kaitan dengan pendidikan. Di dapati 1404 ayat atau hamper 25 peratus dari keseluruhan ayat-ayah al-Quran. Lihat Dr. Hasan Langgulung (1979), *Pendidikan Islam, Suatu Analisa Sosial Psikologi*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara, h. 82.

<sup>94</sup> *Al-Quran Dan Terjemahannya* (t.t) Muhamma' Al-Malik Fahd Li thiba'ah Al-Mush-haf Asy-Syarif Mainah al-Munawwarah : Saudi Arabia, h. 910.

<sup>95</sup> Che Awang bin Che Harun (1995), *op.cit.*, h.22.

## **2.7.2 Zaman Kemerosotan Institusi Pondok Dari Tahun 1940 An Hingga Sekarang Dan Faktor-Faktornya.**

Perkembangan institusi pondok di Sumatera Utara mencapai kemuncak kegemilangannya dan keemasan sehinggalah ke awal abad ke 20 M. Iaitu sehingga bermulanya zaman penjajah. Bermula dari penguasaan Jepun pada tahun 1940 an M. Setelah itu, kedudukan pondok menempuh kesulitan dan kemerosotan sehinggalah ke hari ini. Namun kemerosotan institusi pondok itu tidaklah secara drastis, ia yang mengalami kemerosotan secara bertahap.

### **Faktor – faktor nya.**

Antara faktor-faktor kemerosotan sistem pengajian pondok adalah sebagai berikut :

1. Faktor dalam pondok itu sendiri, iaitu kurangnya ketokohan pengganti tuan guru terutamanya selepas meninggalnya pengasas pondok. Mengikut tinjauan yang dibuat antara faktor utama kemerosotan pondok adalah disebabkan faktor ini. Biasanya tuan guru yang meninggal akan digantikan oleh anak atau menantunya sendiri. Ketiadaan pengganti ini bukan sahaja penyebab kemerosotan malah ada yang terpaksa ditutup atau bertukar aliran pengajian kepada sistem madarasah.<sup>96</sup>
2. Kurang bantuan kewangan dan galakan oleh kerajaan Belanda dan Jepun kepada sistem pengajian pondok dan sekolah agama pada masa itu.

---

<sup>96</sup> *Ibid.*, h.42.

Selain itu, bantuan kewangan berbentuk zakat kepada guru-guru pondok terutamanya selepas kewujudan Majlis Agama Islam juga berkurangan.

Sebagaimana yang telah dimaklumi, punca utama yang menjadi sumber kewangan kepada pondok adalah semata-mata bergantung kepada sumbangan derma orang ramai, zakat dan sumbangan pengurus pondok itu sendiri. Dengan kekurangan jumlah sumbangan tersebut, adalah sukar untuk menampung kos pengurusan pondok, seperti hadiah guru, bantuan kepada pelajar dalam bentuk sedekah, biasiswa atau zakat dan yang utama sekali dalam menyediakan kemudahan infrastuktur di dalam kawasan pondok tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Dalam situasi yang tidak menentu ini, menjadikan institusi pondok terus diluapi oleh masyarakat. Sebaliknya mereka lebih gemar memilih sekolah-sekolah yang lebih terjamin untuk masa depan anak-anak mereka yang mempunyai kelengkapan yang mencukupi.

3. Terpengaruh dengan penampilan sekolah-sekolah moden. Sistem pendidikan moden yang diasaskan oleh penjajah barat melebelkan persijilan sebagai bukti kejayaan dan kecemerlangan seseorang pelajar, perkara ini tentunya mengenepikan pengajian di institusi pondok.<sup>97</sup>

Pandangan masyarakat ini telah menular sehingga ke hari ini. Malah kelulusan sekolah-sekolah moden dengan sistem pensijilan yang ditawarkan lebih diberi perhatian dalam mendapatkan pekerjaan. Keadaan ini menambahkan lagi kesengsaraan kepada keluaran pondok yang hanya menilai kemampuan

---

<sup>97</sup> Syafie Abu Bakar (1985), “Ke Arah Pembaikan Dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok Di Malaysia”. *Jurnal Pendidikan Islam*, Tahun I, bil. 4 Disember 1986. Kuala Lumpur : ABIM, h. 41.

pelajar-pelajarnya dari segi sejauhmana penguasaan kitab-kitab yang *mu'tabar*.

4. Kewujudan sistem pengajian yang lebih teratur telah membawa kemerosotan kepada sistem pondok yang masih menjalankan sistem tradisional dalam pengajian. Tambahan pula lepasan sekolah atau madrasah terutamanya sekolah kebangsaan dan Belanda adalah lebih berpeluang untuk medapat pekerjaan berbanding keluaran pondok.<sup>98</sup>

Ekoran daripada itu, kesedaran ibu bapa mulai timbul dan mereka tahu menilai pendidikan bagaimana yang boleh menjamin masa depan anak-anak mereka. Oleh sebab itu, pengajian secara persekolahan telah mendapat tempat di hati masyarakat dan menjadi pilihan mereka.

5. Pemisahan ilmu secara amnya, pondok-pondok yang terdapat di Indonesia dahulu pada umumnya telah menumpukan kepada ilmu yang menjuruskan kepada *ukhrawi* atau dengan kata lain pelajar-pelajar pondok hanya didedahkan dengan kurikulum yang sempit dan tidak menempati kurikulum pendidikan Islam yang sebenar.

Kurikulum Islam adalah merangkumi ilmu-ilmu yang mencakupi hubungan manusia, alam dan Tuhan yang mencipta (Allah). Dari sini dapatlah difahami bahawa pendidikan Islam adalah gabungan keseluruhan unsur-unsur ilmu yang ada di dunia termasuklah ilmu manusia dengan Tuhan dan manusia dengan alam.<sup>99</sup>

Sehingga kini kesan perbezaan pendidikan pondok dan sekular masih lagi terpahat di hati masyarakat tempatan. Iaitu bila disebut “ilmu agama”

---

<sup>98</sup> Hasil temubual dengan Hj. Yusuf “salah seorang tokoh masyarakat Daerah Batubara” pada 10 September 2009, pukul 10.00 malam di rumah beliau.

<sup>99</sup> Abdul Rauf Dulid (t.t), *Falsafah Pendidikan Islam*. Bangi : UKM, h. 15.

maka tergambar ilmu yang disampaikan oleh para usztadz dan tok guru, selebihnya bukan ilmu agama.

## 2.8 SISTEM DAN KADEAH PENGAJIAN DI INTITUSI PONDOK

Pada umumnya bentuk pengajian pondok di Tanah Melayu / Nusantara dalam kurun ke 19 dan awal kurun ke 20 adalah diorientasikan dengan struktur pengajian tradisional iaitu pengajian secara umum dan menadah kitab secara *halaqoh*. Keistimewaan sistem ini,<sup>100</sup> pemindahan ilmu daripada guru kepada pelajar berlaku secara *musyafahah*, dan biasanya pelajar akan mencatat apa-apa sahaja penerangan yang diberikan oleh tok guru.

### 2.8.1 Sistem Dalam Proses Pengajian Pondok

Menurut buku rasmi pendidikan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Indonesia bahawa ada beberapa sistem dalam proses pengajian di pondok-pondok adalah :

1. Pada dasarnya proses pembelajaran pada pondok pesantren, khususnya *salafiyah* penyelenggaran program wajib belajar pendidikan rendah diubah suai dengan proses pembelajaran di pondok pesantren.
2. Prinsip dasar proses belajar mengajar ialah dapat dipahami bahan dan materi pelajaran tersebut oleh para santri<sup>101</sup> peserta didik, dengan lebih mudah dan lebih cepat.

---

<sup>100</sup> Sila liat, Omar Mohd Hashim (1993), *Pendidikan Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*, Kuala Lumpur : DBP, h. 28: Omar Mohd Hasyim dalam ucapannya di Majlis Pertandingan Nasyid, Syaran dan Kuiz Peringkat Kebangsaan Sekolah-Sekolah dan Maktab Perguruan (17 Julai 1990) berkata : “ciri-ciri yang ditinggalkan oleh Islam dalam sistem pendidikan itu sendiri seperti *halaqoh*, pengajian pondok, cirri-ciri hafalan dan juga ciri-ciri akhlak yang mulia dan sikap berdikari yang diamalkan dalam kehidupan harian menjadi nilai-nilai sistem yang patut kita pertahankan pada hari ini”.

<sup>101</sup> Istilah santri adalah sama dengan kata pelajar. Istilah ini digunakan sehingga sekarang di mana-mana Pondok Pesantren di Indonesia.

3. Metode pendidikan tradisional yang telah menjadi ciri khas pengajaran pondok pesantren dapat digunakan untuk pelaksanaan program ini.<sup>102</sup>

- a. **Weton / Bandongan**, Istilah *Weton* ini berasal dari kata *wektu* (bahasa Jawa), yang bererti masa, sebab pengajian tersebut diberikan pada masa-masa tertentu, iaitu sebelum dan sesudah melaksanakan salat fardhu. Metode *weton* ini merupakan metode kuliah, dimana para santri mengikuti pelajaran dengan duduk di sekeliling kyai yang menerangkan pelajaran secara kuliah, santri menyimak kitab masing-masing dan membuat catatan. Istilah *weton* ini, di Jawa Barat disebut dengan *bandongan*.
- b. **Sorongan**, berasal dari kata *sorog* (bahasa Jawa), yang bererti menyodorkan, setiap santri menyodorkan kitabnya di hadapan kyai atau pembantunya (asisten kyai). Sistem *sorogan* ini termasuk belajar secara individual, dimana seorang santri berhadapan dengan seorang guru dan terjadi interaksi saling mengenal diantara keduanya. Sistem *sorogan* ini terbukti sangat efektif bagi seorang murid yang bercita-cita menjadi seorang ulama. Sistem ini memungkinkan secara maksimal kemampuan seorang santri dalam menguasai materi pelajaran.
- c. **Halaqah**, sistem ini merupakan kumpulan kelas dari sistem *bandongan*. Halaqah yang erti bahasanya lingkaran murid atau sekumpulan pelajar yang belajar di bawah bimbingan seorang guru atau belajar bersama di suatu tempat. Halaqah ini juga merupakan perbincangan untuk memahami isi kitab / syllabus pelajaran.
- d. **Hafalan**, metode hafalan yang diterapkan di pondok-pondok pesantren, umumnya digunakan untuk menghafal kitab-kitab tertentu juga sering digunakan untuk menghafal al.Qur'an baik surat-surat pendek maupun secara keseluruhan, dan setelah beberapa hari baru dibacakan di depan kyai / ustadznya.

---

<sup>102</sup> Petunjuk teknis (2006), Departemen Agama RI, Direktorat Jenderal Pendidikan Islam, h. 14.

e. ‘*Umumi*<sup>103</sup> sistem pengajian cara ini adalah mengikut sistem pengajian agama Masjid al-Haram di Mekah al-Mukarramah. Biasanya mata pelajaran yang diajarkan di peringkat ini menggunakan kitab yang lebih tinggi. Berkisar tentang *Fiqh, Tahwid, Nahw, Sorf, Balaghah, Mantiq* (logic), *usul al-Tafsir, Mustalah hadith, ‘Arud Qawafi, Falak, Tajwid* dan *Tasawuf* dan lain-lain.<sup>104</sup>

Sistem pengajian ‘*umumi* yang dimaksudkan bukanlah berupa pengajian umum yang dibuka kepada semua orang, sebaliknya hanya kepada pelajar-pelajar pondok. Kelas awam (umum), biasanya ditentukan beberapa hari dalam seminggu dengan menggunakan kitab Jawi khusus seperti *Matlau’ al-Badrin, Munyah al-Musalli, Faridah al Faraid, Sullam al Mubtadi’ Furu’ al-Masail, Hidayah al-Salikin, al-Hikam, Aqidah an-Nain* dan lain-lain lagi.

Pada pertengahan abad ke 20 corak pendidikan Islam di setengah institusi-institusi pondok melalui sedikit perubahan dengan penerapan kurikulum pendidikan secara *nizami*<sup>105</sup>, juga yang membentuk dua aliran iaitu agama dan akademik<sup>106</sup>. Biasanya mata pelajaran sebagai kurikulum pengajian pondok menitikberatkan kepada ilmu-ilmu *naqliyah* di samping ilmu ‘*asriyah* (perantaraan atau ilmu bantu)<sup>107</sup> yang lain. Pada peringkat awal selain dari al-Quran dan tajwid, pengajaran dan pembelajaran juga tertumpu kepada *Fiqh, Tahwid, Tafsir al-Quran, Hadith, Nahw, Sorf* dan *Tarikh* (sejarah Islam).

---

<sup>103</sup> Sistem ‘*umumi* pengajian yang tidak bergantung kepada sukanan pelajaran yang tertentu, malah pelajar dibebaskan untuk memilih mana-mana mata pelajaran , jenis-jenis kitab dan waktu-waktu pengajian yang sesuai dengan mereka.

<sup>104</sup> Abdullah Muhammad Zin dan Che Yusoff Che Mamat (2002), “Pondok Pasir Tumbuh Dan Peranannya Dalam Dakwah” dalam Sulaiman Ibrahim et al (ed), *Dakwah Kepada Masyarakat Muslim Di Malaysia*. Bangi : UKM, h. 67.

<sup>105</sup> Sistem *nizami* ialah pengajian di peringkat permulaan bagi pelajar-pelajar baru diterima masuk sebelum naik keperingkat ‘*umumi*.

<sup>106</sup> Ghazali Darulsalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors. Sdn. Bhd. H. 123.

<sup>107</sup> *Ibid.*,

4. Metode di atas boleh diterapkan dalam pelaksanaan pengajaran 3 (tiga) mata pelajaran pokok wajar dikdas (Mathematic, Ilmu Alama, dan Bahasa Indonesia), atau untuk pembelajaran mata pelajaran umum lainnya.
5. Selain metode yang sudah disebutkan di atas, pondok pesantren boleh juga mengaplikasikan metode yang telah di kenal luas pada proses belajar mengajar (PMB) di madrasah dan di sekolah seperti ceramah, perbincangan, tanya jawab, Cara Belajar Siswa Aktif (CBSA), penugasan dan seterusnya<sup>108</sup>.

### **2.8.2 Kurikulum Pengajian Pondok**

Pada dasarnya kurikulum pengajian / pengajaran yang di gunapakai dalam aktiviti ini adalah kurilulum khas yang telah berlaku di pondok pesantren yang berkenaan, ditambah dengan beberapa mata pelajaran umum yang menjadi satu kesatuan yang menjadi program pendidikan pondok pesantren.

1. Matapelajaran umum yang diwajibkan untuk diajarkan dan disertai dalam pelajaran pondok pesantren adalah 3 mata pelajaran, iaitu : Bahasa Indonesia, Matematic dan Ilmu Pengetahuan Alam (sains)<sup>109</sup> sahaja.
2. Matapelajaran umum yang lain menjadi syarat untuk melanjutkan ke tingkat pendidikan yang lebih tinggi, iaitu : Pendidikan Kewarganegaraan, Ilmu Pengetahuan Sosial dan Bahasa Inggres / bahasa asing lainnya. Penyampaiannya dilakukan melalui penyediaan buku-buku dan perpustakaan dan sumber belajar lainnya atau melalui bimbingan dan penugasan.
3. Pembelajaran melalui perpustakaan adalah suatu pembelajaran tersendiri melalui buku-buku paket atau buku modul yang digunapakai dalam

---

<sup>108</sup> *Ibid.*, h. 15-16.

<sup>109</sup> Petunjuk teknis (2006), Departemen Agama RI, Direktorat Jenderal Pendidikan Islam, h. 12.

program wajib belajar Paket A dan B, Sekolah Menengah (SLTP) terbuka (untuk awam), atau buku yang dipakai pada sekolah formal (sekolah rendah/sekolah menengah).

4. Bimbingan dan penguasaan di khawal langsung oleh penanggung jawab program dan boleh digunakan model tutorial yang dalam pelaksanaanya melibatkan ustaz / pimpinan pondok / murid yang senior.
5. Bahan-bahan pembelajaran yang digunakan untuk program wajib belajar pendidikan dasar pada Pondok Pesantren Salafiyah<sup>110</sup> pada dasarnya sama dengan yang digunakan pada sekolah rendah / sekolah menengah, dan sama yang digunakan pada sekolah menengah lainnya.
6. Buku-buku matapelajaran umum yang digunakan, sebelum diterbitkan buku-buku matapelajaran umum yang khusus untuk program wajib belajar pendidikan dasar di Pondok Pesantren Salafiyah boleh digunakan buku-buku pelajaran yang telah ada yang biasa digunakan oleh sekolah rendah ./ sekolah rendah agama paket a<sup>111</sup> dan sekolah menengah / sekolah menengah agama paket b<sup>112</sup>.

Sepanjang pengajian yang dijalankan di pondok-pondok yang masih beroperasi, secara umumnya ada empat tahap kurikulum dijalankan iaitu :

Tahap satu	: Mengenal al-Quran dan kelas pembelajaran jawi
------------	---

---

<sup>110</sup> Yang dimaksud dengan Pondok Pesantren Salafiyah adalah Pondok Pesantren yang masih tetap mempertahankan sistem pendidikan khas Pesantren, baik kurikulum maupun metode pendidikannya. Bahan pengajaran meliputi ilmu-ilmu agama Islam dengan mempergunakan kitab-kitab klasik berbahasa Arab, sesuai dengan tingkatan kemampuan masing-masing pelajar. Pembelajaran dengan cara *bandongan* dan *sorogan* masih tetap di pertahankan, tetapi masih banyak yang tetap menggunakan sistem klasik. Agama Islam Proyek Peningkatan Pondok Pesantren, h. 69.

<sup>111</sup> Pengertian daripada program pendidikan Paket A adalah Program Paket A setara Sekolah Rendah / Sekolah Rendah Agama di pondok Pesantren merupakan program kesetaraan yang dilaksanakan di jalur pendidikan non formal bertempat di pondok sistem pendidikan khas Pesantren, baik kurikulum maupun metode pendidikannya. Bahan pengajaran terdiri dari ilmu-ilmu agama Islam dengan mempergunakan kitab-kitab klasik Bahasa Arab, bersesuaian dengan tingkatan kemampuan masing-masing murid. Pembelajaran dengan cara terdahulu masih tetap dipertahankan. Lihat dalam Pendidikan Keagamaan Dan Pondok Pesantren 2004.2009 (2004), Departemen Agama RI, Direktorat Jenderal Kelembagaan Pesantren.

<sup>112</sup> Pengertian daripada program pendidikan Paket B adalah Program B setara Sekolah Menengah / Sekolah Menengah Agama di pondok Pesantren merupakan program kesetaraan yang dilaksanakan di jalur pendidikan non formal bertempat di pondok Pesantren.

Tahap kedua : Pelajar didedahkan kepada kitab-kitab jawi kecil dan asas-asas bahasa Arab.

Tahap Ketiga : Pelajar didedahkan kepada pembelajaran kitab-kitab jawi besar dan kitab-kitab Arab

Tahap Keempat : Dalam tahap ini pelajar-pelajar akan didedahkan kepada kitab-kitab yang lebih besar atau dengan kata lain tahap menghabiskan kitab-kitab.<sup>113</sup>

Manakala kegiatan Ko-kurikulum pula, pelajar-pelajar pondok hanya didedahkan kepada beberapa kegiatan kemasyarakatan seperti : Halaqah berjanzi, belajar syarahan sempena hari-hari kebesaran Islam, persatuan falak, latihan imam sembahyang terawih, sembahyang berjamaah dan menjalankan kegiatan-kegiatan kemasyarakatan seperti gotong royong membina pondok dan sebagainya.

Secara umumnya waktu pengajaran dan kitab yang digunakan sebagai kurikulum antara pondok adalah berbeza mengikut ketokohan seseorang guru di sesesebuah pondok. Antara mata pelajaran yang sering dipelajari di inistitusi pondok adalah<sup>114</sup> :

## 1. Bidang Tawhîd

Antara kitab-kitab pokok yang menjadi bahan pengajaran dan rujukan di pondok-pondok di Sumatera Utara dalam bidang tawhid adalah seperti berikut :

- (a). *Fath Al-Majîd Syârh al-Durrâ' al-Farîd F 'Aqâid Ahlu al-Tawhîd*, karangan al-Syaikh Muhammad Nawâ'îb Ibn 'Umar al-Jawi al-Syafiey
- (b). *Kifâyah al-'Awwâ'îm fî 'Ilmi al-Kalâ'îm*, karangan al-Syaikh Muhammad al-Fâdâ'î.

<sup>113</sup> Hasil temubual dengan Hj. Abdul Wahid Mukthi pada 4 September 2009 pukul 10.00 di rumah beliau. (beliau adalah salah satu pendiri Pondok Pesantren wakaf al-Mukhlisin).

<sup>114</sup> *Ibid.*,

- (c). *Al-SyarqÉwÊ alÉ al-HudËdÊ*, karangan al-Syaikh ‘Abdullah al-SyarqÉwÊ,
- (d). *HÉsyiyah ‘alÉ Syarh ‘Ummi al-BarÉhÊn*, karangan Muhammad ibn Ahmad ibn Arafah al-DusËqÊ.
- (e). *FarÊdah al-FarÉid fÊ ‘Ilmi al-AqÉid*, karangan Ahmad ibn Muhammad Zain ibn MustÉfa.
- (f). *MiftÉh al-MurÊd fÊ ‘Ilmi al-TawhÊd*. Karangan al-‘AllÉmah Zain al-‘AbÊdÊn Ibn Muhammad al-Fattani.
- (g) *BidÉyah al-HidÉyah* karangan al-‘AllÉmah al-Syaikh Muhammad Zain Ibn al-Faqih JalaluddÊn.
- (h). *Syarh Matn JawhÉroh al-TawhÊd*, karangan al-Syaikh IbrahÊm al-LaqqÉnÊ.
- (i). *AqÊdah al-NajÊm fÊ ‘IlmÊ UsËl al-DÊn*, karangan al-‘AllÉmah Zain al-“AbÊdÊn ibn Muhammad al-Fattani.

Selain daripada kitab-kitab pokok tersebut, ada juga beberapa kiab tambahan yang selalu digunakan di pengajian pondok, antaranya seperti *Syarh as-Sanusiyah*, *Kitab Luma’*, *Hasyiah Muhammad ‘AmÊr*, *Matn Ummi al-BarÉhin*, *al-Jannah*, *Syarh UsËl al-TahqÊq fÊ ‘Ilmi UsËl al-DÊn*, *BidÉyah al-Mubtadi’ wa ‘Umdah al-AulÉd*, *Siraj al-HudÉ* dan lain-lain.

## **2. Bidang Fiqh IslÉmiah**

Antara kitab-kitab pokok yang menjadi bahan pengajaran di pondok dalam bidang fiqh adalah seperti berikut :

- (a) *Asma’ al-MatÉlÊb Syarh Rawd al-TalÊb*, karangan Abu Yahya Zakariyya al-‘AnsÉrÊ al-Shafiiy.
- (b). *Al-FatÉwÉ al-Fiqhiyyah*, karangan al-‘AllÉmah Ibn Hajar al-Makki al-HaitÉmÊ..

- (c). *HÉsyiyah al-QalyuËbÊ wa ‘ala Syarh al-MahallÊ ala MinhÉj al-TÉlibÊn li al-NawÉwÊ fÊ Fiqh MazhÉb al-ImÉm al-Shafiiy*, karangan al-Syaikh al-QalyËbÊ dan al-Syaikh Umairah.
- (d). *Munyah al-MusallÊ*, karangan : Syaikh DawËd ibn ‘Abdullah al-Fattani.
- (e). *Matla’ al-badrain wa Majma al-Bahrain*, karangan Syaikh Muhammad ibn Isma’Ël DawËd al-Fattani.

Selain daripada kitab-kitab pokok tersebut, ada juga beberapa kitab tambahan diantaranya seperti : *Fath al-QarËb*, *al-MinhÉj al-QawÊm*, *al-Thimar al-BayËah fî al-RiyÉd al-Badiyah*, *sittÊn Masalah MawahËb al-SamÉd*, *Fath al-Mu’Ën*, *Fath al-JawÉd Syarh al-IrsyÉd*, *Mughni al-MuhtÉj*, *BujairimÊ ‘ala al-KhatËb*, *Tuhfah al-MuhtÉj Syarh al-MinhÉj*, *MinhÉj al-TÉlibÊn*, *ManhËj al-TËllËb*, *HÉsyiyah al-BajËrÊ ‘ala Ibn QasËm al-GhazÊ*, *al-syarqÉwi* *al-**TahrËr*, *Syarh sullÉm al-TawfËq*, *Iddah al-Bab li MurËd al-NikËh bi al-SawËb Wishah al-Afrah wa Isbah al-FalËh*, *Jam’Ë JawËmi’ al-MusannafËt*.<sup>115</sup>

Manakala dalam bidang Usul Fiqh, kitab yang biasa digunakan ialah *al-WarËqËt*, *LatË’if al-IsyËrat*, *Lubb al-usËl*, *al-Luma’*, *al-Asybah wa al-NazË’Ër*, *Ghayah al-WusËl Syarh Lubb al-UsËl*, *Jam’u al-JawËwi* dan lain-lain.

### 3. Bidang TasËwËf

Antara kitab-kitab utama yang menjadi bahan pengajaran dan rujukan di pondok dalam bidang TasawwËf adalah seperti berikut:

- (a). *Ihya UlËm al-DÊn*, karangan : al-ImÉm Abu HamËd Muhammad ibn Muhammad al-GhazzËlË.

---

<sup>115</sup> Abdullah bin Muhammad dan Che Yusoff Che Mamat (2002), “Pondok Pasir Tumbuh Dan Peranannya Dalam Dakwah”, dalam Sulaiman Ibrahim ed al (ed), *Dakwah Kepada Masyarakat Muslim Di Malaysia*. Bangi : UKM, h. 89.

(b). *Siyér al-SÉlikÊn fÊ TarÊqag al-SÉdah al-SËfiyyah*, karangan Syaikh ‘Abdul Samad al-Falimbani.

(c). *Al-AzkÉr NawÉwÊ*, karangan Imam YahyÉ al-NawÉwÊ.

Selain daripada kitab yang disenaraikan diatas, ada juga kitab-kitab tambahan yang turut diajar antaranya seperti : *BidÉyah al-HidÉyah*, *MinhÉj al ‘ÓbidÊn*, *Sir al-SÉlikÊn* dan *HidÉyah al-SÉlikÊn*, karangan ImÉm Ghazzali: *Nasoih al-DÊniah*, karangan Syed Abdullah Balawi al-HÉdÉdÊ: *IrsyÉd al-‘ibÉdÊ*, karangan Zainuddin Ibn ‘Abdul Aziz al-MisrÊ: *RisÉlah al-Khusairi*, karangan Abu Kassin Khusairi: *Ta'lÊm al-Muta'ÉlÊm*, karangan al-SarnËji.<sup>116</sup>

#### 4. Bidang Tafsir

Boleh dikatakan sebahagian dari kitab *tafsîr bil ma'thîr* diajar di pondok-Pondok di Sumatera Utara dan juga di Batubara. Antara kitab-kitab itu ialah:

(a) *Tafsîr al-QurÉn al-AzÊm* (*Tafsîr Ibn Kathîr*) karangan al-ImÉm ImadudÊn, Abi al-Fida’ IsmaËl ibn Kathîr al-Qurtasyiy al-DimasyqÊq.

(b) *AnwÉr al-TanzÊl wa-AsrÉr al-Ta'wil* (*Tafsîr al-BaydÉwÊy*), karangan al-Imam NasiruddÊn AbÊ SaËd ’Abdullah ibn Umar ibn Muhammad al-SyirÉzÊ al-BaiydÉwÊy.

(c) *MukhtasÉr Tafsîr Ibn Kathîr*, karangan Muhammad ‘Ali al-SaibËnÊy.

(d) *Al-FutËhÉt al-IlÉhiyyah bi TawdÊh Tafsîr al-JalÉlain li al-Daqâ'Êq al-Khafîyyah*, karangan SulaimËn ibn ‘Umar al-Juaili al-Shafi’iy.

Selain daripada teks-teks di atas, kitab *tafsîr* yang biasa digunakan juga seperti *Safwah al-TafÉsir*, *Tafsîr al-NasÉfÊ*, *Tafsîr Juzu’ ‘AmmÉ*, *Tafsîr KhazÊn*, *Tafsîr al-Jamal*, *Tafsîr an-NisÉbËrÊ*, *Tafsîr al-BaidÉwi* karangan Syaikh ‘Abdul Rauf al-FansËri, *Tafsîr NËr al-IhsËn*. Manakah

---

<sup>116</sup> Hasil temubual dengan Hj. Abdul Wahid Mukthi pada 4 September 2009 pukul 10.00 di rumah beliau.

dalam bidang tajwîd teks yang selalu diguna pakai *Hidâyah al-Mustâfâd*, *Sirâj al-Qâdirâ*, *Miftâh al-Jannah*, *Panduan Qari dan Qoriah*, *Tuhfah al-Ikhwâni* dan lain-lain lagi.

## 5. Bidang Hadîth

Kitab-kitab hadîth adalah antara kitab yang banyak diajar di pondok-pondok. Antara kitab-kitab utama yang menjadi bahan pengajaran di pondok dalam bidang ini adalah sebagai berikut :

- a. *Matn al-Arbaâ'în al-Nawâ'iyyâh fî al-Ahâdîth al-Sâhihah al-Nabawiyyah*, karangan al-Imâm Yahyâ Ibn Syarîf al-Dîn al-Nawâ'i,
- b. *Bulâ'îgh al-murâ'îm min Adillah al-Ahkâm*, karangan al-'Allâmah al-Hâfi'z Ibn Hajar al-Asqâfiyyî.
- c. *Riyâdh al-Sâlihâ'în min Kalâ'îm sayyâ'îd al-Mursalâ'în*, karangan Muhyî al-Dîn Abû Zakariyyah Yahyâ Ibn Sharîf al-Nawâ'i.
- d. *Sunâ'în Abî Dawâ'îd*, karangan al-Imâm al-Hafîz Abû Dawâ'îd Sulaimân al-Sajastâ'î al-'Azdi.
- e. *Sahîh al-Bukhârî*, karangan al-Imâm Abî 'Abdullâh Muhammad ibn Isma'îl al-Bukhârî.
- f. *Sahîh Muslîm*, karangan al-Imâm Abî al-Husayn Mâslîm ibn al-Hajar ibn Muslîm al-Qusayîrî al-Nâsâ'î.
- g. *Syarh Muwatta' al-Imâm Ma'lûk*, karangan Abî 'Abdullâh Muhammad ibn 'Abdul Baqî ibn Yusof al-Zarqâ'î.
- h. *Fath al-Bâri* *Syarh al-Bukhârî*, karangan Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar al-Asqâfiyyî.

- i. *Sunan al-Nasa*<sup>Ê</sup> *Syarh al-HÉf*<sup>Ê</sup><sub>z</sub> *JalÉludd*<sup>Ê</sup><sub>n</sub> *Al-SuyËt*<sup>Ê</sup><sub>y</sub> *wa Hésiyah al-ImÉm al-Sind*<sup>Ê</sup><sub>y</sub>, karangan al-ImÉm al-Nasa<sup>Ê</sup>, al-ImÉm al-SuyËt<sup>Ê</sup><sub>y</sub> dan al-ImÉm al-Sind<sup>Ê</sup>.

Selain daripada kitab-kitab utama yang disebut diatas, beberapa kitab HadÊth tambahan lain turut diajar seperti kitab-kitab *MisykÉt al-MasÉbih*, *MukhtasÉr Ab*<sup>Ê</sup> *Jamrah li al-BukhÉr*<sup>Ê</sup>, *al-YawÉq*<sup>Ê</sup><sub>t</sub> *wa al-JawÉh*<sup>Ê</sup><sub>r</sub>, *Mastika Had*<sup>Ê</sup><sub>th</sub>, *al-JawhÉr al-MawhËb wa Munabb*<sup>Ê</sup><sub>h</sub> *al-QulËb*, *Kasyf al-Ghaybiyy*<sup>Ê</sup><sub>h</sub>, *Dal*<sup>Ê</sup><sub>l</sub> *al-FÉlih*<sup>Ê</sup><sub>n</sub> dan lain-lain lagi.<sup>117</sup>

Manakala dalam bahagian mËstÉlÉh hadÊth seperti *al-BaikËniyah*, karangan Syeikh ‘Umar Ibn Syeikh Mohammad, *Hasyiah BaikËniyah*, karangan Syeikh ‘AtÉyah al-‘AjhËr<sup>Ê</sup>: *Nahbat al-FikÉr*, karangan Ibn Hajar al-AsqalÉn<sup>Ê</sup> dan *Syarh al-BaikËniyah*, karangan Syeikh Mohammad ZuqÉni.<sup>118</sup>

## 6. Bidang Nahw Dan Sarf

Antara kitab-kitab utama yang menjadi bahan pengajaran di pondok dalam bidang *nahwu* dan *sorof* adalah seperti berikut :

- a. *Al-fiyah Ibn Mal*<sup>Ê</sup><sub>k</sub> *al-Nahw wa al-Sarf*, karangan al-AllÉmah Muhammad ibn ‘AbdullÉh ibn MalÉk al-AndalËs<sup>Ê</sup>.
- b. *Syarh al-AllÉmah Ibn ‘Aqil ‘alÉ al-fiah Ibn Mal*<sup>Ê</sup><sub>k</sub>, karangan al-AllamÉh Ibn ÓqÉl.
- c. *al-Kaw*<sup>Ê</sup><sub>k</sub><sup>Ê</sup><sub>b</sub> *al-Durriyyah* *Syarh Matammimah al-Ajr*<sup>Ê</sup><sub>m</sub>*iyyah*, karangan al-AllamÉh Muhammad ibn Ahmad ibn Abdul al-BÉr<sup>Ê</sup> al-Ahdal.

Selain daripada kitab-kitab di atas, banyak lagi kitab-kitab *nahw* dan *sarf* yang biasa digunakan atau kitab tambahan seperti *Matn al-Ajr*<sup>Ê</sup><sub>m</sub>*iyyah*,

---

<sup>117</sup> *Ibid.*,

<sup>118</sup> *Ibid.*,

*Mukhtasér Jiddan, al-Syaikh Khaléd, al-Makédé, al-Fawakéh al-Junnaih (matammimah) Syarh Matn al-Ajrémíyyah, Qutrén al-nédé, al-Asméméwé al-É matn al-fakéh li qutru al-nédé, Matn al-bina', Matn al-maqṣéd, Matn al-Ézé.*

Disamping itu *nahw* dan *sorf*, beberapa buah kitab dalam bidang 'Aréd dan *Baléghah* juga turut digunakan seperti kitab *Mukhtasar al-Shéfé* al-É Matn al-Kéfé, *Majmúah Khams Raséil li al-Sayyéd Ahmad Zainé Dahlan*, *Tashéel Al-Aréd Fél ilm Al-Aréd Al-Mugaddimah al-Samargandiyyah*.

Manakalah di bidang *Baléghah* seperti kitab *al-Sawé*, *al-Samarkhandé*, *al-Jauhér al-Maknéen*, karangan 'Abdul Rahmén al-'Ahkzééré, 'Addat al-Juménené, karangan Imém Suyéeté, *Muktasér Ma'éné* dan lain-lain.

## 7. Bidang Sejarah Islam

Dalam bidang sejarah Islam pula pondok tidak ketinggalan mengajar beberapa buah kitab diantaranya kitab-kitab *khulaséh Nér al-Yaqén*, *Tarékh al-Islém li al-Imém al-Khayyat*, *itmém al-Wéfa' fél Sérah a;-Khuléfé*' dan *Qasés al-Anbbiyé*'.

## 8. Bidang Mantiq (Lojik)

Hanya beberapa buah kitab sahaja yang diajar dalam bidang Mantéq di antaranya kitab *Tahrér al-Qawééd al-Mantiqiyah* dan *Uqéd al-Jimén*. Selain itu terdapat juga pelajar yang mempelajari pelajaran sampingan seperti berzanji, nasyid, marhaban, qasidah, cerita dan sebagainya. Biasanya bertujuan bagi menerima jemputan masyarakat dalam majlis-majlis keramaian dan hari-hari kebesaran Islam seperti maulid Rasul.

### 2.8.3 Kaedah Pembelajaran Pondok

Aktiviti pembelajaran merupakan suatu central dalam pelaksanaan pendidikan untuk memperolehi kualiti di pondok pesantren. Ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh para guru dalam aktiviti pembelajaran.

1. Rasa ingin tahu, kemahuan mencoba dan menemukan sendiri merupakan dorongan dari dalam diri pelajar, contohnya sederhana ialah, setiap pelajar selalu bertanya mengenai apa yang mereka belum tahu. Mereka selalu mahu mencoba sesuatu perkara yang baru. Apa yang kita larang (kerana kita anggap berbahaya), sebaliknya pelajar ingin mencobanya. Kalau kita memberikan mainan kepada mereka, kadang-kadang pelajar merosaknya. Apakah betul anak-itu perosak? Bukankah itu sebagai bukti dorongan ingin tahu, ingin mencoba dan ingin menemukan sesuatu? Bukankah perkara itu merupakan sikap peneliti yang juga merupakan sikap kaum ilmuwan?.
2. Pada hakikatnya pelajar selalu mahu bergerak. Mereka bermain atau mereka bekerja pada dasarnya adalah bergerak. Pada masa mereka bermain, pada masa mereka bekerja, pada masa itu pulalah sebenarnya mereka belajar.
3. Pada dasarnya manusia itu adalah makhluk sosial. Kumpulan belajar merupakan aktiviti sosial juga. Banyak aktiviti belajar berjaya pabila dilakukan bersama. Namun demikian kita pun jangan melupakan bahawa manusia adalah juga makhluk individu. Mereka berbeza dalam kecerdasan, kegemaran, bakat, latar belakang keluarga, sifat dan kebiasaan. Oleh kerana itu walaupun anak belajar secara berkumpulan guru harus mampu menyalurkan bakat dan minat setiap warga belajar.<sup>119</sup>
4. Semua aktiviti warga belajar akan terarah jika disokong untuk mencapai tujuan tertentu. Untuk mencapai tujuan itu, warga belajar harus dihadapkan kepada keadaan untuk mencapai tujuan itu, warga belajar harus dihadapkan kepada

---

<sup>119</sup> Grand Design Pendidikan Keagamaan Dan Pondok Pesantren 2004-2009 (2004), *op.cit.*, h. 70.

keadaan bermasalah, supaya mereka peduli terhadap masalah. Kepedulian terhadap masalah boleh ditumbuhkan jika warga belajar dihadapkan pada keadaan yang memerlukan pemecahan masalah.

5. Guru harus betul-betul memahami kurikulum dan kemampuan dasar yang mahu dicapai. Kerana kurikulum merupakan sumber utama aktiviti belajar mengajar. Selalu terjadi bahawa dalam melakukan aktiviti belajar dan mengajar, buku paket dijadikan sumber utama oleh guru. Sehingga apa yang dimaksud dengan “pencapaian target” diertikan selesainya buku paket dan bukan target dan kemampuan yang ditetapkan.<sup>120</sup>

Selain itu juga, kaedah hafalan<sup>121</sup> juga menjadi kewajipan bagi pelajar-pelajar pondok. Biasanya para pelajar dikehendaki mengahafal *matan-matan* nahw, sarf, tajwid dan lain-lain lagi. Kaedah ini juga bolah membantu pelajar-pelajar yang tidak mempunyai kemahiran dalam penulisan dan pembacaan bahasa Arab, malah dianggap sebagai asas bagi menguasai bahasa Arab.

Ada juga kaedah dialog, soal jawab, perbincangan, sering dititik beratkan. Pembantu tok guru (kepala tala’ah) dipertanggungjawapkan mengendalikan perbincangan berhubungan dengan pembelajaran yang akan dan sudah dipelajari, serta banyak lagi kaedah-kaedah yang digunakan secara tidak langsung dan meluas seperti : latih tubi, bercerita, simulasi, tunjuk cara.

Manakala dalam pengajaran dan pembelajaran di pondok pada umumnya ialah menggunakan kaedah-kaedah tersebut dalam sistem suatu majlis yang

---

<sup>120</sup> *Ibid.*, h. 71.

<sup>121</sup> Sebelum menghafal satu-satu ayat atau matan guru akan menggunakan beberapa kaedah lain seperti : Talaqqi : guru memberi contoh bacaan kepada beberapa pelajar dan kemudiannya pelajar akan mengikuti contoh bacaan guru beramai-ramai. Kaedah Musyafahah : Guru memberi contoh bacaan kepada seseorang murid kemudian murid itu mengikuti contoh bacaan secara individu. Kaedah Latin tubi : Guru menyuruh murid-murid membaca berulang-ulang kali secara beramai-ramai atau berkumpulan atau secara individu. Dalam kaedah hafazan juga biasanya diterapkan di samping kaedah Tasmi’ iaitu murid diminta tasmi’ hafazan dengan rakan-rakannya atau di hadapan guru secara langsung. Lihat, Ustadz Jamaludin Riduan (2000), *Kaedah pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran*. (Edisi Rumi) Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd. h. 32-35.

berbentuk *halaqah* iaitu pelajar-pelajar membuat separuh bulatan di hadapan guru tanpa menggunakan sebaran peralatan seperti kerusi, meja, papan hitam dan sebagainya. Cara ini selalu digunakan dalam kaedah pendidikan moden melalui perbincangan berkumpulan atau berkelompok.

## **2.9 KESIMPULAN**

Sejarah pendidikan Islam di daerah Batubara dapat diklasifikasikan kepada 2 (dua) tahapan.

### **Tahapan Pertama : Pendidikan Secara Informal**

Tahapan pendidikan Islam pada masa ini belum lagi menggunakan sistem dan perancangan pendidikan secara teratur.

Adapun pengajian-pengajian diadakan di surau, masjid, rumah tok guru bahkan di istana. Bentuk pendidikan secara *informal* ini dapat dikesan pada abad ke 6 M. ditandai dengan tertubuhnya kerajaan Niat Lima Laras.

Diantara pelopor terawal dalam pendidikan *informal* ini adalah Che' Ayung (1700 an), Syeikh Hj. Mad Zein Tasak (1800 an), Syeikh Yahya (1800 an), Tuan Hj. Musa (1800 an).

### **Tahapan Kedua : Pendidikan Secara Formal**

Tahapan kedua adalah secara formal. Pendidikan Islam secara formal hanya dapat dikesan pada awal tahun 1930 an, ditandai dengan tertubuhnya institusi Islam *al-Jamiati al-Washliyah* pada 30 November 1930 M di Medan.

Pada tahun 1934 M ditubuhkanlah sesebuah maktab di Kampung Panjang – Batubara, pada tahun 1956 ditubuhkan pula sekolah agama yang diberinama *Madrasah al-Jamiatu al-Washliyah* di kampung Bagan Dalam. Pada perkembangan berikutnya tertubuhlah beberapa madrasah / sekolah agama lainnya di kawasan daerah Batubara.

Diantara para pelopor pada masa ini adalah : Tuan Hj. Abdul Wahab (1800 an) di Pematang Panjang, Tuan Roff'i (1800 an) di perkampungan Talawi, dan Tuan Anwar (1900 an) di perkampungan Simpang Gambus – Lima Puluh.

Bentuk pengajian pada masa ini sudah terkesan teratur dan kemas, kerana memiliki perancangan / kurikulum pengajian. Pengajian yang dijalankan pun bukan sekadar fardhu ain dan kifayah sahaja, namun sudah dikembangkan seperti mempelajari ilmu *tauhid*, ilmu *tasawuf*, ilmu *fikah*, dan sebagainya.

## **BAB III**

### **INSTITUSI PONDOK DAN SEJARAH PERKEMBANGANNYA**

### **DI BATUBARA**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Sebelum munculnya institusi pondok, lokasi atau tempat yang sering menjadi tumpuan orang ramai bagi mendalami agama antara lainnya adalah bermula daripada rumah tok guru, surau atau masjid dan diikuti dengan pengajian pondok dan institusi yang hampir sama dengan pengajian pondok iaitu madarasah diniyah. Sebelum wujudnya persekolahan ini, pengajian al-Quran merupakan satu institusi pengajian agama terawal di Tanah Melayu.<sup>122</sup> termasuk di Indonesia dan daerah Batubara.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menjelaskan sejarah dan perkembangan ketiga-tiga institusi tersebut sebagai pendahuluan disamping bagi mendapatkan kesinambungan dengan perbahasan tentang kemunculan institusi pendidikan tradisional atau dengan kata lain institusi pondok.

Pada peringkat awal sememangnya rumah “*tok guru*” biasanya akan menjadi tumpuan ”*tok faki*”<sup>123</sup> dalam menuntut ilmu agama. Ini kerana guru dianggap sebagai orang yang disanjungi dan dihormati. Fenomena ini terus berkembang sehingga wujudnya institusi pondok sebagai institusi formal pada masa itu. Hal ini

---

<sup>122</sup> Syafie Abu Bakar (2984), “Institusi Pondok Dan Kesan Pendidikan Di Zaman Silam”, (kertas Kerja *Muzakkirah* Institusi Pondok sebagai benteng tradisi Islam, Markaz Tarbiyah Islamiah, Kedah, 4-5 Disember 1984), h. 3.

<sup>123</sup> Penggunaan istilah Tok guru dan tok fakir adalah penggunaan yang begitu sinonim pada masa itu yang memberi maksud Tuan Guru dan murid atau pelajar.

berlaku kerana pemuatan pengajian di rumah tok guru hanya dapat menampung jumlah pelajar yang masih berkurangan.

Bentuk pengajian juga adalah terhad iaitu tertumpu kepada pengajian al-Quran yang merupakan asas keilmuan Islam dan keimanan. Pada peringkat ini mereka didedahkan dengan asas-asas fardu ‘ain terutama berhubunganan dengan rukun Islam dan rukun iman. Teknikal penulisan dan pembacaan huruf-huruf jawi juga turut diajar pada peringkat ini.

Setelah kesedaran Islam yang menggalakkan di kalangan masyarakat Batubara , jumlah mereka yang hadir sama dalam majlis-majlis ilmu di rumah tok guru semakin meningkat, maka timbulah idea untuk mencari lokasi yang sesuai bagi menampung pertambahan penuntut yang begitu besar, maka lahirlah pandangan mendirikan surau<sup>124</sup> atau madrasah.

Biasanya surau-surau atau masjid, didirikan berhampiran dengan rumah tok guru dengan menggunakan hasil pungutan derma dan wakaf orang ramai. Ada juga yang dibina atas tanah tok guru dengan mengamalkan konsep gotong royong. Bentuk pengajian di surau adalah lebih meluas dan tidak terbatas kepada al-Quran dan asas fardu ‘ain sahaja, sebaliknya ilmu-ilmu lain seperti *fekah, tawhid, tasawwuf, sirah, tafsir, hadith* dan lain-lain agama juga turut diajar.

Disamping surau, masjid juga telah memainkan peranan penting sebagai pusat institusi pendidikan Islam *informal* yang lebih berkesan sebelum kewujudan pondok<sup>125</sup> ini kerana sering mendapat sokongan moral dan material daripada masyarakat dan juga pihak kerajaan pada masa itu.

---

<sup>124</sup> Surau adalah tempat beribadat yang lebih kecil daripada Masjid dan tidak digunakan untuk sembahyang jumaat. Tetapi sering digunakan sebagai tempat belajar agama. Perbezaan antara Surau dan balasah, balasah adalah lebih kecil dari Surau, kebiasaannya terdapat tidak kurang dua balasah dalam satu mukin dan mengikut keluasan mukin serta keramaian Tok guru dalam satu-satu kawasan.

<sup>125</sup> Mohd Jamil Mukmin (1994), *Melaka Pusat penyebaran Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, h. 128.

Pada umumnya sambutan masyarakat dalam menghadiri kelas pangajian di surau atau masjid dulu dan sekarang, boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu :

1. Golongan penadah kitab dengan mendengar sambil mencatat isi pengajaran pada kitab yang dipelajari.
2. Golongan pendengar iaitu cuma mendengar sahaja tanpa melihat kitab dan mencatat isi yang dipelajari.

Kebiasaannya pengajian di surau dan masjid dilangsungkan selepas solat maghrib dan isyak, yang melibatkan semua lapisan masyarakat, bentuk pengajarannya juga adalah secara umum dan kadang kala berbentuk perbincangan dengan membuka peluang pertanyaan sewaktu pengajaran dan pembelajaran berlangsung<sup>126</sup>.

### **3.2 PENDIDIKAN DI INSTITUSI PENGAJIAN PONDOK**

Di daerah Batubara menurut Hj. Abdul Wahid Mukthi (1954), setelah kemahuan masyarakat sangat tinggi dalam mempelajari ilmu agama dengan cara mendatangkan rumah-rumah tok guru maka pusat mempelajari agama Islam pun berpindah ke pelbagai surau dan masjid, ini dilakukan kerana rumah para tok guru sudah tidak boleh lagi menampung masyarakat yang banyak berdatangan untuk mempelajari ilmu agama.<sup>127</sup>

Selari dengan perkembangan zaman, maka pola fikir masyarakat sudah mengalami kemajuan dalam mengorganisir pendidikan menuju ke tahapan yang lebih baik lagi. Dengan jalinan kerjasama yang baik antara masyarakat daerah Batubara dengan pemerintah beserta para ulama tempatan maka di awal tahun 1970 an

---

<sup>126</sup> Syafie Abu Bakar (1984), “Institusi Pondok Dan Kesan Pendidikan Di Zaman Silam”, (Kertas Kerja Muzakkirah Institusi Pondok sebagai benteng tradisi Islam, Markaz Tarbiyah Islamiah, Kedah, 4-5 Disember 1984), h. 4.

<sup>127</sup> Hasil temubual dengan Hj. Abdul Wahid Mukthi pada 3 September 2009 pukul 10.00 malam di rumah beliau.

ditubuhkanlah sesebuah pondok pesantren yang bernama Pondok Pesantren *Al-Washliyah* di perkampungan Tanjung Putus.

Pondok Pesantren *Al-Washliyah* ini ditubuhkan kerana mendapat kesan yang sangat besar atas peranan *Al-Washliyah* itu sendiri pada masa awal kehadirannya di wilayah Sumatera Utara pada umumnya dan daerah Batubara khususnya, sehingga pondok pesantren yang pertama kali di tubuhkan ini diberinama serupa dengan organisasi tersebut.

Menurut salah seorang pakar pendidikan di daerah Batubara, Musthofal Akhyar (1958) bahawa peranan yang dimainkan oleh *al-Jamiatu al-Washliyah* sangat besar dalam meningkatkan kualiti pendidikan Islam di wilayah Sumatera Utara, terutama di daerah Batubara. Sehingga terwujudlah pendidikan dalam bentuk formal dan tertubuhnya institusi-institusi pengajian pondok.<sup>128</sup>

### **3.3 SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN PONDOK**

Mengikut sumber sejarah, pondok yang pertama didirikan di negeri Sumatera Utara<sup>129</sup> ialah sekitar tahun 1912 an. Pondok ini berada di aliran sungai Aek Singolut di Lembah Gunung Sorik Merapi. Namanya telah tersohor bukan sahaja di negeri Sumatera Utara, tetapi juga ke Aceh, Jawa bahkan ke Malaysia, dan pondok pesantren ini diberi nama Pondok Pesantren Musthafawiyah.<sup>130</sup>


Berikut ini adalah carta pertumbuhan Pondok Pesantren Musthafawiyah tersebut pada tahun 1920, 1996, 2000 dan pada tahun 2007.

---

<sup>128</sup> Hasil temubual dengan Musthofal Akhyar , pada 2 September 2009 pukul 9.45 pagi di pejabat beliau.

<sup>129</sup> Sumatera Utara adalah negeri bagi Daerah Batubara.

<sup>130</sup> Direktorat Pendidikan Diniyah Dan Pondok Pesantren, Direktorat Jenderal Pendidikan Islam, Departemen Agama Republik Indonesia (2007), *Direktori Pesantren*, Jakarta : Departemen Agama Republik Indonesia, h. 26.



### **Penjelasan Carta Diatas**


Pondok Pesantren ini juga pernah mengalami pasang surut, jika semasa Syekh Mustafa Husein, pelajar yang menuntut sangat banyak, bahkan mencapai 8.000 orang, namun sejak mangkatnya beliau terjadi penurunan. Pada tahun 1996 hanya dihuni sekitar 3.500 orang sahaja, kerana itu pondok pesantren ini pernah diambil alih oleh daerah jiran Sumatera Utara iaitu Tapanuli Selatan selama dua tahun, tapi kini sudah diserahkan kembali ke asal.<sup>131</sup>

Pada tahun 2000, jumlah pelajar bertambah menjadi 5.500 orang. terdiri dari 4000 pelajar putra dan 1.500 pelajar putri. Masa ini Musthofawiyah mendidik para pelajar sebanyak 4.379 orang yang terdiri dari 3.002 putra dan 977 putri dan diajar oleh guru dan kakitangan sebanyak 202 orang.<sup>132</sup>

---

<sup>131</sup> *Ibid.*,

<sup>132</sup> *Ibid.*,



Adalah dipercayai bahawa bentuk pendidikan pondok di negeri Sumatera Utara adalah diwarisi dari Pulau Jawa, ini kerana kebanyakan guru dan alim ulama Sumatera Utara mendapat pendidikan dari pondok-pondok di Pulau Jawa yang kemudiannya melanjutkan ke Mekah, Madinah atau Timur Tengah. Tidak kurang juga ada yang memang berasal dan keturunan dari Pulau Jawa.

Malah zaman sebelum abad ke 16 M, Sunan Giri (salah satu daripada Walisongo) telah membuka beberapa pondok pesantren di Pulau Jawa, pada masa ini murid-murid beliau yang belajar bukan sahaja datang dari Pulau Jawa itu sendiri tetapi banyak pula yang datang dari negeri lain, seperti dari Madura, Lombok, Makasar, Ternate bahkan dari pulau Sumatera, khususnya Sumatera Utara.<sup>133</sup>

Pada akhir abad ke 19 M dan awal abad ke 20 M, Sumatera Utara umumnya Batubara pada khususnya sebagai pusat pengajian dan pengajaran agama Islam tersohor di negara Indonesia di samping Aceh yang telah dikenali semenjak awal lagi. Bentuk pengajaran yang dijalankan dalam pendidikan Islam dahulu dan sekarang, adalah sama dengan menggunakan sistem *halaqoh*.<sup>134</sup>

<sup>133</sup> Drg. H. Muhammad Syamsu, *op. Cit.*, h. 49.

<sup>134</sup> Sistem *halaqoh* adalah suatu Sistem pengajian yang jarak antara guru dan pelajar berdekatan, biasanya di buat seperti bentuk huruf O atau U.

Kitab-kitab yang diajar pada peringkat awal, biasanya *al-Quran*, *tajwid*,<sup>135</sup> *nahw*,<sup>136</sup> *sorf*,<sup>137</sup> *fiqh*,<sup>138</sup> penulisan jawi dan lain-lain, mengikut kemampuan pelajar dan kemahiran guru dalam satu-satu jurusan keilmuan<sup>139</sup> kewujudan institusi pondok di Sumatera Utara pada awal kurun ke 18 M juga telah membawa kepada ajaran *tasawwuf* secara meluas.

Sistem pendidikan Islam tradisional telah menuju ke zaman gemilangnya dengan bermulanya abad ke 18 M. beratus buah pondok telah diasaskan dalam tahun-tahun berikutnya. Sehingga institusi pondok dianggap sebagai sekolah popular asal yang terawal bercorak spiritual sebelum wujudnya sistem pendidikan Barat di Nusantara dan Semenanjung.<sup>140</sup>

Diantara tahun 1920-1945 M perkembangan pondok di Sumatera Utara telah membawa perubahan yang begitu baik dari segi pengajaran kitab-kitab. Bukan sahaja terbatas kepada pengajaran *nahw*, *sorf*, *tasawuf*, bacaan *wirid*, *mustalah doa*,<sup>141</sup> malah di tambah lagi mata pelajarannya kepada *hadith*, *tafsir*, *mustalah hadith*,<sup>142</sup> *tarikh tasyri*<sup>143</sup> dan lain-lain lagi. Namun begitu, pengajian ilmu *nahw* dan *sorf* di pondok-pondok adalah paling penting iaitu sebagai jaminan kemampuan menguasai kitab-kitab *mu'tabar*.

Namun pada masa kini pondok-pondok yang ada bukan sahaja mempelajari bidang agama tetapi juga mempelajari ilmu-ilmu umum lainnya seperti bahasa Melayu, Bahasa Inggris, Mathematic, Chemistry, Ilmu alam, dan pelbagai ilmu lainnya dan pondok yang seperti ini dinamakan dengan “Pondok Moden”. Tetapi Pondok Pesantren

---

<sup>135</sup> *Tajwid* adalah ilmu untuk memperbaiki bacaan al-Quran.

<sup>136</sup> *Nahw* adalah ilmu *Grammar* Bahasa Arab.

<sup>137</sup> *Sorf*, adalah ilmu untuk mengetahui baris dan perubahan dalam perkataan Bahasa Arab.

<sup>138</sup> *Fiqh* adalah ilmu yang mempelajari mengenai Hukum *Ahkam Islam*.

<sup>139</sup> Shafie Abu Bakar (1984), “Kearah Pembinaan dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia : suatu Penyesuaian dengan Pembaharuan Pendidikan Kini” *Jurnal Pendidikan*, bil 2, tahun 1985, h.25.

<sup>140</sup> Abdul halim Ahmad (1982), ”Pendidikan Islam di Kelantan” dalam Prof. Khoo Kay Kim (ed), *beberapa aspek warisan Kelantan*. Kota Baharu : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 52.

<sup>141</sup> Adalah pelajaran yang mengkhaskan terhadap mengetahui, membaca dan menghafal pelbagai doa’.

<sup>142</sup> *Mustalah hadith* adalah ilmu yang mempelajari semua istilah yang terdapat dalam ilmu hadith.

<sup>143</sup> *Tarikh tasyri* adalah ilmu yang mempelajari sejarah-sejarah dalam dunia Islam.

Wakaf al-Mukhlishin yang menjadi penelitian ini tidak terlalu banyak mempelajari pelajaran-pelajaran umum. Hanya ada 3 pelajaran umum sahaja yang diajarkan iaitu : Bahasa Indonesia, Bahasa Ingges dan Mathematic. Ini dimaksudkan untuk lebih menjaga kualiti para pelajar dalam mempelajari dan memahami ilmu agama.<sup>144</sup>

Sementara itu untuk daerah Batubara pondok pesantren satu-satunya adalah Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin yang menjadi objek penelitian dalam tulisan ini, walaupun sebelumnya juga pernah ada pondok lainnya tetapi kurang memberikan peranan dan memikat hati masyarakat, sehingga usia pondok tersebut tidak begitu lama. Sebelum kehadiran Pondok Wakaf Al-Mukhlishin ini di daerah Batubara, masyarakat tempatan menjadikan masjid-masjid, surau dan madrasah sebagai pusat pendidikan Islam, namun sekarang yang menjadi pusat pendidikan Islam adalah Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin tersebut. Untuk mengetahui lebih lanjut lagi mengenai peranan yang dimainkan oleh pondok tersebut akan di bahas di bab berikutnya.

### **3.4 SENARAI PONDOK YANG PERNAH ADA DAN FAKTOR-FAKTOR KEMUNDURANNYA**

Sepengetahuan penulis ada dua pondok pesantren yang pernah ada di daerah Batubara, namun kedua pondok tersebut tidak bertahan lama, disebabkan beberapa faktor. Penulis akan mengemukakan nama pondok dan faktor-faktor kemunduran tersebut.

#### **3.4.1 Pondok Pesantren *Al-Washliyah* (1971 – 1980 An)**

Pondok ini bertempat di Perkampungan Tanjung Putus, pondok ini ditubuhkan sekitar tahun 1971, didirikan atas kerja sama antara masyarakat dan ulama tempatan, walaupun hanya memiliki fasiliti yang sangat terbatas, jumlah pelajar pun tidak terlalu ramai hanya sekitar 150 pelajar sahaja. Pondok

---

<sup>144</sup> Hasil temubual dengan Haji Abdul Wahid Mukthi pada 3 September 2009 pukul 10.00 malam di rumah beliau. Beliau adalah pengetua di pondok pesantren tersebut.

ini tidak bertahan lama, sekitar tahun 1980 an pondok ini kemudian di rubah menjadi sekolah agama biasa sehingga sekarang.

Adapun faktor-faktor yang menyebabkan kemunduran pondok ini diantaranya adalah :

1. Faktor ekonomi, seperti tidak ada bantuan kewangan dari pihak manapun.<sup>145</sup>
2. Tidak ada dukungan penuh dari kerajaan setempat dan masyarakat, walaupun pada awalnya masyarakat ikut serta dalam menubuhkannya.
3. Kurangnya promosi.
4. Hilangnya semangat juang dikeranakan faktor-faktor di atas.

Dahulunya pondok ini di bimbing oleh beberapa orang tok guru diantara : Ustadz Wahab Lubis (1930 an), Syeikh Haji Musa (1930 an), Ustadz Mahmud (1940 Wan Haji Muhammad (1940 an) dan Ustadz Usman Jalaluddin (1949 an).<sup>146</sup>

### **3.4.2 Pondok Pesantren *Darul Muhsinin* (1988 – 2002)**

Pondok ini bertempat di perkampungan yang berbeza dengan pondok diatas, ianya berada di perkampungan Tanjung Tiram, pondok ini ditubuhkan sekitar tahun 1988. sememangnya pondok ini masih berusia muda, namun juga tidak boleh bertahan lama. Pondok ini didirikan atas kerja sama masyarakat tempatan dengan ustazah tempatan iaitu Hjh. Kamilah binti Mohd. Syarif (1950 an).

Untuk perkembangan selanjutnya pondok ini sangat lamban dan tidak memiliki pelajar yang banyak, jumlah pelajar hanya dalam 105 orang sahaja.

---

<sup>145</sup> Hasil temuabual dengan Ustdz. Jalaluddin Ilyas (salah seorang ulama Daerah Batubara pada 2 September 2009 pukul 11.00 pagi di rumah beliau.

<sup>146</sup> *Ibid.*,

Padahal Pondok ini adalah pondok satu-satunya yang ada di daerah Batubara, tetapi tidak memberi kesan yang mendalam bagi masyarakat tempatan, kerana beberapa faktor, diantara faktor yang terpenting ialah, pondok ini tidak mempunyai guru yang mencukupi dan bertempat di pelosok perkampungan. Dahulunya pondok ini memiliki tingkatan : Tadika Islam, Tingkatan Rendah dan Menengah. Tetapi pada tahun 2002 semuanya sudah tidak berjalan lagi.

Adapun faktor-faktor yang menyebabkan kemunduran pondok ini diantaranya adalah :

1. Faktor ekonomi, seperti tidak ada bantuan kewangan dari pihak manapun.
2. Kekurangan guru yang profesional.<sup>147</sup>
3. Terletak di pelosok perkampungan.
4. Tidak ada dukungan penuh dari kerajaan setempat dan masyarakat, walaupun pada awalnya masyarakat ikut serta dalam menubuhkannya.
5. Kurangnya promosi.
6. Tidak memiliki ciri khas yang menarik perhatian masyarakat.<sup>148</sup>
7. Hilangnya semangat juang dikeranakan faktor-faktor di atas.

Dahulunya pondok ini dibimbing oleh beberapa orang guru, namun sebagai guru yang tetap hanya beberapa orang sahaja, diantaranya ialah ustazah Hjh. Kamilah binti Mohd. Syarif (1956) dan Ustadz Syarifuddin (1955).<sup>149</sup>

### **3.5 PERBANDINGAN PONDOK PESANTREN WAKAF AL-MUKHLISHIN DENGAN PONDOK YANG PERNAH ADA DI DAERAH BATUBARA.**

Tentunya Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin yang menjadi penelitian penulis ini mempunyai beberapa kelebihan sehingga dapat bertahan dari tahun ke

---

<sup>147</sup> Hasil temubual dengan Hjh. Kamilah binti Mohd. Syarif (beliau adalah pendiri Pondok tersebut) pada 6 Oktober 2009 pukul 10.00 pagi di pejabat beliau.

<sup>148</sup> *Ibid.*,

<sup>149</sup> *Ibid.*,

tahun bahkan mempunyai perkembangan yang sangat cepat dan baik dibandingkan dengan pondok-pondok yang pernah ada. Diantara kelebihan yang dimiliki oleh pondok pesantren ini adalah :

### **1. Tenaga Pengajar Yang Profesional Di Bidangnya**

Pondok ini mempunyai ustaz / ustazah yang memiliki keilmuan yang tidak diragukan lagi. Perkara ini boleh dilihat pada setiap matapelajaran yang diajarkan akan disampaikan oleh ustaz / ustazah yang menguasai di bidang tersebut.<sup>150</sup>

### **2. Sokongan Penuh Dari Kerajaan**

Sokongan yang sangat baik dari pihak kerajaan membolehkan pondok ini terus melangkah lebih jauh, baik dari segi pembangunan maupun prestasi pelajar. Sokongan daripada pihak kerajaan ini dapat dilihat dari bantuan kewangan secara terus menerus dari pertama berdirinya pondok hingga sampai sekarang ini.

Kemudian sokongan kerajaan ini bukan hanya sekadar Kerajaan Daerah Batubara sahaja, Kerajaan negeri pun banyak memberikan bantuan bahkan Kerajaan Pusat di Jakarta (Ibu Kota Indonesia) juga pernah memberikan sokongan berupa semangat juang kepada pengurusi pondok dan bantuan kewangan.<sup>151</sup>

### **3. Sokongan Masyarakat**

Berjayanya pondok ini sehingga sekarang tidak terlepas daripada sokongan masyarakat daerah Batubara untuk menghantarkan anak-anak mereka dalam menuntut ilmu agama di pondok ini dan menyambut baik setiap aktiviti yang diselenggarakan di pondok tersebut. Bahkan masyarakat Batubara pun dengan

---

<sup>150</sup> Hasil temubual dengan Musthofal Akhyar, (Pakar Pendidikan Dan Motivasi Daerah Batubara), pada 2 September 2009, pukul 9.45 pagi di Pejabat beliau.

<sup>151</sup> Hasil temubual dengan Hj. Abdul Wahid Mukthi, (Pimpinan Pondok Wakaf Al-Mukhlishin), pada 5 September 2009, pukul 10.00 malam di rumah beliau.

senang hati menyumbangkan dana, tenaga serta masa demi kemajuan pondok tersebut.<sup>152</sup>

#### **4. Fokus Terhadap Bidang Agama**

Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin ini berbeza dengan pondok yang pernah ada di daerah Batubara bahkan dengan pondok-pondok lainnya di bidang jumlah matapelajaran yang diajarkan. Pondok ini lebih fokus terhadap bidang agama daripada matapelajaran umum. Namun demikian bukanlah matapelajaran umum itu langsung terbaikan. Ada beberapa matapelajaran umum yang dipelajari iaitu : Bahasa Indonesia, Bahasa Inggres, dan Mathematic (ini merupakan matapelajaran yang akan dimasukkan dalam peperiksaan akhir). Bahkan pelatihan kawat pun mulai diajarkan setiap penghujung minggu.<sup>153</sup>

#### **5. Letak Pondok Strategik**

Letak pondok yang sangat strategik menjadi suatu penyokong yang menjadikan pondok ini ramai dikunjungi orang. Ianya terletak tidak di pelosok perkampungan dan tidak pula di tengah-tengah bandar.<sup>154</sup>

#### **6. Memiliki Dua (2) Ciri Khas Pembelajaran<sup>155</sup>**

- a. Menghafal al-Qur'an
- b. Menciptakan Kadet-Kadet Ulama Yang Unggul

#### **7. Latihan Manasik Haji<sup>156</sup>**

Program ini dijalankan secara konsisten. Pondok ini sememangnya membuka manasik haji bagi masyarakat Batubara yang hendak melaksanakan ibadah

---

<sup>152</sup> *Ibid.*,

<sup>153</sup> *Ibid.*,

<sup>154</sup> *Ibid.*,

<sup>155</sup> Hasil temubual dengan H. Nasir Akram, (Pendiri Pondok Wakaf Al-Mukhlishin), pada 10 September 2009, di pejabat beliau. Penjelasan lebih lanjut mengenai dua (2) ciri khas ini akan dijelaskan pada bab berikutnya secara terperinci.

<sup>156</sup> *Ibid.*, akan dijelaskan secara terperinci pada bab berikutnya.

haji, namun disamping itu para pelajar pondok pun diikutsertakan dalam praktikal tersebut.

## **8. Iyuran Pengajian Terjangkau**

Masalah iyuran pengajian di pondok ini tidak mahal, sebab setengah daripada iyuran dibantu oleh pihak kerajaan, sehingga tidak ada beban masalah kewangan. Bahkan pelajar yang kurang mampu dan pelajar yang berprestasi / cemerlang akan mendapatkan bantuan dan beasiswa.<sup>157</sup>

## **9. Kursus Computer Dan Bahasa Ingges Percuma**

Ini juga merupakan daya tarik tersendiri yang dimiliki oleh Pondok Pesanten Wakaf Al-Mukhlishin, disamping mempunyai kualiti yang baik juga memberikan perkidmatan kursus computer dan bahasa Ingges secara percuma kepada seluruh pelajarnya.<sup>158</sup>

## **10. Prestasi Pelajar Cemerlang**

Dengan pelbagai sokongan yang diberikan dan dengan minat belajar tinggi, para pelajar pondok ini pada umumnya memiliki prestasi yang cemerlang, sehingga pondok ini dijadikan oleh masyarakat sebagai sekolah / madrasah / pondok *bestari*.<sup>159</sup>

## **11. Bangunan Pondok Yang Permanent**

Walaupun pondok ini belum terlalu lama didirikan tetapi sudah mempunyai bangunan yang permanent dan boleh memberikan keselesaan bagi pelajar dalam menimba ilmu dan memberikan kepercayaan kepada masyarakat mengenai kualiti pondok ini.<sup>160</sup>

## **12. Fasiliti Yang Memadai**

---

<sup>157</sup> Hasil temubual dengan Ustadz. Ahamd Mansyur Ridho, (Salah Seorang Guru Di pondok Pesantren Wakaf Al-Mukhlishin), pada 4 September, pukul 05.00 petang di Pejabat.

<sup>158</sup> Hasil temubual dengan Rizka Eka Putra, (Salah seorang guru Di pondok Pesantren Wakaf Al-Mukhlishin), pada 4 September, pukul 04.00 petang di Pejabat.

<sup>159</sup> Hasil temubual dengan Mohammad Yousuf, (Salah seorang bapa pelajar di pondok Pesantren Wakaf Al-Mukhlishin), pada 11 September 2009, pukul 8.00 malam di rumah beliau.

<sup>160</sup> Hasil temubual dengan Ibrahim, (Salah seorang bapa pelajar di pondok Pesantren Wakaf Al-Mukhlishin), pada 12 September 2009, pukul 07.00 malam di rumah beliau

Meskipun fasiliti yang dimiliki oleh pondok ini tidak tergolong mewah, namun cukup memadai dengan adanya surau, bilik mandi, tandas, kolam ikan, padang dan asrama yang boleh memberikan keselesaan kepada para pelajar.<sup>161</sup>

Daripada beberapa kelebihan tersebut menurut penulis sudah sepantasnya alih Pondok Pesantren Wakaf Al-Mukhlishin ini berjaya dalam menjalankan aktifiti pengajaran dan sekaligus memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat daerah Batubara, kerana memberikan dan berperanan sangat baik di tengah-tengah masyarakat. Sekaligus ini pula yang merupakan salah satu alasan penulis dalam menjalankan penelitian terhadap pondok tersebut.

### **3.6 AGENSI-AGENSI YANG BERPERANAN DALAM PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI BATUBARA**

Untuk mengembangkan pendidikan Islam dimana-mana daerah semestinya mempunyai agensi-agensi yang berperanan aktif di dalamnya. Untuk daerah Batubara sebenarnya banyak agensi yang ikut serta, namun ada beberapa agensi yang sangat berperanan aktif, diantaranya adalah ;

#### **3.6.1 Majlis Ulama Islam (Mufti) Daerah Batubara (2009-2014)**

Majlis Ulama Indonesia<sup>162</sup> (Mufti) secara umum dan Majlis Ulama Batubara (mufti) secara khusus semamangnya mempunyai perhatian dan peranan yang sangat besar dalam mewujudkan dan mengembangkan pendidikan Islam yang propesional bagi masyarakat daerah Batubara dan

---

<sup>161</sup> *Ibid.*,

<sup>162</sup> Majlis Ulama Indonesia ini ditubuhkan pada 17 Rajab 1375 H bertepatan dengan 26 Juli 1975 M, yang berpusat di Ibukota Negara Republik Indonesia. Adapun tujuan daripada penubuhannya adalah untuk mewujudkan masyarakat yang berkualiti (**kahira Ummah**), dan negara yang aman, damai adil dan makmur rohaniah dan jasmaniah yang diridhoi Allah Swt. (**baldatun Thayyibatun wa rabbun ghafur**), lihat Pedoman Dasar Dan Pedoman Rumah Tangga Majlis Ulama Indonesia Daerah Batubara, (t.t), h.3-5.

usaha-usaha yang mereka lakukan semestinya mendapat penghargaan yang sangat besar oleh pihak kerajaan mahupun masyarakat tempatan.

### **3.6.1 (a) Tujuan, Dan Bidang Kuasa Majlis**

#### **Tujuan**

Menurut buku Program Kerja Majlis Ulama Indonesia (Mufti) untuk masa kerja 2005-2010, yang menjadi tujuan daripada MUI tersebut dalam membangun umat Islam ke depan termasuk dalam bidang pendidikan Islam<sup>163</sup> adalah :

1. Meningkatkan kualiti pemahaman dan amalan keagamaan setiap pribadi muslim Indonesia yang menggambarkan dalam tindakan dan prilaku kehidupan sehari-hari yang merujuk pada keseimbangan Imtaq (Iman dan Taqwa) dan Iptek (Ilmu Pengetahuan dan Teknologi).
2. Meningkatkan kesadaran hidup beragama, berbangsa dan bernegara di kalangan umat Islam Indonesia sehingga terwujud keadaan ketahanan mental serta sosial yang mantap dan tangguh terhadap tantangan baik dari dalam maupun dari luar, sebagai perwujudan dan pengamalan ajaran Islam di Negara Republik Indonesia yang berdasarkan pancasila dan UUD (Undang-Undang Dasar) 1945.
3. Memantapkan dan meningkatkan peranan MUI (Majlis Ulama Indonesia) dalam membangun umat Islam Indonesia yang berkualiti tinggi dan berakhhlak mulia serta mempunyai kemampuan ekonomi yang kuat dalam persaingan global.<sup>164</sup>

---

<sup>163</sup> Mengenai Pendidikan Islam di daerah Batubara peranan yang dijalankan oleh Mufti sangat terlihat dengan jelas. Pernyataaan tersebut disampaikan oleh Mufti Daerah Batubara H. Muhammad Ghozali Yusuf, Lc yang penulis wawancara dirumah beliau pada ahad 10 Oktober 2009 pukul 08.30.

<sup>164</sup> Program kerja Majlis Ulama Indonesia Provinsi / Wilayah Sumatera Utara Masa Khidmat 2005-2010 (2006), diterbitkan Sekretariat Majlis Ulama Indonesia Provinsi Sumatera Utara 2006. h. 2-3.

Dari tujuan yang disebutkan di atas boleh diambil kesimpulan bahawa yang menjadi tujuan daripada MUI tersebut dalam mendidik umat Islam ini ke depan adalah berkaitan dengan perkara

1. Menginginkan umat Islam yang berkualiti tinggi (**khaira Ummah**).
2. Mewujudkan kualiti manusia yang berakhlak mulia (**akhlak al Karimah**).
3. Mewujudkan kebolehan ekonomi umat yang kuat (**alIqtishadiyah al Islamiyah al Qowiyah**).

Menurut al. Ustadz H. Muhammad Ghozali Yusuf, Lc. Bahawa Majlis Ulama (Mufti) Daerah Batubara memberikan saran kepada kerajaan bahawa untuk menguatkan lagi pendidikan Islam di sekolah-sekolah agama daerah Batubara akan segera membuat program sholat jama'ah di setiap sekolah. Aktiviti ini dilakukan ketika tibanya masa untuk sholat seperti sholat zuhur dan asyar, saran yang dikemukakan ini akan dijadikan sebagai syllabus dalam pendidikan Islam daerah Batubara.<sup>165</sup>

### **Bidang Kuasa Majlis**

Adapun bidang kuasa yang dijalankan oleh Majlis Ulama Indonesia (Mufti) adalah:

1. Bidang Fatwa<sup>166</sup>
2. Bidang Dakwah, Dokumentasi Dan Informasi
3. Bidang Pendidikan<sup>167</sup> Dan Tamadun Islam.

---

<sup>165</sup> Hasil wawancara kepada Mufti Daerah Batubara, H. Muhammad Ghozali Yusuf, Lc. pada 10 Oktober 2009 pukul 8.00 malam di rumah beliau.

<sup>166</sup> Bidang Fatwa merupakan senjata utama bagi Mufti oleh sebab itu bidang ini diletakkan di bidang yang pertama. H. Muhammad Ghozali Yusuf mengatakan bahawa ini merupakan kerja utama daripada Mufti.

<sup>167</sup> Yang menjadi program kerja Mufti dalam bidang kuasa Pendidikan Islam adalah sekolah/Madrasah melalui praktikal ibadah

- a. Mengadakan kerjasama dengan pemerintah untuk mengembangkan kualiti Pendidikan Islam di sekolah/Madrasah melalui praktikal ibadah.
- b. Memberikan sumbangan pemikiran mengenai masalah-masalah Pendidikan Umum dan Pendidikan Islam khususnya, untuk mempermudah aktiviti keagamaan.

4. Bidang ekonomi.
5. Bidang *Ukhwah* Dan Kerukunan Antar Umat Beragama.
6. Bidang Pemberdayaan Perempuan.
7. Bidang Keluarga Sakinah.
8. Bidang Hukum Dan Perundang-Undangan.
9. Bidang Hubungan Luar Negeri Dan Antar Yasayasan Islam.
10. Bidang Peduli Sosial.
11. Bidang Pengkajian Penelitian Dan Pengembangan.
12. Bidang Pengkajian Makanan Dan Ubat Asesoris.<sup>168</sup>

### **3.6.1 (b) Peranan Majlis Ulama (Mufti) Dalam Pendidikan Islam**

Peranan yang dilakukan oleh Majlis Ulama (Mufti) Batubara sangat besar, diantaranya adalah :

1. Meningkatkan kerjasama pengembangan kualiti Pendidikan agama Islam di lingkungan sekolah / madrasah mahupun masyarakat melaui usaha :
  - a. Menyempurnakan kurikulum dan penyediaan buku teks.
  - b. Mengembangkan manajemen pendidikan.
2. Meningkatkan kualiti dan mengembangkan pelaksanaan pendidikan kadet ulama dalam aktifiti :
  - a. Intensifikasi pendidikan ulama Sumatera Utara dan daerah-daerah termasuk daerah Batubara.
  - b. Melakukan kerjasama dengan pendidikan tinggi Islam.
  - c. Mengupayakan beasiswa bagi sarjana muslim yang berprestasi.

---

c. Melaksnakan **Tarbiyah al Muballighin** sebagai pendidikan non formal untuk melahirkan kadet-kadet dakwah. (lihat dalam Dengan Rakerda 1 MUI Batubara kita jadikan sebagai peningkatan peranan Majlis Ulama Indonesia Membangun Batubara Sejahtera Berjaya (2008), Himpunan Hasil Keputusan Rakerda (Musyawarah Kerja Daerah) 1 Majlis Ulama Indonesia Daerah Batubara Masa Khidmat 2008-2013. h. 10.

<sup>168</sup> Program kerja Majlis Ulama Indonesia Provinsi / Wilayah Sumatera Utara Masa Khidmat 2005-2010 (2006), *op.cit.*, h. 3-9.

3. Melakukan pembinaan dan ulang kaji pendidikan agama dan akhlak bagi guru-guru agama mahupun umum di setiap tingkatan pendidikan melalui kegiatan :

- a. Kerjasama dengan pemuda-pemuda Islam, yayasan pendidikan dan institusi Kerajaan.
- b. Memantapkan kembali visi dan misi pendidikan umum dan Islam
- c. Menyempurnakan sistem dan metode pendidikan serta diikuti dengan kurikulum dan buku teks.

4. Meningkatkan pemanfaatan perpustakaan MUI

5. Memberikan sumbangan pemikiran mengenai masalah-masalah pendidikan khususnya pendidikan Islam.<sup>169</sup>

Dari pelbagai peranan yang dijalankan oleh Majlis Ulama (Mufti) daerah tersebut di atas dapat diambil kesimpulan bahawa sememangnya majlis tersebut mempunyai perancangan yang sangat baik dalam mengembangkan pendidikan Islam di daerah Batubara. Namun kesemua rancangan itu juga memerlukan kerja sama masyarakat dan pelbagai pihak supaya apa yang dirancang dan yang sedang di jalani akan tetap mendapatkan hasil yang memuaskan bagi masyarakat Islam Batubara.

Menurut H. Sabaruddin, Lc, ulama-ulama di daerah Batubara sangat aktif dalam mengembangkan pendidikan Islam bagi masyarakat tempatan. Pernyataan ini dibuktikan bahawa masih banyak ulama yang menjadi guru baik di sekolah mahupun di madrasah. Beliau juga menambahkan bahawa tanggapan masyarakat terhadap pendidikan Islam di daerah Batubara sangat positif, kerana rasa percaya masyarakat terhadap ulama sangat besar.<sup>170</sup>

---

<sup>169</sup> *Ibid.*, h. 5.

<sup>170</sup> Hasil wawancara kepada H. Sabaruddin, Lc. Pada ahad 11 oktober 2009 di rumah beliau perkampungan bulan-bulan. Beliau selain ulama sangat aktif di pemerintahan dan sebagai Adun Daerah Batubara.

Al. Ustadz Muhammad Yaser, S.Pd.I mengatakan bahawa para ulama khususnya di daerah Batubara sememangnya sangat mempunyai peranan yang besar dalam mempertahankan dan mengembangkan pendidikan Islam bagi masyarakat tempatan. Oleh sebab itu perjuangan para ulama itu tidak akan pernah terlupakan oleh masyarakat Batubara.<sup>171</sup>

### **3.6.2 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Batubara**

#### **3.6.2 (a) Bidang Tugasan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Batubara**

Tugas bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam untuk secara terus menerus mensosialisasikan dan menyokong pesantren-pesantren tersebut terlibat dalam akselerasi pendidikan dan pengembangan masyarakat.

Tugasan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ini adalah memperbesar partisipasi Pesantren dan pendidikan agama lainnya melalui program-program yang bersesuaian dengan keperluan dan karakter institusi itu sendiri.

#### **3.6.2 (b) Peranan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Dalam Pendidikan**

##### **Islam**

Mengacu pada paradigma dan arah pengembangan pendidikan Islam dan pesantren, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam akan menjalankan

---

<sup>171</sup> Hasil wawancara kepada al. Ustadz Muhammad Yaser, S.Pd.I . Pada Rabu, 30 September 2009 di Pejabat Pondok Pesantren Wakaf Al-Mukhlishin Daerah Batubara. Pukul 10.25.

peranan yang berkaitan dengan pengembangan institusi. Prinsip ini dikembangkan dalam peranan-peranan sebagai berikut:

### **1. Partisipatoris**

Pelibatan institusi pesantren dan pendidikan agama lainnya dalam akselerasi pendidikan mahupun pengembangan masyarakat bukan sahaja signifikan, tetapi sekaligus strategis. Sebagai institusi yang mengakar dan menempati posisi penting di masyarakat, pesantren telah mampu memberikan stimulasi dan pengaruh kepada masyarakat mengenai makna pendidikan.<sup>172</sup> Tambahan lagi, saat ini ada kecendrungan kuat dikalangan keluarga muslim untuk menghantarkan anak mereka ke pesantren, baik kerana alasan keagamaan mahupun lingkungan sosial dan tamadun.

Fenomena ini satu sisi menunjukkan bahawa institusi pendidikan pesantren tengah mengalami semacam “kebangkitan”, atau setidaknya menemukan “populariti” baru. Perkara ini menjadi indikasi lebih lanjut mengenai kerinduan dan harapan (*expectation*) orang tua muslim untuk mendapatkan pendidikan Islam yang baik, sekaligus kompetitif, bagi anak-anak mereka. Namun sebaliknya boleh jadi fenomena ini menjadi indikasi “kepasrahan” orang tua muslim, terutama di wilayah urban yang merasa “tidak mampu” lagi mendidik anak-anak mereka secara Islam atau :”tidak yakin” bahawa anak-anak mereka mendapatkan pendidikan agama yang memadai dari sekolah-sekolah umum.

Melihat keadaan di atas, akselerasi pendidikan dan pengembangan di pesantren optimis boleh berjalan. Namun bagaimanapun, program-program ini juga sangat tergantung pada sejauhmana penerimaan kyai / ustaz / ustazah di

---

<sup>172</sup> Grand Design Pendidikan Keagamaan Dan Pondok Pesantren 2004-2009 (2004), *Departemen Agama RI Direktorat Jenderal Kelembagaan Agama Islam Direktorat Pendidikan Keagamaan Dan Pondok Pesantren Proyek Peningkatan Pondok Pesantren tahun 2004* (t.p), h. 21.

pesantren sendiri. Sebab, sebagaimana diketahui pesantren memiliki kemandirian (otonomi) yang relatif besar, juga memiliki asas kontitusi yang relatif solid di masyarakat dan sumberdaya lokal yang kuat. Sehingga intervensi dari luar akan cenderung kurang efektif. Perkara ini menjadi tugas bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam untuk secara terus menerus mensosialisasikan dan menyokong pesantren-pesantren tersebut terlibat dalam akselerasi pendidikan dan pengembangan masyarakat.<sup>173</sup> Asumsinya, jika Jabatan Hal Ehwal Agama Islam mampu menggerakkan partisipasi pesantren secara lebih maksimal, sumbangsih pesantren dalam akselerasi pendidikan nasional akan dapat ditingkatkan secara dratis.

Oleh sebab itu, penglibatan pesantren dan pendidikan keagamaan lainnya dalam akselerasi pendidikan nasional perlu terus ditingkatkan. Tugas Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ini adalah memperbesar partisipasi pesantren dan pendidikan agama lainnya melalui program-program yang bersesuaian dengan keperluan dan karakter institusi itu sendiri.<sup>174</sup>

## 2. Kemitraan

Kemitraan mengandaikan adanya dua pihak yang berada pada posisi setara (*equal*), dalam perkara ini pesantren dan pemerintah. Berdasarkan prinsip ini, pesantren dan pendidikan keagamaan sebagai mitra oleh pemerintah, bukan “bawahan” yang perlu dibina. Pendekatan yang akan dilakukan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam adalah tetap menjamin kelangsungan, keunikan, keragaman, independensi, dan eksistensi Pesantren dan pendidikan keagamaan.<sup>175</sup>

---

<sup>173</sup> *Ibid.*, h. 22.

<sup>174</sup> *Ibid.*,

<sup>175</sup> *Ibid.*,

### **3. Pemberdayaan**

Mencerdaskan kehidupan bangsa merupakan agenda yang harus terus menerus diupayakan oleh seluruh komponen bangsa Indonesia. Pesantren sebagai salah satu institusi pendidikan dikeranakan pesantren dianggap sebagai pendidikan yang relatif murah dan konsisten dalam mengembangkan tradisi keagamaan dan pendidikannya.

Namun searah dengan diberlakukannya pasar bebas dalam era globalisasi ini, persaingan tenaga kerja sangatlah ketat dan luas. Tuntutan kehidupan global menghendaki kualiti sumberdaya manusia terdidik dan keahlian dalam bidangnya. Pada dataran ini, Pesantren dapat dikatakan kalah bersaing dalam menawarkan suatu model pendidikan kompetitif yang mampu melahirkan *out put* (santri) yang memiliki kompetensi dalam penguasaan ilmu sekaligus *skill*. Sehingga dapat menjadi bekal terjun ke dalam kehidupan sosial yang terus mengalami percepatan akibat modernisasi yang ditopang kecanggihan sains dan teknologi. Kegagalan pendidikan pesantren dalam melahirkan sumberdaya santri yang memilki kecakapan dalam bidang ilmu-ilmu keIslam dan penguasaan teknologi secara sinergi berimplikasi terhadap potensi pesantren sebagai salah satu *agents of social change* dalam berpartisipasi menyokong proses transformasi sosial bangsa.<sup>176</sup>

Selama ini, pesantren sememangnya dikenal sebagai institusi yang mampu mencetak seorang yang pakar dalam bidang pengetahuan agama Islam. Secara profesional, mereka sering disebut ulama, muballiqh, da'i dan sejenisnya. Sudah barang tentu, ini suatu yang positif dan harus terus ditingkatkan. Tetapi mencetak alumni pesantren yang siap bersaing di bursa pekerjaan di luar profesi tersebut

---

<sup>176</sup> *Ibid.*, h. 23.

juga penting. Kerana itu, pemberdayaan pesantren diharapkan tidak hanya menjadi institusi "*Tafaqquh fi al-Din*", tetapi juga "*Tafaqquh fi al-Dunya*". Langkah ini dilakukan bersamaan dengan usaha-usaha lain agar pesantren benar-benar menjadi institusi pendidikan alternatif.

### **3.6.3 Yayasan Islam Di Batubara**

Melihat kepada pertumbuhan penduduk semakin meningkat dan minat masyarakat daerah Batubara pun sangat tinggi dalam memasuki sekolah-sekolah agama baik yang bersistem madrasah maupun pondok, maka para pemerhati pendidikan Islam dan masyarakat Batubara pun mempunyai idea untuk mendirikan sekolah-sekolah agama yang berbentuk yayasan.

Perkara tersebut dijalankan guna pembentukan generasi Islam, dan ini berlaku pertama kalinya pada tahun 1950 dengan tetubuhnya "Yayasan Pendidikan Islam Husnul Khotimah" yang terletak di perkampungan Tanjung Tiram<sup>177</sup> dan selepas tertubuhnya yayasan Islam tersebut, maka ada beberapa yayasan Islam lagi yang ditubuhkan pula. Diantaranya adalah :

1. Yayasan Pendidikan Islam Aceh Sepakat (1970 an).
2. Yayasan Sekolah Pendidikan Islam Tanjung Tiram (1980 an).
3. Yayasan Bina Bangsa di Simpang Gambus Perkampungan Lima Puluh (1980 an).
4. Yayasan *Mu'awanah* di Simpang Gambus Perkampungan Lima Puluh<sup>178</sup> (1990 an).

---

<sup>177</sup> Hasil temubual dengan al. Ustadz Hj. Jalaluddin. Pada 2 September 2009 Pukul 7.30 pagi di pejabat beliau.

<sup>178</sup> Hasil temubual dengan al. Ustadz Hj. Sabaruddin, Lc . Pada Ahad, 11 Oktober 2009 Pukul 5.40 petang di rumah beliau.

Dengan tertubuhnya yayasan-yayasan Islam tersebut maka bermulalah satu perkembangan baru dalam bidang pengajaran dan pentadbiran sekolah-sekolah agama di daerah Batubara. Semuanya ini dijalankan dengan harapan dapat :

1. Menaikkan taraf pendidikan di sekolah-sekolah agama di daerah Batubara supaya lebih seimbang dengan keperluan masyarakat.
2. Menjadikan sekolah-sekolah agama di daerah Batubara sebagai saluran (*feeders*) kepada pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negeri.
3. Mewujudkan pengurusan dan pentadbiran yang cekap bagi menjamin supaya sekolah-sekolah agama akan terus hidup dan berkembang.<sup>179</sup>

### **3.6.3 (a) Bidang Tugas Yayasan Islam Batubara**

Mengikut pendapat pakar pendidikan daerah Batubara Musthofal Akhyar,<sup>180</sup> yayasan Islam daerah Batubara mempunyai bidang tugas tertentu iaitu bagi membantu Majlis Agama Islam Daerah Batubara dalam usaha menyebar dan mengembangkan ajaran dan pendidikan Islam dan bahasa Arab di daerah ini. Di samping itu juga bertindak memeluk badan-badan atau kumpulan-kumpulan pengembangan agama Islam, mengadakan kewangan bagi membiayai perbelanjaan pengurusan.

### **3.6.3 (b) Peranan Yayasan Islam Di Batubara Dalam Pendidikan Islam**

Peranan yang dijalankan oleh yayasan Islam daerah Batubara antara lain bertanggung jawab menguruskan sistem pendidikan di daerah ini. Disamping berperanan dalam menyebarluaskan dakwah Islam dalam

---

<sup>179</sup> Hasil temubual dengan Musthofal Akhyar pada 2 September 2009, pukul 9.45 pagi di pejabat beliau.

<sup>180</sup> *Ibid.*,

bidang pendidikan Islam iaitu melihat dua sistem, sistem persekolahan dan sistem Pondok.<sup>181</sup>

### 3.7 KESIMPULAN

Sejarah perkembangan institusi pondok di daerah Batubara adalah dimulai dengan pendidikan dalam bentuk *informal* yang diadakan di pelbagai tempat. Adapun diantara tempat yang dijadikan sebagai tempat pengajian pada masa ini adalah rumah-rumah tok guru, surau-surau, masjid-masjid dan Istana Niat Lima Laras yang ditubuhkan pada abad ke 16 M.

Sebelum abad ke 16 M tersebut di wilayah negeri Sumatera Utara sudah pun lebih awal lagi mengadakan pengajian secara *informal*. Namun seiring dengan perkembangan zaman dan pola fikir manusia, banyak daripada masyarakat tempatan menginginkan pengajian Islam ini diadakan secara teratur, seperti memiliki tempat pengajian yang khas dan mempunyai kurikulum pengajaran.

Sebagai respond terhadap kemahuan masyarakat tersebut, maka pada tahun 1912 M, ditubuhkanlah sesebuah institusi pondok di aliran sungai Aek Singolut di Lembah Gunung Merapi, Sumatera Utara yang diberi nama Pondok Pesantren Musthofawiyah.. Secara khusus pondok pesantren ini mendapatkan sokongan penuh oleh masyarakat tempatan dan masyarakat dari darerah dan negeri lain pada umumnya.

Atas kejayaan Pondok Pesantren Musthofawiyah ini, maka pada tahun-tahun berikutnya ditubuhkanlah ratusan buah pondok di pelbagai pelosok daerah di negeri Sumatera Utara. Sehingga institusi pondok dianggap sebagai sekolah popular yang terawal bercorak spiritual sebelum wujudnya sistem pendidikan Barat di Nusantara dan Semenanjung.

---

<sup>181</sup> *Ibid.*,

Secara khusus di daerah Batubara institusi pondok baru ditubuhkan pada tahun 1912 M, iaitu Pondok Pesantren *al-Washliyah* di perkampungan Talawi. Pondok pesantren inilah yang menjadi salah satu tumpuan masyarakat daerah Batubara dalam mengkaji ajaran Islam pada masa itu. Berdasarkan minat masyarakat daerah Batubara dalam menuntut ilmu agama, maka pada tahun 1988 ditubuhkan kembali institusi pondok yang diberinama Pondok Pesantren *Darul Muhsinin* di perkampungan Lima Laras – Tanjung Tiram.

Namun pada perkembangan berikutnya kedua institusi pondok tersebut tidak beroperasi lagi disebabkan beberapa faktor, diantaranya : faktor ekonomi, kekurangan guru yang profesional dan terletak di pelosok perkampungan, sehingga pada tahun 1997 ditubuhkan institusi pondok semula dan diberinama Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin di perkampungan Tanjung Tiram – Batubara, berkat pengolahan yang profesional pondok ini masih beroperasi dengan sangat efektif hingga sekarang ini (2010) dan memiliki jumlah pelajar yang banyak.

## BAB IV

### PONDOK PESANTREN WAKAF AL-MUKHLISHIN : KAJIAN MENGENAI SEJARAH DAN PERNANNYA TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM DI BATUBARA (1997 –2010)

Dalam bab ini penulis akan memaparkan sejarah dan peranan Pondok Wakaf al-Mukhlishin dalam bidang pendidikan Islam terhadap masyarakat di Batubara dengan kurun masa September 1997 hingga September 2010. Bab ini juga akan memaklumkan mengenai hasil kajian yang di perolehi di lapangan disertai pengolahan data soal selidik dan temubual.

Pada bab ini juga penulis merumuskan apa sahaja peranan-peranan yang dijalankan oleh Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin bersesuaian dengan kurun masa yang telah ditetapkan, sekaligus untuk membuktikan bahawa Pondok Pesantren ini

sememangnya memberikan peranan yang cukup besar bagi masyarakat di Batubara, khususnya di bidang pendidikan. Disamping itu juga akan mengemukakan masalah yang dihadapi dan cara mengatasinya.

#### **4.1 SEJARAH PONDOK PESANTREN WAKAF AL-MUKHLISHIN**

Pada umumnya sesesebuah pondok pesantren ditubuhkan diawali dengan perasaan kekhawatiran seseorang atau sekelompok orang terhadap kondisi kehidupan keagamaan masyarakat yang kurang taat dalam mengamalkan ajaran agama (Islam). Demikian pula halnya dengan keberadaan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin.<sup>182</sup>

Pondok tersebut ditubuhkan kerana adanya kekhawatiran beberapa orang tokoh masyarakat perkampungan Tanjung Tiram – Batubara terhadap kehidupan beragama masyarakat tempatan.<sup>183</sup> Walaupun secara mayoriti, masyarakat tempatan ialah beragama Islam, namun pemahaman, penghayatan dan pengamalan terhadap nilai-nilai agama sudah semakin lemah.

Sementara itu Menurut Ustadz Haji Abdul Wahid Mukthi (1954),<sup>184</sup> bahawa daerah Batubara telah banyak penuntut yang belajar agama di pondok-pondok atau madrasah / madrasah. Tetapi para penuntut tersebut pergi ke bandar (Medan) untuk mendapatkan pendidikan agama tersebut, dikeranakan tidak adanya pondok pesantren yang diminati oleh para ibu bapa mereka di daerah Batubara (sebelum tertubuhnya Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin).

Berdasarkan pemikiran tersebut, maka pada hari bulan 8 September 1997, 5 (lima) orang tokoh masyarakat Perkampungan Tanjung Tiram dan mendapatkan sokongan dari pemerintahan daerah setempat serta disokong oleh masyarakat

---

<sup>182</sup>. Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Nasir Akram, pada 10 September 2009 pukul 10.00 pagi di pejabat beliau.

<sup>183</sup> *Ibid.*,

<sup>184</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi, pada 5 September 2009, pukul 10.00 malam di rumah beliau.

setempat telah berjaya menubuhkan sesesbuah institusi Islam tersebut dan mereka menamainya “Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlis”.<sup>185</sup>

Menurut Haji Mohd Yusuf (1969)<sup>186</sup> salah seorang masyarakat Batubara mengatakan bahawa:” Kehadiran pondok tersebut sangat diharapkan oleh masyarakat guna mendidik dan menyiapkan kadet-kadet umat di masa depan, sehingga lahir sesebuah masyarakat muslim yang konsisten dalam menjalankan nilai-nilai agama Islam yang diyakini sebagai agama yang benar.

Adapun kelima tokoh masyarakat yang menubuhkan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlis tersebut terdiri dari 2 (dua) orang tuan guru dan 3 (tiga) orang ahli perniagaan. tuan guru tersebut pertama Haji Muhammad Nasir Akram (1967), selepas menyelesaikan pengajian di Universiti Al-Azhar Kairo-Mesir, beliau melanjutkan pengajian di peringkat master di Institusi Agama Islam Negeri (IAIN) Medan-Sumatera Utara dan berjaya mendirikan sesebuah pondok pesantren yang diberi nama Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlis.<sup>187</sup>

Haji Muhammad Nasir Akram (1967)<sup>188</sup> mempunyai pengalaman dalam menjalankan pendidikan bersistem pondok bergurukan kepada beberapa orang, diantaranya ialah : Prof. Syeikh Hj. Hamdan Abbas (1930 an), Syeikh Hj. Jalaluddin, (1940 an), Syeikh Hj. Umar Koling (1940 an), Syeikh Hj. Usman Sarawi (1950 an). Tuan Guru Ali Mansyur (1930 an), Syeikh Hj. Khatib Syarbaini (1940 an), Syeikh Hj. Usman Hamzah (1940 an).<sup>189</sup>

Tuan guru yang kedua ialah Ustadz Hj. Abdul Wahid Mukthi (1954), beliau menyelesaikan pendidikan agamanya di sekolah madrasah yang

---

<sup>185</sup> *Ibid.*,

<sup>186</sup> Hasil temubual dengan Haji Mohd Yusuf, pada 16 September 2010, pukul 09.00 pagi di rumah beliau.

<sup>187</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram pada 9 Sepetember 2009, pukul .07.00 pagi di rumah beliau. Beliau adalah seorang ulama yang terkemuka di Wilayah Sumatera Utara dan Daerah Batubara dan pakar dalam beberapa bidanga agama diantanya : ilmu Tafsir, *fiqh*, *nawh*, *sarf*, Bahasa Arab.

<sup>188</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram, pada 9 September 2009, pukul 07.00.

<sup>189</sup> *Ibid.*,

bersistemkan pondok di Medan. Selain itu beliau juga banyak mendatangkan para ulama-ulama tempatan demi menuntut ilmu agama lebih dalam lagi. Adapun pengalaman beliau dalam menjalankan pendidikan bersistem Pondok ialah dari beberapa orang guru beliau, diantaranya : Prof. Syeikh Hj. Hamdan Abbas (1930 an), Syeikh Haki Sirat (1950 an), Prof. H. Ibrahim latif (1940 an), Tuan Syeikh H. Mahmud Syebuddin (1930 an) dan Syeikh Hj. Ali Udin Nadimin (1930 an).<sup>190</sup>

Selain kedua orang Tuan Guru tersebut, 3 orang ahli perniagaan lainnya, yang juga merupakan pendiri Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin tersebut adalah 1. Haji Hatta Idris (1940 an).

2. Haji Ramlam Is (1950 an).

3. Haji Ismail Ketek (1940 an).<sup>191</sup>

Menurut Ustadz Jalaluddin Ilyas (1966)<sup>192</sup> ketiga ahli perniagaan di atas sememangnya tidak pernah mendapatkan pendidikan agama di mana-mana pondok, namun mereka sangat aktif dalam mendatangkan pelbagai pengajian yang diadakan di masjid-masjid / surau-surau bahkan mendatangkan rumah-rumah tok guru demi mendapatkan ilmu di bidang agama. Ketiga ahli perniagaan di atas juga banyak berkorban masa, tenaga bahkan kewangan dan pemikiran demi tertubuhnya pondok tersebut.

Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin ini didirikan diatas tanah wakaf yang diwakafkan oleh al-Marhum Haji Mohammad Syukur dan anaknya Haji Mohammad Latif pada 20 April 1995 seluas satu setengah ekar.<sup>193</sup> Dengan semangat perjuangan yang ditunjukan oleh kelima tokoh pengasas tersebut,

<sup>190</sup> Hasil temubual dengan al-Ustadz Haji Abdul Wahid Mu'thi, pada 9 Sepetember 2010, pukul 8.00 malam di rumah beliau. Beliau adalah seorang ulama yang terkemuka di daerah Batubara dan pakar dalam beberapa bidanga agama diantanya : ilmu pembahagian warisan, *fiqh, nawh, sarf*, Bahasa Arab.

<sup>191</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram pada 9 Sepetember 2010, pukul .07.00 pagi di rumah beliau.

<sup>192</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Jalaluddin Ilyas, pada 8 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau..

<sup>193</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Mukthi, pada 11 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

sehingga pada 08 September 1997 telah dibangun 3 (tiga) bilik, 2 (dua) digunakan untuk bilik belajar dan 1 (satu) lagi dijadikan pejabat.

Menurut Ustadz Haji Abdul Wahid Mukthi (1954),<sup>194</sup> pada Julai 1997 telah dimulai proses belajar mengajar di pondok pesantren ini, dan memiliki 27 (dua puluh tujuh) pelajar. Terdiri dari 13 (tiga belas) orang lelaki dan 14 (empat belas) orang perempuan, dan sampai peperiksaan akhir tahun, tidak ada seorang pun pelajar yang menarik diri dari pondok pesantren ini.

#### **(a). Penamaan Istilah Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin**

Sebagaimana penamaan terhadap mana-mana pondok pesantren tentunya mempunyai latar belakang yang cukup beralasan, begitu pula halnya dengan Pondok Pesanten Wakaf al-Mukhlishin. Menurut Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram (1967)<sup>195</sup>, penamaan pondok ini dilatar belakangi oleh hasil wakaf masyarakat dan dianggap ikhlas memberikan wakaf tersebut, sehingga dinamakanlah pondok pesantren ini dengan “Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin”.

#### **(b). Matlamat Penubuhan**

Antara matlamat penubuhan pondok pesantren Wakaf ini adalah sebagai berikut :

1. Menciptakan manusia yang taat kepada Allah dan Rasul Nya
2. Melahirkan manusia yang berakhhlak mulia.
3. Membangun serta mengembangkan syiar Islam dan kegiatan keagamaan
4. Melahirkan golongan alim ulama, imam-imam masjid dan guru-guru agama
5. Membentuk dan mendidik pelajar-pelajar menjadi umat Islam yang benar-benar faham dan dapat menghayati agama Islam.<sup>196</sup>

---

<sup>194</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram pada 9 Sepetember 2010, pukul .07.00 pagi di rumah beliau.

<sup>195</sup> *Ibid.*,

<sup>196</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi, pada 11 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau, dan hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram pada 9 Sepetember 2010, pukul .07.00 pagi di rumah beliau.

Berdasarkan matlamat tersebut, pondok ini telah memainkan peranan yang besar dalam pendidikan islam terutamanya dalam mengeluarkan para pelajar yang berjaya menjadi dai-dai muda dan berjaya menghantarkan beberapa orang pelajar nya untuk melanjutkan pengajian Islam lebih mendalam lagi di Mesir dan Syiria, seperti : Mohammad Fakhrul Rozi, Ahmad Asnan.<sup>197</sup>

Menurut Haji Mohd Soleh (1979)<sup>198</sup> “salah seorang masyarakat di perkampungan Tanjung Tiram – Batubara bahawa : pelajar-pelajar Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin ini mempunyai budi bahasa dan pergaulan yang baik, disamping mempunyai keilmuan agama yang memadai dan sangat pantas di contoh oleh remaja-ramaja / pelajar-pelajar di sekolah / madrasah lainnya.

### **(c). Pentadbiran Pondok**

Maju dan mundur sesesebuah pondok adalah bergantung kepada sejauhmana kuat dan berkesannya pentadbiran pondok. Menyedari kepentingan ini, pentadbiran pondok yang diketuai oleh Ustadz Haji Muhammad Nasir Akram (1967) telah , membentuk organisasi pondok yang mantap sebagaimana berikut :

- (a) Ketua pentadbir dan penasihat, termasuk Naib pentadbir (1) dan (11)
- (b) Lujnah tarbiah dan dakwah (Majlis Pelajar )
  - i. Pengurus Tetap
  - ii. Timbalan Pengurus
  - iii. Presiden
  - iv. Timbalan Presiden
  - v. Setiausaha

---

<sup>197</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Mohd Yakub, pada 8 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>198</sup> Hasil temubual dengan Haji Mohd Soleh, pada 8 September 2010, pukul 12 tengah hari di rumah beliau.

vi. Penolong Setiausaha

vii. Bendahari

ix. Empat lujnah pengawas di bawah kuasa setiausaha lujnah tarbiah dan dakwah.

1. Lujnah Pelajaran

2. Lujnah Usrah

3. Lujnah Kebersihan

4. Lujnah Pendaftaran<sup>199</sup>

Keempat-empat lujnah tersebut bertanggungjawab terhadap kemajuan kelancaran pentadbiran pondok. Antara bidang kuasa lujnah-lujnah tersebut :

1. Menyediakan jadual pengajian dan peraturan pengajian
2. Menetapkan hukuman terhadap pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan
3. Menganjur dan memastikan penglibatan semua pelajar dalam program kerohanian dan latihan pidato.
4. Memastikan kewajiban dan tanggungjawab pelajar terjamin
5. Memastikan persekitaran pondok bersih dan ceria dan,
6. Mematikan keluar masuk pelajar dan keizinan cuti pelajar.<sup>200</sup>


Guna memudahkan untuk melihat bentuk organisasi tersebut, maka boleh dilihat jadual 1 di bawah ini :

#### **Jadual 1**

---

<sup>199</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram pada 9 Sepetember 2010, pukul .07.00 pagi di rumah beliau.


<sup>200</sup> *Ibid.*,



### Keterangan Jadual 1

Pada jadual 1 diatas adalah masa jawatan para pengurusi daripada tahun 2008 hingga tahun 2013.

### **Jadual 11**



#### Keterangan Jadual 11

Pada jadual 11 diatas tersebut adalah masa jawatan para pengurusi daripada tahun 2008 hingga tahun 2013.

#### **(d). Biografi Ringkas Pengurus Pentadbiran**

Adapun biografi ringkas pengetua Pendtdbiran Pondok Wakaf al-Mukhlishin ini adalah : Tuan Guru Muhammad Nasir Akram, dilahirkan pada hari bulan 11 Desember 1967 di perkampungan Titi Putih daerah Batubara. Pendidikan beliau dimulai dengan pendidikan rendah agama dan selesai pada tahun 1981, kemudian beliau melanjutkan pengajian di peringkat sekolah agama menengah selama 6 (enam tahun) dan selesai pada tahun 1984.<sup>201</sup> Ayah beliau bernama Abdul Karim dan ibunya adalah Ramlah.

Selepas beliau menamatkan pengajian di sekolah menengah agama di bandar Medan, beliau pergi menuntut ke Mesir dengan memasuki Universiti Al-Azhar-Kairo, dan selesai pada tahun 1992. adapun diantara guru beliau dahulu di Mesir ialah: Prof. Dr. Ali Jumah, Dr. Umar Hasyim. Dr. Jadul Haq. Meresa mempunyai

---

<sup>201</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram pada 9 Sepetember 2010, pukul 07.00 pagi di rumah beliau.

kemahuan dalam menuntut ilmu lagi, beliau memasuki Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara (IAIN-SU) untuk mengambil gelar master dan selesai pada tahun 2006. Antara guru beliau ialah Dr. Lahmudin, Dr. Nawir Yuslem. Dr. Ramli Abdul Wahid.<sup>202</sup>

Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram (1967) selain aktif memberikan ceramah / kuliah di masjid-masjid / surau-surau, saat ini (september 2010), beliau juga sebagai guru di Pondok Pesantren al-Kautsar Medan, salah satu ahli Mufti Sumatera Utara, dan sebagai pensyarah di Universiti Al-Washliyah Medan Sumatera Utara.

#### **(e). Sistem Dan Kurikulum Pembelajaran**

Secara umumnya bentuk pengajian yang dijalankan di Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin adalah secara hafalan, di mana para pelajar diwajibkan menghafal bahan pelajaran dari kitab-kitab yang telah ditentukan oleh tok guru. Namun begitu, pelajar dikehendaki menghafal kitab-kitab mengikut tahap telah ditentukan oleh Lujnah Pendidikan, setelah seseorang pelajar mendaftarkan diri memasuki Pondok.<sup>203</sup>

Bagi mengurangkan bebanan pelajar-pelajar, pihak pentadbiran juga telah membahagikan tahap wajib pelajar-pelajar mengikuti kuliah yang disampaikan oleh guru-guru mengikut kategori dan bidang ilmu yang diajar :

- Kategori peralihan mengenal al-Qur'an dan kitab-kitab jawi kecil
- Kategori pengajian kitab-kitab jawi dan asas bahasa Arab
- Kategori pengajian kitab-kitab Arab
- Kategori pengajian wajib semua pelajar

---

<sup>202</sup> *Ibid.*,

<sup>203</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Mohd Yakub, pada 8 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

- Kategori umum (kelonggaran diberi kepada pelajar)<sup>204</sup>

Manakala jumlah kitab dan bidang ilmu yang diajar dalam satu-satu masa, adalah bergantung kepada guru sepenuhnya. Ini berdasarkan dan kepakaran guru itu sendiri. Kitab-kitab yang dipelajari biasanya mengamalkan konsep pengajian kulit sebelum mempelajari kitab-kitab baru.

Dalam bidang ko-kurikulum pula, pihak pentadbir pondok tidak mewajibkan kepada pelajarnya secara khusus, kecuali menunaikan solat lima waktu. Para pelajar bebas memilih dan menjalankan aktiviti ko-kurikulum di luar masa kuliah pengajian. Sepanjang tinjauan yang dibuat, sebagai aktiviti ko-kurikulum, biasanya pelajar meluangkan masa dengan mengadakan *halqah*, *tadris al-Qur'an*, *hafazah* dan *muzakarah* berkelompok serta usrah berkumpulan.<sup>205</sup>

#### **(f). Jumlah Pelajar.**

Sehingga kini, (September 2010) jumlah pelajar pondok ini semakin bertambah dari masa ke semasa. Kerana Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin ini mempunyai 4 (empat) bentuk / peringkat pengajian iaitu :

1. Pendidikan Tahfidz al-Quran
2. Pendidikan Manasik Haji (bagi masyarakat umum dan pelajar)
3. Pendidikan Sekolah Menengah Agama
4. Pendidikan Tadika Islam.<sup>206</sup>

Maka boleh di liat dalam jadual 11 hingga Vi di bawah ini keempat pendidikan tersebut.

---

<sup>204</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Mohd Yakub, pada 8 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>205</sup> *Ibid.*,

<sup>206</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram pada 9 Sepetember 2010, pukul .07.00 pagi di rumah beliau.

Jadual di bawah ini dari tahun 2008 sampai 2010.

Jadual 11 : Bilangan Pelajar Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin

**“Tahfidz al-Quran”.**

Tahun 2008

Jantina	Bilangan
Lelaki	80
Perempuan	7
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>87</b>

Tahun 2009

Jantina	Bilangan
Lelaki	95
Perempuan	7
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>102</b>

Tahun 2010

Jantina	Bilangan
Lelaki	115
Perempuan	10
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>125</b>

Sumber : Pejabat Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin 2010.

Keterangan Jadual 11 :

Pada jadual 11 di atas terlihat bahawa pada tahun 2008 jumlah pelajar di bidang Tahfidz al-Quran adalah sebanyak 87 orang (lelaki 80 orang dan perempuan 80 orang). Pada tahun 2009 terjadi peningkatan, sehingga pelajar di bidang Tahfidz al-Quran naik menjadi 102 orang (lelaki 95 orang dan perempuan 7 orang). Peningkatan itu terus terjadi hingga tahun 2010 dengan berjumlah 125 orang (lelaki 115 orang dan perempuan 10 orang).

Jadual 111 : Bilangan Pelajar Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin

**“Manasik Haji”.**

Tahun 2008

Jantina	Bilangan
Lelaki	58
Perempuan	18
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>76</b>

Tahun 2009

Jantina	Bilangan
Lelaki	58
Perempuan	25
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>83</b>

Tahun 2010

Jantina	Bilangan
Lelaki	40
Perempuan	56
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>125</b>

Sumber : Pejabat Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin 2010.

Keterangan Jadual 111 :

Di bidang manasik haji pun mengalami perkembangan yang positif dari tahun ke tahun. Misalnya pada tahun 2008 pelajar nya terdiri dari 76 orang (lelaki 58 orang perempuan 18 orang). Tahun 2009 terdiri dari 83 orang (lelaki 58 orang perempuan 25 orang). Begitu pula pada tahun 2010, juga terjadi peningkatan dengan jumlah pelajar 125 orang (40 lelaki dan perempuan 56 orang).

Jadual 1V : Bilangan Pelajar Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin

**“Pendidikan Sekolah Agama Menengah”.**

Tahun 2008

Jantina	Bilangan
Lelaki	39
Perempuan	21
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>60</b>

Tahun 2009

Jantina	Bilangan
Lelaki	42
Perempuan	32
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>74</b>

Tahun 2010

Jantina	Bilangan
Lelaki	48
Perempuan	67
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>115</b>

Sumber : Pejabat Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin 2010.

Keterangan Jadual 1V :

Pada bidang pendidikan sekolah agama menengah pula terjadi peningkatan juga. Pada tahun 2008 jumlah pelajar sebanyak 60 orang (lelaki 39 orang Perempuan 21 orang). Pada tahun 2009 berjumlah 74 orang (lelaki 42 orang perempuan 32 orang). Kenaikan jumlah pelajar terus terjadi hingga tahun 2010 iaitu sebanyak 115 orang (lelaki 48 perempuan 67 orang).

Jadual V : Bilangan Pelajar Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin

**“Pendidikan Tadika Islam”.**

Tahun 2008

Jantina	Bilangan

Lelaki	12
Perempuan	8
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>20</b>

Tahun 2009

Jantina	Bilangan
Lelaki	8
Perempuan	14
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>22</b>

Tahun 2010

Jantina	Bilangan
Lelaki	20
Perempuan	22
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>42</b>

Sumber : Pejabat Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin 2010.

#### Keterangan Jadual V :

Sama halnya di bidang pendidikan tadika Islam, juga mengalami peningkatan, misalnya pada tahun 2008 jumlah pelajar 20 orang (lelaki 12 perempuan 8). Pada tahun 2009 jumlah pelajar naik menjadi 22 orang (lelaki 8 perempuan 14), kenaikan terus terjadi pada tahun 2010 iaitu pelajar berjumlah 42 orang (lelaki 20 perempuan 22).

Jadual V1 : Jumlah Keseluruhan Pelajar di Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin hingga tahun 2010.

No	Peringkat Pengajian	Jumlah
01	Tahfidz al-Quran	125
02	Manasik Haji	125


03	Sekolah Agama	115
04	Tadika Islam	42
	<b>Jumlah Keseluruhan Pelajar Tahun 2010</b>	<b>407</b>

Sumber : Pejabat Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin 2010.

Keterangan Jadaul V1 :

Daripada jadual V1 diatas terlihat bahawa statistik pertumbuhan jumlah pelajar sememangnya terus mengalami peningkatan, perkara ini terjadi dikeranakan semangat masyarakat untuk memasukkan anak mereka ke Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin begitu besar dan sememangnya Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin itu sendiri mempunyai pengaruh yang besar bagi pendidikan Islam di daerah Batubara.

Atau lihat pada carta pertumbuhan berikut ini : (dari 2008 hingga 2010).



Keterangan Carta Di Atas :

Daripada carta di atas boleh dilihat bagaimana perkembangan pelajar Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin terhadap jumlah pelajar dan minat masyarakat untuk memasuki pondok tersebut.

Menurut Ustadz Jalaluddin Ilyas (1965)<sup>207</sup> bahawa daripada 407 (empat ratus tujuh) pelajar di tahun 2010, hanya sekitar 20 peratus yang tinggal di asrama. Perkara ini disebabkan oleh jumlah bilik untuk tempat tinggal para pelajar masih terhad, meskipun para ibu bapa dan para pelajar itu sendiri sangat menginginkan untuk dapat tinggal di asrama tersebut. Selebihnya pelajar-pelajar yang tinggal berhampiran dengan pondok akan berulang bagi menghadiri kelas pengajian.

Antara faktor utama kejayaan pondok ini dalam mencapai matlamat penubuhannya adalah kerana kesungguhan dan keikhlasan para pengurus dalam menjalankan misi dakwah ini dan disokong dengan adanya guru pembantu menyelesaikan permasalahan pelajar. Antara mereka seperti Ustadz Mohammad Yakub (1981), Rizka Eka Putra (1981), dan Ustadz Yaser Arafat (1980).<sup>208</sup>

Kesemua mereka ini adalah antara anak murid Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi (1954) dan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram (1967) yang diakui kebolehan mereka. Manakala dalam bidang pengajian al-Quran secara *tartîl* (berlagu), pihak pentadbiran juga menjemput para ustaz secara bergiliran sebagai kelas tambahan kepada semua pelajar dan terbuka untuk umum.

## 4.2 PENGOLAHAN DATA TERHADAP RESPONDEN

Dalam penelitian ini penulis mengambil populasi dari 3 perkampungan daripada 7 perkampungan yang ada di daerah Batubara, iaitu perkampungan Tanjung Tiram, perkampungan Talawi dan perkampungan Lima Puluh. Alasan penulis memilih ketiga perkampungan tersebut ialah :

Perkampungan Tanjung Tiram : Adalah letak Pondok yang di teliti.

Perkampungan Talawi : Adalah sepadan dengan Perkampungan Tanjung Tiram.

---


<sup>207</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Jalaluddin Ilyas, pada 4 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>208</sup> *Ibid.*,

Perkampungan Lima Puluh : Adalah jumlah masyarakat yang terbanyak di daerah Batubara.

Dengan alasan tersebut penulis berharap data yang akan diperolehi akan lebih akurat.

Adapun jumlah penduduk yang beragama Islam sahaja di ketiga perkampungan tersebut boleh di lihat dalam carta di bawah ini :




Sumber : Pejabat Kerajaan Daerah Batubara dan hasil daripada banci tahun 2010.

#### Keterangan Carta Di Atas :

Carta di atas adalah carta jumlah penduduk di tiga perkampungan yang ada di daerah Batubara. Di perkampungan Tanjung Tiram terdapat lebih dari 50.000 penduduk (beragama Islam). Di perkampungan Talawi terdapat lebih 40.000 penduduk (beragama Islam) dan di perkampungan Lima Puluh terdapat lebih 70.000 penduduk (beragama Islam).

Adapun jumlah keseluruhan populasi dalam penelitian ini adalah sebanyak 1.82708 orang, dan yang menjadi sample dalam penelitian ini adalah sebanyak 500 orang. Boleh di lihat dalam carta di bawah ini :



Keterangan Carta di atas :

Daripada carta di atas penulis menjadikan sebanyak 500 orang sebagai sample, yang terdiri dari : 150 orang di perkampungan Tanjung Tiram, 150 orang di perkampungan Talawi dan 200 orang di perkampungan Lima Puluh.

#### 4.2.1 Maklumat Responden

##### (a). Jantina

Dalam kajian ini penulis merujuk kepada 500 orang responden. Ia meliputi 250 orang lelaki atau 50 % dan 250 orang perempuan atau 50%.


**Jadual 1**

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	250 Orang	50%
Perempuan	250 Orang	50%
<b>Jumlah</b>	<b>500 Orang</b>	<b>100%</b>

Sumber : Kaji Soal Selidik 2010.

Atau lihat carta 1 di bawah ini :

**Carta 1**



Keterangan jadual 1 atau carta 1 :

Responden yang di teliti penulis terdiri dari pada :

Perkampungan Tanjung Tiram : 75 Lelaki dan 75 Perempuan.

Perkampungan Talawi : 75 Lelaki dan 75 Perempuan.

Perkampungan Lima Puluh : 100 Lelaki dan 100 Perempuan.


**(b). Umur**

Jadual 11

Umur	Bilangan	Peratus
18 – 30	126 Orang	25.2%
31 -45	258 Orang	51.6%
46 – 60	116 Orang	23.2%
<b>Jumlah</b>	<b>500 Orang</b>	<b>100%</b>

Sumber : Kaji Soal Selidik 2010

**Carta 2**



Keterangan jadual 11 dan carta 2 :

Perkampungan Tanjung Tiram :	Umur 18-30 (10 Lelaki dan 23 Perempuan).
	Umur 31-45 (50 Lelaki dan 29 Perempuan).
	Umur 46-60 (18 Lelaki dan 20 Perempuan).
Perkampungan Talawi :	Umur 18-30 (10 Lelaki dan 23 Perempuan).
	Umur 31-45 (50 Lelaki dan 29 Perempuan).
	Umur 46-60 (18 Lelaki dan 20 Perempuan).
Perkampungan Lima Puluh :	Umur 18-30 (30 Lelaki dan 30 Perempuan).
	Umur 31-45 (50 Lelaki dan 50 Perempuan).
	Umur 46-60 (20 Lelaki dan 20 Perempuan).


**(c). Pengelasan Mengikut Status Kelayakan Akademik.**

Jadual 111

<b>Kelulusan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
SRM / SMU	29 Orang	5.8%
SPM	82 Orang	16.4%
STPM	107 Orang	21.4%
Diploma	119 Orang	23.8%
Ijazah	163 Orang	32.6%
Lain-lain	0 Orang	0%
<b>Jumlah</b>	<b>500 Orang</b>	<b>100 %</b>

Sumber : Kaji Soal Selidik 2010

Carta 3



Keterangan jadual 111 atau carta 3 :

- Perkampungan Tanjung Tiram : SRM/SMU (4 Lelaki dan 6 Perempuan).  
 SPM (10 Lelaki dan 12 Perempuan).  
 STPM (20 Lelaki dan 11 Perempuan).  
 Diploma (20 Lelaki dan 20 Perempuan).  
 Ijazah (20 Lelaki dan 22 Perempuan).
- Perkampungan Talawi : SRM/SMU (3 Lelaki dan 4 Perempuan).  
 SPM (10 Lelaki dan 9 Perempuan).  
 STPM (22 Lelaki dan 20 Perempuan).  
 Diploma (20 Lelaki dan 20 Perempuan).  
 Ijazah (20 Lelaki dan 22 Perempuan).
- Perkampungan Lima Puluh : SRM/SMU (2 Lelaki dan 10 Perempuan).  
 SPM (20 Lelaki dan 21 Perempuan).  
 STPM (19 Lelaki dan 10 Perempuan).  
 Diploma (17 Lelaki dan 22 Perempuan).  
 Ijazah (30 Lelaki dan 49 Perempuan).


#### (d). Pengkelasan Mengikut Status Pekerjaan

**Jadual 1V**

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Kerajaan	93 Orang	18.6%
Swasta	223 Orang	44.6%
Nelayan	80 Orang	16%
Lain-lain	104 Orang	20.8%
<b>Jumlah</b>	<b>500 Orang</b>	<b>100 %</b>

Sumber : Kaji Soal Selidik 2010.

**Carta 4**



Keterangan jadual 1V atau carta 4 :

Perkampungan Tanjung Tiram : Kerajaan (10 Lelaki dan 10 Perempuan).

Swasta (50 Lelaki dan 22 Perempuan).

Nelayan (46 Lelaki dan 0 Perempuan).

Lain-lain(12 Lelaki dan 0 Perempuan).

Perkampungan Talawi : Kerajaan (10 Lelaki dan 23 Perempuan).

Swasta (50 Lelaki dan 22 Perempuan).

Nelayan (22 Lelaki dan 0 Perempuan).

Lain-lain(10 Lelaki dan 13 Perempuan).

Perkampungan Lima Puluh : Kerajaan (22 Lelaki dan 18 Perempuan).

Swasta (50 Lelaki dan 29 Perempuan).

Nelayan (12 Lelaki dan 0 Perempuan).

Lain-lain(39 Lelaki dan 30 Perempuan).


## Kesimpulan Ringkas

Untuk menentukan responden dalam penelitian ini penyelidik menjadikan populasi 3 perkampungan daripada 7 perkampungan yang ada di daerah Batubara dengan menentukan pelbagai klasifikasi, diantaranya : jantina, umur dan pendidikan. Dengan demikian diharapkan maklumat yang akan didapati bersesuaian dengan fakta.

#### **4.3 KEFAHAMAN MASYARAKAT ISLAM TENTANG INSTITUSI PONDOK**

Berikut ini carta pemahaman masyarakat Islam Daerah Batubara tentang institusi Pondok.

**Carta 5**



Keterangan Carta 5 :

Dalam carta diatas menunjukan bahawa masyarakat Islam daerah Batubara pada umumnya pernah mendengar dan memahami institusi pondok. Iaitu sebanyak 415 responden menjawab bahawa menjawab demikian dan 85 responden lagi menjawab pernah mendengar tetapi tidak memahami. Untuk lebih jelasnya lagi liat keterangan di bawah ini :

Perkampungan Tanjung Tiram :

- Pernah Mendengar Memahami : (58 Lelaki dan 52 Perempuan)
- Pernah Mendengar Tetapi Tidak Memahami : (17 Lelaki dan 23 Perempuan)
- Tidak Pernah Mendengar : (0 Lelaki dan 0 Perempuan)

Perkampungan Talawi :

- Pernah Mendengar Memahami : (62 Lelaki dan 59 Perempuan)
- Pernah Mendengar Tetapi Tidak Memahami : (13 Lelaki dan 16 Perempuan)
- Tidak Pernah Mendengar : (0 Lelaki dan 0 Perempuan)

Perkampungan Lima Puluh :

- Pernah Mendengar Memahami : (89 Lelaki dan 95 Perempuan)
- Pernah Mendengar Tetapi Tidak Memahami : (11 Lelaki dan 5 Perempuan)
- Tidak Pernah Mendengar : (0 Lelaki dan 0 Perempuan).

**(A). Tahap Kepahaman Responden Terhadap Kenyataan Berhubung Dengan Institusi Pondok.**

**Jadual V**

<b>Kenyataan</b>	<b>Sangat Jelas</b>	<b>Jelas</b>	<b>Kurang Jelas</b>	<b>Tidak Tahu</b>	<b>Jumlah</b>
a.Pondok merupakan tempat belajar agama tradisional, juga dikenali sebagai madrasah atau asrama.	429 Orang 85.8%	71 Orang 14.2%	-	-	500 Orang 100%
b.Tujuan pengajian pondok untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam kepada manusia bagi membentuk keperibadian muslim yang sempurna dan bertakwa.	488 Orang 97.6%	12 Orang 2.4%	-	-	500 Orang 100%
c.Bentuk Pengajian berpusat kepada Tuan Guru dengan pelajar membuat halaqoh di hadapan Tuan Guru.	433 Orang 86.6%	52 Orang 10.4%	15 Orang 3%	-	500 Orang 100%
d.Pendidikan Pondok Banyak Mengkhususkan Kepada Pendidikan Islam turath sebagai asas pembentukan kerohanian muslim.	361 Orang 72.2%	128 Orang 25.6%	11 Orang 2.2%	-	500 Orang 100%
e.Metode hafazan diutamakan dalam pengajian pondok.	460 Orang 92%	40 Orang 8%	-	-	500 Orang 100%
f.Tuan Guru sebagai ketua tertinggi dan penguasa tunggal di institusi pondok. Segalanya berada di tangan beliau.	301 Orang 60.2%	166 Orang 33.2%	33 Orang 6.6%	-	500 Orang 100%

Sumber : Kaji Selidik 2010.

**Keterangan jadual V :**

Daripada pelbagai kenyataan yang ada pada jadual V di atas, terlihat bahawa para responden yang dijadikan dalam penelitian ini sebahagian besar memahami maka institusi pengajian pondok. Ini terbukti dengan jawaban tegas daripada para responden mengenai pelbagai soalan yang diberikan. Seperti 429 orang responden

(85.8%) mengatakan "sangat jelas" bahawa "*Pondok merupakan tempat belajar agama tradisional, juga dikenali sebagai madrasah atau asrama*". Dan selebihnya 71 orang responden (14.2%) menjawab dengan jawaban "Jelas"

Para responden juga mengetahui mengenai tujuan pengajian pondok tersebut, seramai 488 orang responden (97.6%) memberikan jawaban "sangat jelas" dan selebihnya 12 orang responden (2.4%) menjawab "jelas" ketika diberikan soalan "*tujuan pengajian pondok untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam kepada manusia bagi membentuk keperibadian muslim yang sempurna dan bertakwa*".

Sehingga dapat disimpulkan bahawa responden yang dijadikan sumber maklumat dalam penelitian ini sangat mengetahui dengan jelas mengenai institusi pengajian pondok beserta tujuannya.

#### **(B). Persepsi Umum Responden Terhadap Pengajian pondok Masa Kini.**

**Jadual V1**

<b>Perkara</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Perlu dikekalkan	399 Orang	79.8%
Perlu dibuat perubahan	59 Orang	11.8%
Mesti di tutup	-	-
Kurang pasti	42 Orang	8.4%
<b>Jumlah</b>	<b>500 orang</b>	<b>100%</b>

Sumber : Kaji Selidik 2010.

#### Keterangan jadual V1 :


Kesimpulan yang dapat diambil daripada analisis diatas, pentadbiran pondok seharusnya terus bersedia dari sekarang dengan membuat pelbagai kelengkapan supaya setanding dengan arus pendidikan perdana. Setidak-tidaknya kemahiran asas dalam pelbagai disiplin ilmu seharusnya dimiliki oleh keluaran pondok disamping menjalani sistem pembelajaran bersepada.

Dalam kajian berhubungan dengan tanggapan segelintir masyarakat yang menolak sistem pengajian pondok, dengan alasan tidak ada kesepaduan ilmu

pendidikan yang diajar, penulis mendapati tiada responden yang bersetuju dengan pandangan itu. Sebahagian besar iaitu 339 orang responden (79.8%) memutuskan tidak bersetuju jika dikatakan pondok tidak diperlukan lagi (perlu dikekalkan).

Manakala selebihnya seramai 59 orang responden (11.8%) mengatakan perlu dibuat perubahan dan 42 orang responden (8.4%) lagi tidak pasti. Langkah kurang pasti ini diambil kemungkinan besar responden tidak mengetahui maklumat-maklumat terperinci berhubung isntitusi pondok. Gambaran jelas boleh dilihat dalam carta di bawah ini.

**Carta 6**



Carta 6 diatas adalah keterangan dari jadual V1.

### (C). Pengamatan Responden Terhadap Peranan Dan Kejayaan Pondok.

**Jadual V11**


Kenyataan	Sangat Jelas	Jelas	Kurang Jelas	Tidak Tahu	Jumlah
a.Pondok telah memainkan peranan yang besar dalam penyebaran Islam dan Pendidikan Islam.	436 Orang 87.2%	52 Orang 10.4%	12 Orang 2.4%	-	500 Orang 100%
b.Pondok adalah pusat pengembangan tulisan jawi terawal.	455 Orang 91%	40 Orang 80%	5 Orang 1%	-	500 Orang 100%

c.pondok telah berhasil mengeluarkan pemimpin-pemimpin yang berkualiti dan orang-orang yang berpengaruh di tengah-tengah masyarakat.	317 Orang 63.4%	162 Orang 32.4%	21 Orang 4.2%	-	500 Orang 100%
d.Pendidikan pondok berjaya dalam menangani masalah sosial di kalangan remaja bentuk pengajian yang diamalkan.	474 Orang 94.8%	24 Orang 4.8%	2 Orang 0.4%	-	500 Orang 100%
e.Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin memainkan peran besar bagi masyarakat Batubara.	485 Orang 97%	12 Orang 2.4%	3 Orang 0.6%	-	500 Orang 100%
f.Para guru mempunyai pengaruh besar bagi masyarakat Batubara.	486 Orang 97.2%	9 Orang 1.8%	5 Orang 1%	-	500 Orang 100%
g.Banyak murid di pondok ini mempunyai prestasi yang baik, khususnya di bidang hafazan al-Quran.	491 Orang 98.2%	7 Orang 1.4%	2 Orang 0.4%	-	500 Orang 100%
h.Masyarakat Batubara mempunyai minat besar untuk menghantarkan anak mereka belajar di pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin.	478 Orang 95.6%	20 Orang 4%	2 Orang 0.4%	-	500 Orang 100%
i.Sementara ini Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin memberikan erti besar bagi kehidupan masyarakat Batubara dalam bidang ibadah.	474 Orang 94.8%	25 Orang 5%	1 Orang 0.2%	-	500 Orang 100%

Sumber : Kaji Soal Selidik 2010.

Atau lihat pada carta 7 :

Carta 7



Keterangan carta 7 :

- A. Pondok telah memainkan peranan yang besar dalam penyebaran Islam dan pendidikan Islam.
- B. Pondok adalah pusat pengembangan tulisan jawi terawal.
- C. Pondok telah berhasil mengeluarkan pemimpin-pemimpin yang berkualiti dan orang-orang yang berpengaruh di tengah-tengah masyarakat.
- D. Pendidikan pondok telah berjaya dalam menangani masalah sosial di kalangan remaja bentuk pengajian yang diamalkan.
- E. Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin memainkan peranan besar bagi masyarakat Batubara.
- F. Para guru mempunyai pengaruh besar bagi masyarakat Batubara.
- G. Banyak murid pondok ini mempunyai prestasi yang baik, khususnya di bidang hafazan al-Quran.
- H. Masyarakat Batubara mempunyai minat besar untuk menghantarkan anak mereka belajar di Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin.
- I. Sementara ini Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin memberikan erti besar bagi kehidupan masyarakat Batubara dalam bidang ibadah.

Keterangan jadual V11 :

Daripada jadual V11 tersebut terlihat bahawa para responden dengan jelas menyatakan bahawa sememangnya Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin mempunyai peranan yang besar dalam penyebaran dan pendidikan Islam di daerah Batubara. Perkara ini boleh dilihat dari jawaban para responden, seramai 436 orang responden (87.2%) mengatakan sangat bersetuju dan selebihnya 52 orang responden (10.4%) mengatakan setuju. Sementara hanya 12 orang dari responden

(2.4%) mengatakan kurang jelas, perkara ini berkemungkinan bahawa responden tersebut kurang memahami makna institusi pondok.

Begitu pula halnya dengan soalan yang berkaitan dengan kejayaan pondok. Seramai 317 orang respond (63.4%) mengatakan mengatakan sangat bersetuju ketika diberi soalan kejayaan pondok dalam mengeluarkan pemimpin-pemimpin yang berkualiti dan orang-orang yang berpengaruh di tengah-tengah masyarakat. Selebihnya seramai 162 orang responden (32.4%) mengatakan bersetuju, dan hanya 21 orang responden (4.2%) mengatakan kurang jelas. Jawaban terakhir ini juga dinilai bahawa para responden tersebut kurang memaknai erti daripada pengajian pondok.

Mengenai peranan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin, pada umumnya responden mengatakan bahawa pondok tersebut sememangnya mempunyai peranan yang besar dalam pendidikan Islam bagi masyarakat Batubara. Seramai 485 orang (97%) mengatakan sangat bersetuju, 12 orang responden (2.4%) mengatakan bersetuju, dan hanya 3 orang responden (0.6%) yang mengatakan kurang jelas.

#### **(D). Masalah Yang Dihadapi Institusi Pondok Masa Kini.**

**Jadual V111**


<b>Kenyataan</b>	<b>Setuju</b>	<b>Tidak Setuju</b>	<b>Jumlah</b>
a.Sumber keuangan pondok tidak tetap.	417 Orang 83.4%	83 Orang 16.6%	500 Orang 100%
b.Faktor kekurangan guru pelapis.	403 Orang 80.6%	97 Orang 19.4%	500 Orang 100%
c.Kurikulum yang tidak menentu.	22 Orang 4.4%	478 Orang 95.6%	500 Orang 100%

d.Mata pelajaran hanya tertumpu kepada kitab-kitab thurats.	381 Orang 76.2%	119 Orang 23.8%	500 Orang 23.8%
e.Penglibatan dalam bidang politik yang keterlaluan.	21 Orang 4.2%	479 Orang 95.8%	500 Orang 100%
f.Pelajar tidak didedahkan dengan isu-isu semasa dan bidang sampingan seperti pertukangan teknikal dan sebagainya.	447 Orang 89.4%	143 Orang 28.6%	500 Orang 100%
g.Tidak ada hubungan antara institusi pondok.	442 Orang 88.4%	58 Orang 11.6%	500 Orang 100%
h.Tidak ada peraturan ketat kepada pelajar-pelajarnya.	287 Orang 57.4%	213 Orang 42.6%	500 Orang 100%
i.Wujudnya persaingan hebat dari institusi-institusi pendidikan modern.	429 Orang 85.8%	71 Orang 14.2%	500 Orang 100%

Sumber : Kaji Selidik 2010.

Atau lihat pada carta 8 :

**Carta 8**



Keterangan carta 8 :

A. Sumber keuangan pondok tidak tetap.

B. Faktor kekurangan guru pelapis.

- C. Kurikulum tidak menentu.
- D. Mata pelajaran hanya tertumpu kepada kitab-kitab thurats.
- E. Penglibatan dalam hal politik.
- F. Pelajar tidak didedahkan dengan isu-isu semasa dan bidang sampingan seperti pertukangan teknikal dan sebagainya.nglibatan dalam bidang politik yang keterlaluan.
- H. Tidak ada hubungan antara institusi pondok.
- G. Tidak ada peraturan ketat kepada pelajar-pelajarnya.
- I. Wujudnya persaingan hebat dari institusi-institusi pendidikan moden.

**Keterangan jadual V111 :**

Daripada jadual V111 tersebut terlihat bahawa sememangnya ada beberapa masalah yang dihadapi oleh mana-mana institusi pondok masa kini termasuk Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin. Diantara permasalahan yang signifikan yang dihadapi adalah sebagai berikut :

**Pertama : Sumber keuangan pondok tidak tetap.**

Seramai 417 orang responden (83.4%) mengatakan sangat bersetuju bahawa sumber keuangan sangat menjadi masalah bagi pondok. Pendapat ini merupakan suatu realiti yang sangat jelas tampak dimana-mana pondok pada umumnya. Selanjutnya 83 orang responden (16.6%) mengatakan tidak bersetuju. Pendapat ini mungkin para responden tidak mengetahui bagaimana proses keuangan di institusi pondok.

**Kedua : Pelajar tidak didedahkan dengan isu-isu semasa dan bidang sampingan seperti pertukangan teknikal dan sebagainya.**

Sememang pada umumnya dimana-mana pondok tidak mendedahan isu-isu semasa dan juga aktiviti sampingan kepada para pelajar, maka seramai 447

orang responden (89.4%) mengatakan sangat bersetuju. ada juga respond yang mengatakan tidak bersetuju, iaitu seramai 143 orang responden (28.6%).


### **Ketiga : Wujudnya persaingan hebat dari institusi-institusi pendidikan moden.**

Adalah sebagai cabaran besar bagi institusi pondok, sebab mendapatkan saingen yang hebat daripada institusi-institusi pendidikan moden. Maka seramai 429 orang responden (85.8%) mengatakan bersetuju dengan pendapat itu, dan seramai 71 orang responden (14.2%) mengatakan tidak bersetuju.

### **(E) Kesimpulan Dan Cadangan Responden Bagi Mengembalikan Kegemilangan Pondok.**

Banyak pandangan dan cadangan yang diberikan para responden bagi mengembalikan kegemilangan pondok, lihat carta berikut.

**Carta 9**



#### Keterangan carta 9 :

Daripada carta 9 tersebut dapat dilihat bahawa cadangan para responden bagi mengembalikan kegemilangan pondok adalah seramai 325 orang responden (65%) memberikan jawaban “sebaiknya pengajian pondok dapat memberikan

kualiti terbaik dalam pendidikan Islam. Selanjutnya seramai 57 orang responden (11.4%) memberikan jawaban “sebaiknya pengajian pondok memberikan aktiviti kemahiran hidup, seperti pertukangan dan sebaginya.

Begitu pula cadangan yang diberikan oleh 20 orang responden (4%) ialah “pondok semestinya melakukan ubah suai dari bidang apapun sekiranya diperlukan”. Namun selanjutnya seramai 98 orang responden (19.6%) memberikan cadangan-cadangan yang berbeza.

### **Kesimpulan Ringkas**

Ternyata setelah melakukan pengolahan data terhadap para responden maka penyelidik dapati bahawa para responden pada umumnya memahami institusi pondok bahkan banyak daripada mereka yang pernah menjalani pendidikan di institusi tersebut. Kepemahaman para responden tersebut boleh dibuktikan dengan jawaban-jawaban mereka terhadap soalan yang diberikan.

Dengan pemahaman seperti demikian maka sangat membantu bagi penyelidik untuk mengolah data dan akhirnya mendapatkan suatu hasil terhadap penyelidikan yang dijalani. Bahkan ramai pula daripada responden yang memberikan cadangan-cadangan terhadap lebih memajukan lagi pendidikan di institusi pondok tersebut.

### **4.4 PERANAN UMUM PONDOK PESANTREN WAKAF AL-MUKHLISHIN DALAM PENDIDIKAN ISLAM.**

Pada bahagian ini akan dikemukakan mengenai peranan Pondok Wakaf al-Mukhlishin secara umum, perkara ini diperbuat guna sebagai pendahuluan sebelum sampai ke pembahasan peranan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin secara mendalam / khusus.

Data-data yang akan di jelaskan di bawah ini, adalah dari hasil kerja penulis yang telah menganalisis soal selidik dan juga di lakukan secara temubual (wawancara / interview).

#### **4.4.1 (a) Peranan Dalam Memperkenalkan Tulisan Arab Dan Tulisan Jawi Bagi Memudahkan Menghafal Al-Quran.**

Selain menjadi tempat belajar agama dan mendidik akhlak anak-anak Islam, pondok juga berperanan sebagai tempat belajar menulis, membaca jawi dan bahasa Arab. Peringkat awalnya, telah berjaya memperkenalkan tulisan Arab dan tulisan jawi<sup>209</sup> selain bertujuan bagi memudahkan dan membetulkan pembacaan al-Quran kepada masyarakat Islam<sup>210</sup>

Mengikut Syed Muhamad Naquib al-Attas;

*“Kedatangan Islam telah membawa bersama tulisan Arab yang dijadikan tulisan Melayu, mempunyai tambahan beberapa huruf istemewah bagi bahasa itu, dan nampaknya tulisan jawi inilah yang mengikat perpaduan satu bahasa meliputi seluruh golongan bangsa Melayu.”<sup>211</sup>*

Menyedari kepentingan ini, pihak pentadbir pondok dalam pengambilan para pelajar biasanya akan menempatkan pelajar mengikut

---

<sup>209</sup> Gan Guyung Suk (1990), *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur : DBP, h. Xxv. Sejarah kemunculan penulisan jawi telah bermula pada abad ketujuh. Sebelum ini tulisan yang digunakan oleh orang Melayu adalah pengaruh tulisan Dewanagara yang digunakan oleh orang Palawa Nadia. Selain itu Tulisan Ranjang Sumateram tulisan Jawa Kuno di tanah Jawa dan tulisan yang digunakan di Filipina, Sulawesi. Prasasti Melayu tertua yang tertulis dengan tulisan jawi sepenuhnya yang dapat dikesan ialah Prasasti Kuala Berang Terengganu yang bercatat 4 Rejab 702 Hijriah bersamaan dengan 22 februari 1033.

<sup>210</sup>*Ibid.*, h. xxv.

<sup>211</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur : UKM, h. 43. ada empat huruf tambahan dari huruf Arab asal iaitu Pa ( ﴿ ), ca ( ﴽ ), ga ( ﴾ ) dan nga ( ﴽ ) yang tidak ada dalam huruf Bahasa Arab. Bagi melengkapkan ejaan rumi ke jawi dua huruf lagi ditambah iaitu huruf (sa 3 titik ) nya dan (waw pake hamzah di atas ) va. Dengan pengenalan ini, senanglah proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dan berkembang. Sila liat Hamdan Abdul Rahman (1999), *Panduan Menulis Jawi Dan Megeja Jawi*. Kuala Lumpur : DBP, h. 4.

peringkat yang sesuai dengan pelajar itu sendiri.<sup>212</sup> Biasanya pelajar yang mampu menguasai tulisan jawi juga akan dapat menguasai bacaan al-Quran. Ini kerana bunyi vocal dan diftong tulisan jawi hampir sama dengan bunyi ejaan Arab.

Disamping itu kepentingan tulisan jawi dapat dilihat bila masa tulisan jawi digunakan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Biasanya para pelajar akan membuat catatan di bahagian tepi sebelah kandungan kitab, bagi setiap yang dipelajari sebagai tambahan atau tanda huriahan guru yang dikira penting.

#### **4.4.1 (b) Peranan Dalam Bidang Penulisan Kitab-Kitab Agama.**

Peranan pondok bukan hanya terhenti dalam memperkenalkan tulisan jawi semata, malah turut berperanan dalam menerbitkan kitab-kitab agama dalam pelbagai bidang ilmu. Di Malaysia (Negeri Kelantan) antara tokoh yang masyhur dalam penulisan zaman kegemilangan seperti : Tuan Tabal dalam bidang UsËluddÈn telah mengarang kitab *ZahÉrat al-Marid fi' AqÉid al-Tahwid, Lam'at al-'Aurad, Majmu' Al-Qasaïd wa a-AwÈd*.<sup>213</sup>

Selain itu Tok Selehor juga pernah mengarang dan mencetak kitabnya yang berjudul *Kamzu Sa'adah Fi Bayani Istilahat as Sufiyah*. Antara ulama-ulama Kelantan yang terlibat secara lamgsung dalam aktiviti penulisan termasuklah Tuan Guru Hj. Wan Ali bin Abd. Rahman al-Kelantani (Kutan) dan Tok Kenali sendiri<sup>214</sup>. Malah, dengan kewujudan percetakan pertama di

---

<sup>212</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Jalaluddin Ilyas, pada 4 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>213</sup> Lihat pada MD Ramly Mahmood (2005). *PerananPondok Dalam Pendidikan Islam Di Kelantan : Suatau Kajian Di Pasir Mas, Kelantan*. (Kertas kerja di Jabatan Sejarah Tamadun Islam Universiti Malaya). h. 156.

<sup>214</sup> Abdul Halim Ahmad (1982), "Pendidikan Islam di Kelantan", dalam Prof. Khoo Kay Kim (ed), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Perbadanan Muzium Kelantan, h.12-13.

Kota Bharu sebelum Perang Dunia menggalakkan lagi penulisan dan pengeluaran pelbagai kitab oleh ulama-ulama tempatan<sup>215</sup>

Menerusi bidang penulisan ini secara tidak langsung menjadikan pendidikan pondok juga berperanan dalam bidang pemikiran dan kebudayaan Islam. Sekaligus mencetuskan semangat nasionalisme dan intelektualisme dalam semua lapisan masyarakat termasuklah pemimpin politik<sup>216</sup>

Di Sumatera Utara, salah seorang Tuan Guru Pondok yang aktif menulis buku ialah Tuan Guru Haji Muhammad Arsyad Thalib (1908). Diantara karya beliau adalah : *pelajaran I,am, Pelajaran Tauhid, Pokok-pokok Kepercayaan Dalam Islam, Imam Mahdi, Riwayat Nabi Muhammad, Ilmu fiqh, al-Us̄ūl min ‘ilm al-Us̄ūl, Ruh Islam, Islam di Polen, Perbandingan Agama Kristen dan Islam dan IstilahÉt al-MuhaddÉtÍÉn.*<sup>217</sup>

Disamping itu, pengasas Pondok Pesanten Wakaf al-Mukhlishin iaitu Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi (1954),<sup>218</sup> dan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram (1967)<sup>219</sup> telah menghasilkan beberapa buah kitab jawi dan risalah bacaan umum, sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

Antaranya :

- i. Tuntunan Shalat Qashar. Karangan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi
- ii. Tuntunan Shalat Jama’. Karangan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi.
- iii. Tempat-tempat Mustajab Untuk Berdoa. Karangan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi.

<sup>215</sup> A. Aziz Deraman (1986), “Pendidikan Dalam Perspektif Sosial\_Budaya” dalam Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (ed), *Warisan Kelantan V*” Kota Bharu : Perbadanan Muzium Kelantan, h. 9.

<sup>216</sup> Hj. Abdullah Ishak (1995), *op. cit.*, h.229.

<sup>217</sup> Armin Nasution (t,t), *H. M. Arsyad Thalib Lubis*, Medan : Khazanah al-Jami’iyah al-Washliyah, h.5.

<sup>218</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi, pada 11 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau

<sup>219</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram pada 9 Sepetember 2010, pukul .07.00 pagi di rumah beliau.

- iv. Doa' Harian Untuk Jama'ah Haji. Karangan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi.
- v. Tafsir al-ma'tsur. Karangan Tuan Guru Muhammad Nasir Akram.
- vi. Hadits Pada Masa Sahabat. Karangan Tuan Guru Muhammad Nasir Akram.
- vii. Kontribusi Islam Dalam Kehidupan. Karangan Tuan Guru Muhammad Nasir Akram<sup>220</sup>

#### **4.4.1 (c) Peranan Dalam Bidang Perubatan Islam.**

Antara peranan lain, pondok turut berperanan dalam bidang perubatan Islam dengan mengedarkan lembaran doa harian yang sesuai dibaca dan diamalkan oleh orang awam<sup>221</sup> ayat-ayat pendiding sebagai senjata mukmin.<sup>222</sup>

Menurut Ustadz Jalaluddin Ilyas (1965)<sup>223</sup> sumbangan ini dapat dilihat ketika masyarakat daerah Batubara menghadapi sesuatu perkara yang berkaitan dengan gangguan makhluk halus, biasanya tuan gurulah yang akan diminta mengubati pesakit dengan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran sebagai penawar. Penawar ini biasanya akan diajar kepada pesakit sebagai pendiding.

Menurut Ustadz Hasan Basri (1969)<sup>224</sup> disamping itu juga, masyarakat yang berkunjung untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada tuan guru atau guru pembantu berhubungan dengan permasalahan agama. Ada juga mereka

---

<sup>220</sup> Risalah Ringkas Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlshin (2000), (t.p) h. 5.

<sup>221</sup> Lembaran ini disalin dari kitab-kitab yang diajar dan ada juga yang diambil dari kandungan kitab Kelabaan Masa Bagi Menuntut Sentosa, kitab *Tibbul Babawi* dan lain-lain kitab.

<sup>222</sup> Seperti amalan ayat *al-Kursi*, surah *al-Kahfi*, ayat seribu dinar dan lain-lain.

<sup>223</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Jalaluddin Ilyas, pada 4 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>224</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Hasan Basri, pada 4 September 2010, pukul 09.00 malam di rumah beliau

yang datang meminta air penawar dan ubat bagi merawati penyakit-penyakit ganjil seperti dirasuk, solat hajat supaya dijauhi dari bala, penyakit, supaya lulus peperiksaan dan sebagainya, itulah antaranya yang sering diminta oleh masyarakat. Ini kerana mereka menganggap Tuan Guru mempunyai barakah.

Penekanan yang diberikan oleh tuan guru dalam menyelesaikan permasalahan yang diutarakan oleh orang ramai berhubungan dengan hukum ahkam dan patang larang dalam ajaran Islam, dilihat dapat merapatkan lagi hubungan antara orang ramai dengan tuan guru. Malah nasihat yang diterima dari guru pondok akan dijadikan pedoman dan tidak akan diingkari.<sup>225</sup>

#### **4.4.1 (d) Penglibatan Secara Langsung Dalam Sosial Kemasyarakatan dan Politik Islam.**

Dalam menjamin kedaulatan agama Islam dan pendidikan Islam di Batubara tidak dicemari dengan pengaruh politik dan kebudayaan barat, para guru pondok telah melibatkan diri secara aktif dalam pertubuhan kepartian terutamanya Parti Keadilan Islam Kesejahteraan (PKS).

Sebagai contoh, dikatakan perkembangan PKS di daerah Batubara di peringkat awal sedikit sebanyaknya dipengaruhi oleh para ustaz / ustazah tempatan. Antara guru di Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlshin yang melibatkan diri dalam Parti tersebut adalah : Ustadz Jalaluddin Ilyas (1965), Ustadz Jalaluddin Karim (1969), Ustadz Muhammad Yakub (1981), Ustadz Muhammad Yaser Arafat (1980), Ustadz Hasan Basri (1969) dan Ustadzah Hjh. Kamilah binti Mohd. Syarif (1956).<sup>226</sup>

---

<sup>225</sup> *Ibid.*,

<sup>226</sup> Hasil temubual dengan Ustadzah Hjh. Kamilah binti Mohd. Syarif , pada 6 Oktober 2009 pukul 10.00 pagi di pejabat beliau.

#### **4.4.1 (e) Membentuk Keperibadian Muslim Sejati.**

Institusi pondok juga tidak ketinggalan dalam membentuk keperibadian pelajar dan masyarakat setempat dalam memahami erti kesederhanaan hidup dalam Islam. Sekaligus dapat melawan pengaruh pemikiran dan kebudayaan Barat yang telah melanda masyarakat. Hasilnya, berdasarkan temubual dengan Haji Mohd Yusuf (1969),<sup>227</sup>“salah seorang tokoh masyarakat di daerah Batubara”, keluaran Pondok dihormati dan disanjungi malah mereka biasanya diajak berunding dan kira bicara dalam kehidupan bermasyarakat terutamanya dalam bidang kerohanian berkaitan dengan agama Islam.

Disamping itu, Pondok juga memainkan peranan dan pengaruh yang sangat besar dalam membentuk nilai-nilai murni berteraskan akhlak Islam dengan melatih para pelajarnya bersifat sederhana, hidup berdikari, saling memberi dan menerima, hormat menghormati antara satu sama lain. Kesannya, rata-rata masyarakat beranggapan bahawa pandangan dan sahsiah Tuan Guru seharusnya dihormati dan disanjungi.<sup>228</sup>

#### **4.4.1 (f) Mempertahankan Aliran Pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah.**

Menurut 2 (dua) orang pengasas Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin, iaitu Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi (1954) dan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram (1967)<sup>229</sup> pengajian pondok ini akan mempertahankan aliran pegangan akidah masyarakat berlandaskan Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping berpegang kepada mazhab Syafie dalam

---

<sup>227</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram pada 9 Sepetember 2009, pukul .07.00 pagi di rumah beliau.

<sup>228</sup> Ustadz Syafie Abu Bakar (1984), “Kearah Pembinaan dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia : Suatu Penyesuaian Dengan Pembaharuan Pendidikan Kini “ *Jurnal Pendidikan*, bil 2, tahun 1985 h. 10.

<sup>229</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi, pada 11 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau, dan hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram pada 9 Sepetember 2010, pukul .07.00 pagi di rumah beliau.

penyampaian ilmu fekah dan aliran pemikiran Imam Ghazali dalam ilmu tasawwuf.<sup>230</sup>

Selain itu, guru Pondok juga berperanan dalam membantu Majlis Agama Islam Batubara, bahkan Majlis Agama Islam Sumatera Utara bagi menyebar dan mengembangkan hukum-ahkam Islam di daerah Batubara dan negeri Sumatera Utara. Antara tokoh yang melibatkan diri secara langsung dalam Majlis ini ialah Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram (1967),<sup>231</sup> beliau saat ini (September 2010) menjawat beberapa jawatan dalam Majlis Agama Islam Sumatera Utara seperti Nazir, dan salah seorang daripada ahli Mufti Wilayah Sumatera Utara.

Begitu pula halnya dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi (1954),<sup>232</sup> beliau juga berperanan secara aktif dalam membantu Majlis Agama Islam Batubara. Diantaranya beliau pernah menjabat sebagai Nazir, Penolong Qadi, dan sekarang ini (September 2010) sebagai Mufti di kawasan Tanjung Tiram-Batubara.

#### **4.4.1 (g) Peranan Dalam Memimpin Masyarakat Dalam Amalan Kehidupan Harian.**

Di Sumatera Utara, khususnya di daerah Batubara masyarakat memandang golongan pondok (orang yang belajar di pondok) sebagai satu komuniti masyarakat Melayu yang harus dihormati. Malah status kedudukan mereka dalam masyarakat kampung juga berada di pucak hirarki sosial.<sup>233</sup> ini kerana asas penting pendidikannya adalah pendidikan agama dan menjadi

---

<sup>230</sup> *Ibid.*,

<sup>231</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram pada 9 Sepetember 2010, pukul .07.00 pagi di rumah beliau.

<sup>232</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi, pada 11 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>233</sup> S. Husin Ali (1964), *Social Stratification in Kampung Bagan; Monographs of Malaya branch Royal, Asiatic Society*. Singapore : Malaysia Printers, h. 11.

suatu kewajipan masyarakat kampung mengutamakan mereka dalam bidang-bidang keagamaan.

Ramai responden menyokong kedudukan ini dalam masyarakat. Antara lain dapat dilihat bila mana tuan guru atau pelajar-pelajar pondok sering ditugaskan untuk mengepalai sesebuah majlis seperti majlis sembahyang hajat, membaca yasin, doa selamat dan sebagainya. Malahan masyarakat juga menganggap doa-doa golongan ini adalah mudah dikabulkan dan diberkati oleh Allah S.W.T. peranan inilah yang telah meletakkan kepercayaan yang tinggi dikalangan masyarakat setempat dan membantu perkembangan pondok di negeri Sumatera Utara.

Sebagai kesimpulannya, peranan Pondok dalam bidang sosial banyak mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat Melayu. Malahan guru pondok juga dikatakan oleh masyarakat Batubara<sup>234</sup> sebagai tempat rujukan dan panduan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat melayu.

#### **4.4.1 (h) Peranan Dari Sudut Penyuburan Dan Penghayatan Islam.**

Struktur pengajian dan cara penyampaian ilmu yang menyeluruh menjadi daya tarikan utama kepada penduduk untuk turut serta mengikuti program yang dianjurkan. Dengan wujudnya sistem pengajian sedemikian sedikit sebanyak memberi kesan kepada penduduk dan seterusnya menerapkan ke dalam kehidupan harian mereka.<sup>235</sup>

Penulis cuba meninjau pandangan masyarakat setempat terhadap keberkesanan pengajian pondok kepada mereka. Melalui temubual secara rambang terhadap responden, terdapat responden yang mengatakan sistem

<sup>234</sup> Hasil temubual dengan salah seorang masyarakat Batubara iaitu Deliana (1984), pada 5 September pukul 09.00 malam di pejabat beliau.

<sup>235</sup> Fadli bin Yusuf (1998), "Peranan Sekolah Pondok Dalam Meningkatkan Kefahaman Islam Kepada Penduduk : Kajian Kes Pondok al-Fatahilah Kg. Kerandang Besut, Terengganu", (Latihan Ilmuah, Jabatan Ushuluddin dan Falsafah, UKM, Bangi), h. 43.

pengajian yang ada sekarang telah berjaya dalam usaha memberi kefahaman kepada penduduk. Diantara masyarakat yang penulis temubual dalam pembahasan ialah : Cik Deliana (1984),<sup>236</sup> Cik Sofyan Hamdan (1968),<sup>237</sup> Cik Muhammad Hifni (1969),<sup>238</sup> dan Cik Muhammad Salim (1980)<sup>239</sup>

Ini dapat dilihat dalam bentuk pengajian yang dijalankan iaitu melalui kaedah perbincangan, soal jawab, kuliah, bacaan dan hafazan. Antara pembahasan yang memberi kesan mendalam kepada masyarakat ialah pembahasan soal jawab kerana ini dapat mengelakkan kekeliruan dalam sesuatu masalah yang diutarakan bila mana guru memberi jawapan yang begitu jelas.

Terdapat juga responden yang beranggapan bahawa program yang dianjurkan berjaya mendidik dan memupuk semangat muhibbah antara sesama penduduk. Antara program yang dianjurkan ialah Ihya' Ramadhan, berbuka puasa, solat hajat, maulidu al-Rasul, sambutan awal Muharram dan sebagainya. Program sedemikian akan menjadi daya penarik kepada penduduk untuk turut serta mengikuti aktiviti di pondok. Diantara masyarakat yang penulis temubual dalam pembahasan ini ialah : Haji Mohd Yusuf (1949)<sup>240</sup> dan Cik Muhammad Salim (1980)<sup>241</sup>.

---

<sup>236</sup> Hasil temubual dengan salah seorang masyarakat Batubara iaitu Deliana (1984), pada 5 September 2010 pukul 09.00 malam di pejabat beliau.

<sup>237</sup> Hasil temubual dengan Cik Sofyan Hamdan (1968), pada 6 September 2010, pukul 09.30 di pejabat beliau.

<sup>238</sup> Hasil temubual dengan Cik Muhammad Hifni (1969), pada 7 September 2010, pukul 5.00 petang di rumah beliau.

<sup>239</sup> Hasil temubual dengan Cik Muhammad Salim (1980), pada 8 September 2010, pukul 5.30. petang di rumah beliau.

<sup>240</sup> Hasil temubual dengan Haji Mohd Yusuf, pada 16 September 2010, pukul 09.00 pagi di rumah beliau.

<sup>241</sup> Hasil temubual dengan Cik Muhammad Salim (1980), pada 8 September 2010, pukul 5.30. petang di rumah beliau.

#### **4.4.1 (i) Peranan Dalam Mengembalikan Masyarakat Kepada Ajaran Islam Yang Sebenar.**

Secara historis masyarakat kita telah banyak mengalami pelbagai bentuk penjajahan dalam mencapai kemerdekaan. Terkesan dari itu banyak fahaman atau ideologi barat mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu zaman berzaman. Kemunculan institusi pondok adalah antara lain bagi memberi kefahaman Islam yang sebenar kepada masyarakat Melayu dengan menganjurkan pengajian secara percuma di samping disiplin peribadatan.

Sebagai contoh Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi (1954), Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram (1967), dan Tuan Guru Jalaluddin Ilyas (1965) sering membidas dalam kuliah yang disampaikan kepada mereka yang masih mengamalkan adat serta pantang larang yang bertentangan dengan Islam seperti adat melenggang anak dalam kandungan,<sup>242</sup> perkahwinan,<sup>243</sup> kesenian tradisi Melayu,<sup>244</sup> dan banyak lagi kepercayaan karut yang masih menyelubungi masyarakat Melayu.

---

<sup>242</sup> Syed Alwi Sheikh al-Hadi (1980), *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*. Kuala Lumpur : DBP, h. 13. Adat melenggang perut adalah suatu adat yang dijalankan atas seorang isteri yang telah genap tujuh bulan hamil. Adat ini berbeza dari satu tempat dengan tempat yang lain. Tujuan diadakan upacara melenggang perut ini adalah kononnya hendak membetulkan perut perempuan mengandung, supaya anak dalam kandungan itu betul kedudukannya bila masa bersalin tiba. Majlis ini biasanya diadakan pada akhir bulan seperti 19,21 dan 29 haribulan iaitu bulan ke arah turun dan sebaik-baiknya pada hari Rabu atau Kamis. Lihat juga H.M. Sidin (1964), *Pengantar Ilmu Fekah Dan Usul Fiqh*. Surabaya : PT. Bina, h. 89. Adat melenggang perut adalah suatu adat yang dijalankan atas seorang isteri yang telah genap tujuh bulan hamil. Adat ini berbeza dari satu tempat dengan tempat yang lain. Tujuan diadakan upacara melenggang perut ini adalah kononnya hendak membetulkan perut perempuan mengandung, supaya anak dalam kandungan itu betul kedudukannya bila masa bersalin tiba. Majlis ini biasanya diadakan pada akhir bulan seperti 19,21 dan 29 haribulan iaitu bulan ke arah turun dan sebaik-baiknya pada hari Rabu atau Kamis.

<sup>243</sup> Syed Alwi Sheikh al-Hadi (1980), *op.cit* h. 20. lihat juga Mokthar Md. Dom (1997), *Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur : Federal Publications, h. 57. Adat perkahwinan ini bermula dari merisik dan memilih jodoh. Ini kerana ada ungkapan orang tua dahulu berbunyi “*kalau hendak meminang anak pinang ibu bapanya dahulu*”. Bagi mendapatkan maklumat ini pelbagai cara dilakukan seperti menyamar sebagai penjual ikan, penjual ubat dan lain-lain dengan tujuan untuk melihat sendiri gadis dan keluarga itu. Kemudian disusuli dengan adat pertunangan dan perkahwinan. Apa yang menjadi kesalahan ialah bila adat ini dicampur adukkan dengan pengaruh Hindu seperti membawa sirih pinang dn menetapkan hari-hari tertentu bagi mengelakkan sial. Malah menjadi satu kesalahan besar juga, pasangan yang sudah bertunang telah diberi kebebasan untuk bersama tanpa ditemani oleh muhrim. Sebaliknya ibu bapa hanya menegur apa yang patut sahaja agar tidak menconteng arang di muka orang tua.

<sup>244</sup> Lihat Zahari Daud (1983), *Main Puteri : Satu Cabaran Tradisi*, dalam Khoo Kay Kim (ed). Kota Bharu : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 105. lihat juga Abdullah bin Mohamed (Nakula)

Pendirian tegas yang diambil oleh guru-guru pondok tersebut, sedikit sebanyaknya telah berjaya menghapuskan secara bertahapan kepercayaan animisme yang telah diwarisi sejak turun temurun daripada datuk nenek mereka.

Ekoran dari itu, masyarakat mulai sedar tentang peri pentingnya pendidikan agama dalam kehidupan. Tidak hairanlah jika pada masa ini beberapa institusi pondok dalam wilayah Sumatera Utara masih mampu bertahan walaupun menghadapi zaman era globalisasi sekarang ini. Oleh itu, kehidupan di pondok adalah merupakan pusat yang berperanan menanam dan menyuburkan keilmuan Islam.

Pada pandangan penulis, apa yang paling ketara dapat dilihat sekitar kawasan pondok ialah minat dan respon penduduk tempatan terhadap program yang dianjurkan di pondok. Ini kerana penduduk yang sebelum ini hanya terdedah kepada pendidikan agama melalui ceramah-ceramah dan kuliah-kuliah yang disampaikan di masjid-masjid.

#### **4.5 PERANAN KHUSUS PONDOK DALAM PENDIDIKAN ISLAM.**

Setelah pembahasan mengenai peranan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlisin secara umum dikemukakan pada pembahasan terdahulu, maka kini penulis akan mengemukakan juga peranan pondok tersebut secara khusus.

##### **4.5.1 (a) Peranan Terhadap Pendidikan Tahfidz Al-Quran.**

Peranan dalam bidang pendidikan yang pertama kali diberikan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlisin ialah peranan dalam pendidikan tahfidz al-Quran. Perkara ini disebabkan bidang inilah yang pernah kali

---

(1991), “Akademi Seni Tengku Temenggung : Satu Aspek Dari Sejarah Sosial Kelantan 1879-1935”, dalam Dato’ Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh (ed), *Warisan Kelantan X*. Kota Bharu : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 45-76. Antara kesenian tradisional melayu seperti Mak Yong, Wayang Kulit, Main Puteri dan Bageh, biasanya mempunyai unsur-unsur pujaan terhadap makhluk halus dan sering kali digunakan untuk membangkitkan semangat orang sakit.

diselenggarakan di pondok tersebut sebelum bidang-bidang lain turut diajarkan seperti : pendidikan manasik haji, sekolah menengah agama dan tadika Islam.<sup>245</sup>

Dalam bidang tahfidz al-Quran ini ada 2 (orang) Tuan Guru yang memberikan pengajaran, iaitu Tuan Guru Jalaluddin Ilyas (1967), dan kedua ialah Tuan Guru Muhammad Yakub (1982). Sampai saat ini (september 2010), kedua tuan guru tersebut mendidik pelajar sebanyak 314 orang. Terdiri dari 290 Lelaki dan 24 orang Perempuan. Namun dalam proses penyemakan bacaan kedua tuan guru tersebut di bantu oleh pelajar yang senior.<sup>246</sup>

Menurut Tuan Guru Jalaluddin Ilyas (1967),<sup>247</sup> bahawa respon masyarakat untuk menghantarkan anak-anak mereka ke pondok ini dengan memasuki bidang tahfidz ini sangat besar. Bahkan dari pihak kerajaan daerah Batubara pun menjadikan pelajar tahfidz ini sebagai ahli dalam Musabaqah Tahfidz al-Qur'an (MTQ) setiap tahunnya. Hasilnya ialah beberapa pelajar tersebut menunjukkan kebolehan nya dalam menghafal al-Quran, sehingga mereka boleh menjadi johan dalam MTQ tersebut. Diantaranya ialah Muhammad Fakhrul Rozi (1985) berjaya dalam kategori 30 juzu'. Muhammad Asnan (1985) berjaya dalam kategori 20 juzu', dan Salman al-farisy (1999) dalam kategori 10 juzu'

Bahkan menurut Tuan Guru Muhammad Yakub (1983),<sup>248</sup> untuk masa ini (September 2010), Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin tidak menerima pelajar dalam bidang khusus menghafal al-Quran sahaja hingga tahun depan (Januari 2012). Perkara ini dilakukan dengan alasan ; Kurangnya tuan guru yang

---

<sup>245</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi, pada 11 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>246</sup> *Ibid.*,

<sup>247</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Jalaluddin Ilyas, pada 4 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>248</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Mohd Yakub, pada 8 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

mengajar di bidang ini, dan memokuskan kepada pelajar yang sudah ada, guna memberikan kualiti hafalan terbaik kepada setiap pelajar.

#### **4.5.1 (b) Peranan Terhadap Pendidikan Ibadah Haji (Manasik Haji).**

Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin ini menjadi tumpuan bagi masyarakat Batubara yang mahu menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci. Kerana sudah menjadi kebiasaan bagi calon jama'ah haji sebelum menunaikan ibadah tersebut maka dilakukan pelatihan-pelatihan secara teori, seperti cara memakai pakaian ihram, cara tawaf, dan bacaan-bacaan / doa' – doa' yang mustajab, dan itu diistilahkan dengan manasik haji.

Sejak setahun setelah tertubuhnya pondok ini iaitu pada tahun 1998, pondok ini setiap tahunnya ramai di kunjungi masyarakat yang akan menunaikan ibadah haji. Menurut Tuan Guru Haji Abdul Wahid (1956),<sup>249</sup> masyarakat yang datang bukan saja dari Perkampungan Tanjung Tiram, (letak Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin) tetapi juga dari seluruh pelosok perkampungan yang ada di daerah Batubara, seperti Perkampungan Talawi, Lima Puluh, Medan Deras, Sei Balai dan Indra Pura. Aktiviti manasik haji ini dijalankan setiap hari sabtu dan ahad di Pondok Wakaf al-Mukhlishin.

Selain masyarakat umum, para pelajar tahfidz al-Quran, sekolah menengah agama bahkan tadika pun diikutsertakan dalam aktiviti ini. Pada tahun 2010 ini terdapat 125 orang pelajar manasik haji (jumlah tersebut dari masyarakat umum sahaja). Terdiri dari 290 orang lelaki dan 24 orang perempuan. Menurut salah seorang masyarakat Batubara “Haji Muhammad Soleh”(1979)<sup>250</sup> bahawa kehadiran Pondok

---

<sup>249</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi, pada 11 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>250</sup> Hasil temubual dengan Haji Mohd Soleh, pada 8 September 2010, pukul 12 tengah hari di rumah beliau.

Pesantren Wakaf al-Mukhlishin ini sangat memberikan erti besar bagi masyarakat Baru Bara.

Adapun diantara tuan guru yang memberikan pengajaran dalam bidang ini adalah :

1. Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi (1954).
2. Tuan Guru Haji Muhammad Ridwan Amsal (1948).
3. Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram (1967).
4. Tuan Guru Ahmad Munir (1954).
5. Tuan Guru Haji Syahiri (1966).
6. DR. Haji Bambang Wahyudi (1969)<sup>251</sup>

#### **4.5.1 (c) Peranan Terhadap Pendidikan Sekolah Agama Menengah.**

Dalam menjalankan peranannya pentadbir dan para ustadz dan ustazah Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin sangat serius dalam menjalankan misi pendidikan yang sedang dijalankan, sehingga mendapat kepercayaan dan penghargaan yang besar oleh masyarakat Batubara. Usaha-usaha yang dijalankan sememangnya memberikan erti yang besar bagi kerohanian masyarakat setempat.

Sebelumnya para ibu bapa di Batubara kurang berminat untuk memasukan anak mereka dalam pengajian pondok, perkara ini disebabkan pengaruh dari pada pendidikan yang bersifat umum seperti Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Tadika. Tetapi setelah hadirnya Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin para ibu bapa tersebut sangat berminat untuk memasukan anak mereka di pondok tersebut. Perkara ini kerana rasa kepercayaan mereka terhadap sistem pendidikan

---

<sup>251</sup> Sumber pejabat pentadbiran Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin.

tersebut, terutama kerana para tuan guru yang mengajar sudah sangat dikenal oleh masyarakat tempatan.<sup>252</sup>

Sehingga pertumbuhan jumlah pelajar pun semakin meningkat. Pada julai 2010 jumlah pelajar sekolah menengah kebangsaan ini berjumlah 249 orang, terdiri dari 129 lelaki dan 120 orang perempuan. Sedemikian besar minat para ibu bapa dalam memasukan anak mereka ke pondok ini Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi (1956)<sup>253</sup> mengatakan bahawa untuk kemasukan tahun depan (2011) para pelajar akan di wawancara terlebih dahulu (untuk di seleksi). Perkara ini dilakukan kerana terlalu banyak jumlah pelajar, sementara bilik belajar tidak mencukupi menampung pelajar yang kian tahun bertambah banyak.

Diantara tuan guru yang mengajara adalah : Tuan Guru Muhammad Nasir Akram (1957), Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi (1954), Tuan Guru Haji Ghazali Yusuf (1952), Tuan Guru Haji Muhammad Hifni (1966), Tuan Guru Haji Sabaruddin Ja'far (1970), Tuan Guru Haji Jalaluddin Karim (1969), Ustadzah Hajjah Kamila (1959), dan Tuan Guru Jalaluddin Ilyas (1967).<sup>254</sup>

#### **4.5.1 (d) Peranan Terhadap Pendidikan Tadika Islam.**

Menurut Hasil wawancara dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi (1954)<sup>255</sup> dan Tuan Guru Jalaluddin Ilyas (1967),<sup>256</sup> bahawa pada mulanya tidak ada cadangan para pentadbir Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin untuk mengadakan Pendidikan Tadika Islam ini, tetapi kerana

---

<sup>252</sup> Hasil temubual dengan salah seorang masyarakat Batubara Haji Mohd Soleh, pada 8 September 2010, pukul 12 tengah hari di rumah beliau.

<sup>253</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi, pada 11 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>254</sup> Sumber pejabat pentadbiran Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin.

<sup>255</sup> Hasil temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi, pada 11 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>256</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Jalaluddin Ilyas, pada 4 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

permintaan dari masyarakat yang berkeinginan anak mereka mendapatkan pendidikan juga di pondok tersebut walaupun masih peringkat dasar, maka pada tahun 2006 pendidikan ini mulai dibuka.

Jumlah pelajar pendidikan tadika Islam ini pada tahun 2010 ialah sebanyak 64 orang, terdiri dari 28 orang lelaki dan 36 perempuan. Adapun diantara guru-guru yang mengajar dalam bidang ini ialah : Saudah Nasution (1965), Sumi Kalsum (1989), Yeni Marlina (1986), dan Supiani (1985).<sup>257</sup>

Berdasarkan peranan-peranan tersebut di atas, maka penulis berpendapat bahawa sememangnya Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin ini mempunyai pengaruh dan peranan yang sangat besar bagi masyarakat Batubara. Perkara ini dapat dibuktikan dari peranan-peranan yang telah disebutkan di atas dan respond daripada masyarakat Batubara itu sendiri saat penulis wawancara sangat luar biasa. Sehingga Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin ini dijadikan sebagai kebanggaan daerah Batubara dan pihak kerajaan Batubara.

#### **4.6 MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PONDOK PESANTREN WAKAF AL-MULHLISHIN SERTA CARA MENGATASINYA.**

Setiap organisasi atau institusi pendidikan tidak dapat lari daripada masalah yang dihadapai dari masa ke masa. Oleh sebab itu, kelahiran institusi pondok di Sumatera Utara, khasnya di Batubara, Sebagai institusi pendidikan tradisional juga tidak terlepas daripada permasalahan yang sedikit sebanyaknya menganggu perjalanan institusi tersebut. Sepanjang tinjauan penulis di pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin , antara rungutan permasalahan yang selalu diketengahkan seperti:

---

<sup>257</sup> Sumber pejabat pentadbiran Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin.

#### **4.6.1 (a). Kurang Sumber Kewangan.**

Masalah sumber kewangan merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh kebanyakan institusi pendidikan pondok. Kebanyakan pondok diasaskan di atas tanah tuan guru itu sendiri atau hasil wakaf orang ramai. Sumber kewangan utama juga adalah bergantung kepada pemberian zakat, derma orang ramai, wang pendaftaran pelajar dan kewangan guru pentadbir itu sendiri.

Kekurangan ini banyak menimbulkan masalah kepada pentadbiran pondok dan pelajar-pelajarnya. Sebagai contoh;

- i. Kemudahan infrasturktur di dalam kawasan pondok tidak dapat diselesaikan dengan lengkap. Seperti perpustakaan yang masih sangat sederhana dan ketiadaan makmal untuk keperluan pelajar dan lebih mengenal teknologi moden.
- ii. Proses pembinaan seperti masjid dan asrama banyak tergendala kerana kekurangan wang. Malahan ada antara pondok-pondok yang terpaksa membuat kutipan derma dengan mangadakan “dzikir akbar” di samping menganjurkan majlis ceramah bagi mengumpul dana menyiapkan masjid dan asrama.
- iii. Kesan daripada itu ialah para pelajar tidak mendapatkan keselesaan dalam belajar. Namun pada kenyataannya mereka masih dapat belajar dengan baik. Perkara ini kerana mereka telah di dedahkan oleh para tuan guru dengan kehidupan yang sederhana.

### **Cara Mengatasinya**

Pada pandangan penulis untuk mengatasi masalah ini sudah semestinya di setiap institusi pondok itu mempunyai sesesbuah usaha sendiri yang dapat menampung perbelanjaan pondok itu. Diantara usaha yang penulis maksud ialah seperti institusi pondok mempunyai ladang sawit, perniagaan atau pelbagai usaha yang lainnya, sehingga dengan usaha tersebut membolehkan pondok itu lebih mandiri dalam masalah kewangan.

#### **4.6.1 (b). Kekurangan Guru Pelapis Sepenuh Masa.**

Rentetan daripada kurang sumber kewangan, pentadbiran pondok masa kini, telah menghadapi masalah kekurangan guru pelapis atau pembantu yang bertugas sepenuh masa. Perkara berlaku kerana tidak mampunya pihak pentadbir dalam memberikan hadiah kepada para guru pelapis.

Namun dalam permasalahan ini, Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin telah memberlakukan sistem giliran terhadap para guru. Guru yang tidak ada masa mengajar (sedang rehat), akan dijadikan sebagai guru penjaga dan penolong dalam setiap masalah yang dihadapi oleh para pelajar.

### **Cara Mengatasinya**

Bagi pandangan penulis, sememangnya permasalahan guru pelapis ini tidak menjadi masalah yang sangat serius oleh Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin, namun perkara ini mesti tetap diambil berat juga, kerana ini merupakan perkara yang sangat penting. Oleh itu pihak pentadbir mesti lebih mendisiplinkan para guru penjaga ini, demi terciptanya suasana belajar yang kondusif dan selesa, serta tidak sampai menjelaskan proses pembelajaran.

#### **4.6.1 (c). Tahap Kemampuan Pelajar Yang Berbeza.**

Dari segi pengajaran dan pembelajaran pula, pihak pentadbiran Pondok berhadapan dengan masalah kepelbagian berhubungan dengan tahap kecekapan pelajar. Lebih-lebih lagi kemasukan pelajar daripada aliran agama jauh lebih baik jika dibandingkan dengan lepasan sekolah aliran kebangsaan. Rata-rata pelajar yang baru mendaftarkan diri mereka ke pondok tidak tahu menulis dan membaca jawi. Ini sedikit sebanyak melambatkan seseorang untuk mempelajari kitab yang lebih tinggi.

Hasil pertemuan penulis dengan penolong pondok “Ustadz Muhammad Ya’kub (1983)<sup>258</sup> didapati 30 peratus dari pada pelajarnya berumur 15 tahun ke bawah tidak mahir dalam penulisan jawi. Bagi mengatasi masalah ini pihak pentadbir pondok terpaksa menubuhkan kelas pintas jawi atau kelas iqra’ bagi melatih pelajar menulis dan membaca. Namun kerana kemahuan yang besar, para pelajar tersebut terus berlatih untuk memahirkan penulisan dan membaca jawi tersebut hingga hari ini (16 September 2010).<sup>259</sup>

#### **Cara Mengatasinya**

Dalam pandangan penulis, untuk mengatasi permasalahan ini, hendaknya pihak pentadbir memberikan kursus terlebih dahulu sebelum para pelajar mulai mengikuti proses pembelajaran dalam kelas. Perkara ini dilakukan guna para pelajar yang belum mahir dalam membaca dan menulis jawi tidak terbebani disaat mereka membaca kitab yang lebih tinggi lagi.

---

<sup>258</sup> Hasil temubual dengan Ustadz Mohd Yakub, pada 8 September 2010, pukul 10.00 pagi di rumah beliau.

<sup>259</sup> *Ibid.*,

#### **4.6.1 (d). Kemudahan Transportasi .**

Sememangnya Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin ini terletak di kawasan yang strategik, tidak di pusat bandar dan tidak pula di pedalaman kampung, sehingga jalan menuju ke pondok ini tidak menjadi masalah. Namun yang penulis maksud pondok ini ada masalah dalam transportasi ialah pihak pentadbir tidak menyediakan bas khas pondok. Sehingga para pelajar yang tidak tinggal di asrama terkadang mesti beratur untuk menunggu kendaraan umum.

Bagi pandangan penulis, mempertimbangkan jumlah pelajar yang tinggal bersama ibu bapa mereka jumlahnya jauh lebih besar daripada pelajar yang tinggal di asrama, maka sudah semestinya pentadbir pondok tersebut menyediakan sesebuah bas khas sebagai transportasi mereka untuk datang ke pondok dan pulang ke rumah mereka. Namun ini tidak menjadi permasalahan yang besar bagi para pelajar, tetapi mesti di perhatikan juga supaya dapat menaikkan nama institusi pondok tersebut.

#### **Cara Mengatasinya**

Pandangan penulis untuk mengatasi permasalahan ini pihak pentadbir ada baiknya memperbincangkan permasalahan ini dengan pihak kerajaan. Semoga daripada pihak kerajaan dapat membantu pentadbir dalam menyediakan khidmat bas yang diperlukan oleh para pelajar.

### **4.7 KESIMPULAN**

Latar belakang ditubuhkannya Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin kerana adanya kekhawatiran tokoh masyarakat daerah Batubara terhadap kehidupan beragama masyarakat tempatan, sehingga pada hari bulan 8 September 1997 pondok

pesantren tersebut berjaya dibutuhkan yang bertempat di perkampungan Tanjung Tiram.

Diantara pendiri pondok tersebut adalah Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram (1967) dan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi (1954). Tentunya pada masa penubuhan tersebut mendapatkan banyak cabaran, seperti : faktor ekonomi dan persaingan pendidikan, namun perkara tersebut berjaya dihadapi oleh para pengurusi dengan cara bekerjasama dalam menghadapi pelbagai cabaran tersebut.

Adapun sistem pembelajaran yang digunakan di Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin adalah secara hafalan. Dimana para pelajar diwajibkan menghafal bahan pelajaran dari kitab-kitab yang telah ditentukan oleh tuan guru. Namun begitu, pelajar dikehendakai menghafal kitab-kitab mengikuti tahap yang telah ditentukan oleh lujnah pendidikan, setelah seseorang pelajar mendaftarkan diri memasuki pondok berkenaan.

Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin yang ditubuhkan pada hari bulan 8 September 1997 tersebut ternyata mempunyai peranan yang sangat besar terhadap perkembangan pendidikan Islam di daerah Batubara. Peranan tersebut dapat diklasifikasikan kepada 2 (dua) peranan. **Peranan Pertama** : Peranan Umum, seperti : Memperkenalkan tulisan jawi bagi memudahkan membaca al-Quran, penulisan kitab-kitab agama, perubatan Islam, dan penyuburan dan penghayatan Islam. **Peranan Kedua** : Peranan Khusus, ialah : Pendidikan tafsir al-Quran, pendidikan ibadah manasik haji, pendidikan sekolah agama menengah dan pendidikan tadika Islam.

Daripada sudut kefahaman masyarakat terhadap pengajian di institusi pondok pesantren penyelidik mendapati bahawa masyarakat temapatan pada umumnya memahami institusi pondok tersebut, kerana sebahagian daripada masyarakat tersebut, pernah juga belajar di institusi pondok dan banyak pula

diantara mereka yang bertempat tinggal berhampiran di kawasan pondok. Sehingga mereka mempunyai banyak maklumat terhadap institusi tersebut, dan perkara ini dapat memberikan maklumat penting pula kepada penyelidik sehingga dapat menjadikan hasil penyelidikan ini menjadi akurat.

Sebagaimana institusi lainnya, institusi pondok pesantren pun tentunya memiliki beberapa masalah yang dihadapi. Adapun diantara masalah yang dihadapi oleh Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin adalah : Sumber kewangan yang tidak tetap, faktor kekurangan guru pelapis, tidak adanya peraturan ketat kepada para pelajar dan wujudnya persaingan hebat daripada institusi-institusi pendidikan moden.

Menurut para responden, cadangan untuk mengatasi permasalahan yang telah dikemukakan di atas, dan demi bagi mengembalikan kegemilangan institusi pondok semula, diantaranya : Memberikan kualiti terbaik dalam pendidikan Islam, memberikan aktiviti kemahiran hidup seperti pertukangan dan melakukan ubah suai daripada bidang apapun sekiranya diperlukan.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **1. KESIMPULAN**

Tajuk daripada penelitian ini adalah : “Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin : Sejarah Dan Peranannya Terhadap Pendidikan Islam Di Daerah Batubara (1997 – 2010). Sumatera Utara – Indonesia. Adapun alasan penulis dalam mengkaji pondok tersebut salah satunya adalah penulis sangat berminat mengetahui secara mendalam perjalanan sejarah dan peranan pondok tersebut dalam memberikan pendidikan Islam terhadap masyarakat tempatan, menurut penulis meskipun pondok pesantren tersebut masih berusia muda, namun sudah boleh memberikan kepercayaan kepada masyarakat daerah Batubara dalam bidang pendidikan Islam.

Berdasarkan latarbelakang diatas maka penulis mengambil langkah menetapkan beberapa objektif kajian, iaitu :

1. Mendedahkan sejarah pendidikan Islam di daerah Batubara.
2. Menjelaskan sejarah Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin di daerah Batubara.
3. Menerangkan sistem dan metode pengajian yang dijalankan di pondok berkenaan.
4. Menjelaskan peranan Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin terhadap pendidikan Islam di daerah Batubara mulai 1997 – 2010.
5. Menganalisis kefahaman masyarakat berhubungan dengan pengajian pondok, dan permasalahan yang dihadapi oleh institusi pondok tersebut serta cara mengatasinya.

Berdasarkan penyelidikan yang telah penulis jalankan, maka mendapati maklumat bahawa sejarah pendidikan Islam di daerah Batubara dapat diklasifikasikan kepada 2 (dua) tahapan.

### **Tahapan Pertama : Pendidikan Secara Informal**

Tahapan pendidikan Islam pada masa ini belum lagi menggunakan sistem dan perancangan pendidikan secara teratur.

Adapun pengajian-pengajian diadakan di surau, masjid, rumah tok guru bahkan di istana. Bentuk pendidikan secara *informal* ini dapat dikesan pada abad ke 6 M. ditandai dengan tertubuhnya kerajaan Niat Lima Laras.

Diantara pelopor terawal dalam pendidikan *informal* ini adalah Che' Ayung (1700 an), Syeikh Hj. Mad Zein Tasak (1800 an), Syeikh Yahya (1800 an), Tuan Hj. Musa (1800 an).

### **Tahapan Kedua : Pendidikan Secara Formal**

Pendidikan Islam secara formal hanya dapat dikesan pada awal tahun 1930 an, ditandai dengan tertubuhnya institusi Islam *al-Jamiatu al-Washliyah* pada 30 November 1930 M di Medan.

Pada tahun 1934 M ditubuhkanlah sesebuah maktab di Kampung Panjang – Batubara, pada tahun 1956 ditubuhkan pula sekolah agama yang diberinama *Madrasah al-Jamiatu al-Washliyah* di kampung Bagan Dalam. Pada perkembangan berikutnya tertubuhlah beberapa madrasah / sekolah agama lainnya di kawasan daerah Batubara.

Diantara para pelopor pada masa ini adalah : Tuan Hj. Abdul Wahab (1800 an) di Pematang Panjang, Tuan Rofi'i (1800 an) di perkampungan Talawi, dan Tuan Anwar (1900 an) di perkampungan Simpang Gambus – Lima Puluh.

Bentuk pengajian pada masa ini sudah terkesan teratur dan kemas, kerana memiliki perancangan / kurikulum pengajian. Pengajian yang dijalankan pun bukan sekadar fardhu ain dan kifayah sahaja, namun sudah dikembangkan seperti mempelajari ilmu *tauhid*, ilmu *tasawuf*, ilmu *fikah*, dan sebagainya.

Hasil kajian yang penulis dapati bahawa mengenai sejarah perkembangan institusi pondok di daerah Batubara pula juga dimulai dengan pendidikan dalam bentuk *informal* yang diadakan di pelbagai tempat. Adapun diantara tempat yang dijadikan sebagai tempat pengajian pada masa ini adalah rumah-rumah tok guru, surau-surau, masjid-masjid dan istana Niat Lima Laras yang ditubuhkan pada abad ke 16 M.

Sebelum abad ke 16 M tersebut di wilayah negeri Sumatera Utara sudah pun lebih awal lagi mengadakan pengajian secara *informal*. Namun seiring dengan perkembangan zaman dan pola fikir manusia, banyak daripada masyarakat tempatan menginginkan pengajian Islam ini diadakan secara teratur, seperti memiliki tempat pengajian yang khas dan mempunyai kurikulum pengajaran.

Sebagai respond terhadap kemahuan masyarakat tersebut, maka pada tahun 1912 M, ditubuhkanlah sesebuah institusi pondok di aliran sungai Aek Singolut di Lembah Gunung Merapi, Sumatera Utara yang diberi nama Pondok Pesantren Musthofawiyah. Secara khusus pondok pesantren ini mendapatkan sokongan penuh

oleh masyarakat tempatan dan masyarakat dari darerah dan negeri lain pada umumnya.

Atas kejayaan Pondok Pesantren Musthofawiyah ini, maka pada tahun-tahun berikutnya ditubuhkanlah ratusan buah pondok di pelbagai pelosok daerah di negeri Sumatera Utara. Sehingga institusi pondok dianggap sebagai sekolah popular yang terawal bercorak spiritual sebelum wujudnya sistem pendidikan Barat di Nusantara dan Semenanjung.

Hasil kajian penulis mendapati bahawa secara khusus di daerah Batubara institusi pondok baru ditubuhkan pada tahun 1971 M, iaitu Pondok Pesantren *al-Washliyah* di perkampungan Talawi. Pondok pesantren inilah yang menjadi salah satu tumpuan masyarakat daerah Batubara dalam mengkaji ajaran Islam pada masa itu. Berdasarkan minat masyarakat daerah Batubara dalam menuntut ilmu agama, maka pada tahun 1988 di tubuhkan kembali institusi pondok yang diberinama Pondok Pesantren *Darul Muhsinin* di perkampungan Lima Laras – Tanjung Tiram.

Penulis juga mendapati bahawa pada perkembangan berikutnya kedua institusi pondok tersebut tidak beroperasi lagi disebabkan beberapa faktor, diantaranya : faktor ekonomi, kekurangan guru yang profesional dan terletak di pelosok perkampungan, sehingga pada tahun 1997 ditubuhkan institusi pondok semula dan diberinama Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin di perkampungan Tanjung Tiram – Batubara, berkat pengolahan yang profesional pondok ini masih beroperasi dengan sangat efektif hingga sekarang ini (2010) dan memiliki jumlah pelajar yang banyak.

Latar belakang ditubuhkannya Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin kerana adanya kekhawatiran tokoh masyarakat daerah Batubara terhadap kehidupan beragama masyarakat tempatan, sehingga pada hari bulan 8 September

1997 pondok pesantren tersebut berjaya dibutuhkan yang bertempat di perkampungan Tanjung Tiram.

Diantara pendiri pondok tersebut adalah Tuan Guru Haji Muhammad Nasir Akram (1967) dan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Mukthi (1954). Tentunya pada masa penubuhan tersebut mendapatkan banyak cabaran, seperti : faktor ekonomi dan persaingan pendidikan, namun perkara tersebut berjaya dihadapi oleh para pengurusi dengan cara bekerjasama dalam menghadapi pelbagai cabaran tersebut.

Hasil penyelidikan penulis mendapati bahawa sistem pembelajaran yang digunakan di Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin adalah secara hafalan. Dimana para pelajar diwajibkan menghafal bahan pelajaran dari kitab-kitab yang telah ditentukan oleh Tuan Guru. Namun begitu, pelajar dikehendakai menghafal kitab-kitab mengikuti tahap yang telah ditentukan oleh lujnah pendidikan, setelah seseorang pelajar mendaftarkan diri memasuki pondok berkenaan.

Hasil penyelidikan penulis juga memberikan kesimpulan bahawa Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin yang ditubuhkan pada hari bulan 8 September 1997 tersebut ternyata mempunyai peranan yang sangat besar terhadap perkembangan pendidikan Islam di daerah Batubara. Peranan tersebut dapat diklasifikasikan kepada 2 (dua) peranan. **Peranan Pertama** : Peranan Umum, seperti : Memperkenalkan tulisan jawi bagi memudahkan membaca al-Quran, penulisan kitab-kitab agama, perubatan Islam, dan penyuburan dan penghayatan Islam. **Peranan Kedua** : Peranan Khusus, ialah : Pendidikan tafsir al-Quran, pendidikan ibadah manasik haji, pendidikan sekolah agama menengah dan pendidikan tadika Islam.

Menurut hasil penyelidikan penulis bahawa berdasarkan kedua peranan tersebut Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin tetap mendapatkan kepercayaan masyarakat tempatan dalam bidang pendidikan Islam. Sehingga keberadaan pondok tersebut memberikan erti besar terhadap spiritual masyarakat tempatan. Kejayaan

dalam memainkan peranan inilah yang tidak dimiliki oleh kedua pondok sebelumnya (Pondok Pesantren al-Washliyah dan Pondok Pesantren Darul Muhsinin). Sehingga kedua pondok tersebut tidak dapat mempertahankan keberadaannya di tengah-tengah masyarakat daerah Batubara. Sehingga penulis menarik suatu kesimpulan besar bahawa **Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin sememangnya berjaya dalam memberikan pendidikan Islam terhadap masyarakat daerah Batubara dan masih lagi wujud dan terus berkembang hingga penyelidikan ini tamat dijalankan.**

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan penulis dengan menggunakan metode wawancara dan penyebaran soal selidik bahawa daripada sudut kefahaman masyarakat terhadap pengajian di institusi pondok pesantren penyelidik mendapati bahawa masyarakat tempatan pada umumnya memahami institusi pondok tersebut, kerana sebahagian daripada masyarakat tersebut, pernah juga belajar di institusi pondok dan banyak pula diantara mereka yang bertempat tinggal berhampiran di kawasan pondok. Sehingga mereka mempunyai banyak maklumat terhadap institusi tersebut, dan perkara ini dapat memberikan maklumat penting pula kepada penyelidik sehingga dapat menjadikan hasil penyelidikan ini menjadi akurat.

Sebagaimana institusi lainnya, institusi pondok pesantren pun tentunya memiliki beberapa masalah yang dihadapi. Adapun diantara masalah yang dihadapi oleh Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin adalah : Sumber kewangan yang tidak tetap, faktor kekurangan guru pelapis, tidak adanya peraturan ketat kepada para pelajar dan wujudnya persaingan hebat daripada institusi-institusi pendidikan moden.

Menurut para responden, cadangan untuk mengatasi permasalahan yang telah dikemukakan di atas, dan demi bagi mengembalikan kegemilangan institusi pondok semula, diantaranya : Memberikan kualiti terbaik dalam pendidikan Islam,

memberikan aktiviti kemahiran hidup seperti pertukangan dan melakukan ubah suai daripada bidang apapun sekiranya diperlukan.

## **2. SARANAN**

Meskipun Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin tersebut mempunyai peranan yang sangat besar terhadap pendidikan bagi masyarakat Batubara, sebaiknya daripada pihak pentadbiran pondok tersebut lebih meningkatkan lagi mutu pendidikan, sehingga terus dan menambahkan lagi kepercayaan masyarakat Batubara kepada institusi pengajian pondok.

Mutu pendidikan yang penulis maksudkan adalah dari pelbagai bidang, seperti : kurikulum, tenaga pengajar yang profesional dan kedisiplinan, dan paling utama adalah menjaga hubungan baik terhadap masyarakat tempatan, sehingga terjadi kemesraan antara pihak pondok dan masyarakat.

Pihak pondok juga sebaiknya terus menjalin hubungan baik dengan kerajaan setempat, guna mendapatkan sokongan penuh dan mendapatkan bantuan kewangan sekiranya diperlukan. Mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pentadbiran pondok sebaiknya terus diadakan evaluasi dengan cara mengadakan musyawarat dengan para guru atau ke pihak kerajaan, sehingga mendapatkan hasil yang sangat memuaskan.

Akhirnya saranan kepada pihak pentadbiran pondok, para guru, dan para pelajar hendaknya terus semangat dalam menjalankan dakwah Islam dan menjaga nama baik Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlishin, sehingga wibawah pondok tersebut tetap eksis di tengah-tengah masyarakat Islam dan terutama bagi masyarakat daerah Batubara.